

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 10	Selasa	6 Mei 2014
----------------	---------------	-------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
USUL:		
Waktu Mesyuarat dan Urusan		
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	27)
RANG UNDANG-UNDANG:		
Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2013	(Halaman	27)
Rang Undang-undang Bahan-bahan Kakisan dan Letupan, dan Senjata Berbahaya (Pindaan) 2013	(Halaman	66)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA

Selasa, 6 Mei 2014

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas** minta Perdana Menteri menyatakan, jumlah peruntukan setiap tahun yang digunakan bagi membantu mangsa banjir dan kebakaran di Malaysia mengikut negeri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan bagi setiap tahun untuk membantu mangsa banjir oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri adalah tidak sama kerana ia bergantung pada keadaan dan situasi semasa bencana banjir berlaku. Penyaluran bantuan wang ihsan RM500 kepada ketua isi rumah yang terlibat dengan bencana banjir dari Kerajaan Persekutuan adalah sebagai bukti keprihatinan kerajaan dalam meringankan beban mangsa banjir. Bantuan yang diberikan ini bukanlah ganti rugi atau pampasan, sebaliknya bantuan ihsan yang bersandarkan kemampuan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

Manakala bagi kebakaran pula, pada umumnya kejadian kebakaran tidak diklasifikasikan sebagai bencana alam yang melayakkannya menerima bantuan ihsan dari kerajaan menerusi MKN. Namun atas dasar keprihatinan Kerajaan Pusat, terdapat beberapa bantuan yang disalurkan melalui agensi-agensinya yang berkaitan.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri yang menjawab soalan tadi. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah pasukan penyelamat seperti Pasukan SMART ada dibekalkan dengan kepakaran dan kelengkapan yang cukup serta terkini bagi menghadapi sebarang bencana? Adakah mereka ini mempunyai bilangan anggota yang cukup bagi memastikan setiap bencana yang berlaku dapat dikawal selia dengan baik? Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama fasal SMART *Team*. Pasukan SMART ini, baru-baru ini saya telah menjawab bahawa Pasukan SMART ini adalah satu pasukan khas yang ditubuhkan selepas kejadian di bangunan runtuh *Highland Towers*. Selepas itu Pasukan SMART ini telah dibangunkan, dibina dan ia mempunyai kelengkapan yang mencukupi. Kita memberi bantuan kepada pelbagai negara di seluruh dunia tetapi baru-baru ini kita sedar bahawa

semua agensi penyelamat ini mesti didaftarkan di bawah INSARAG iaitu di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu.

Sekiranya kita tidak mendaftar, maka ada negara-negara yang menyertai INSARAG, kita bagi tawaran untuk memberi bantuan, dia lambat jawab sebab bantuan ini adalah bantuan yang kena bagi serta-merta. Jadi, baru-baru ini Kerajaan Pusat telah memutuskan, Kabinet telah memutuskan tiga minggu yang lepas untuk mendaftar *SMART Team* ini di bawah Bangsa-bangsa Bersatu. Proses biasa mengambil masa tiga tahun tetapi Malaysia oleh kerana telah menyertai pasukan penyelamat di seluruh dunia, ia hanya benarkan setahun tetapi kita kena ada mentor. Mentor kita ialah sama ada Indonesia ataupun Singapura yang telah mendaftar lebih awal. Sekarang ini kita pilih Singapura sebab kosnya tidak tinggi. Ini ialah proses pendaftaran biasa tetapi *SMART Team* ini telah mempunyai kelengkapan yang mencukupi.

Berhubung dengan bantuan banjir, ini diuruskan oleh pelbagai agensi dan juga jawatankuasa yang telah kita bentuk. Pertama sekali di peringkat daerah, kita ada jawatankuasa di peringkat daerah. Kemudian jawatankuasa di peringkat negeri. Di peringkat daerah dipengerusikan oleh pegawai daerah dan negeri dipengerusikan oleh setiausaha kerajaan. Sementara di pusat dipengerusikan oleh seorang Menteri dan jawatankuasa khas akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa ini terdiri daripada pelbagai agensi yang terdiri ataupun terdapat juga sumbangan daripada sukarelawan yang menyertai jawatankuasa ini untuk memberi bantuan semasa banjir dan juga lain-lain bencana alam. *SMART Team* ini akan didatangkan pada perkara-perkara yang lebih khusus, bencana yang lebih khusus.

Baru-baru ini semasa banjir berlaku di Kuantan dan juga Terengganu dan juga seluruh negara termasuk juga di tempat-tempat lain seperti di Pahang, termasuk juga di Sabah dan Sarawak, *SMART Team* kita hantar untuk menampung kekurangan yang dihadapi oleh jawatankuasa banjir di peringkat daerah. Jadi, kehadiran *SMART Team* ini adalah untuk membantu kes-kes yang berat dan juga lebih serius. Soalan awal tadi ialah sama ada Malaysia mempunyai kelengkapan yang secukupnya, kita bangunkan perlahan-lahan tetapi kalau dilihat secara keseluruhannya, *SMART Team* sebagai satu badan, ia boleh mendapatkan pertolongan daripada pelbagai agensi seperti kapal terbang dan juga lain-lain lagi.

■1010

Jadi, anggota yang ada akan diperbesarkan dari semasa ke semasa. Kehadiran kita setaraf dengan negara-negara lain di peringkat antarabangsa yang ada pasukan penyelamat. Contoh negeri-negeri yang telah kita pergi seperti Pakistan - banjir dan juga gempa bumi, Indonesia- gempa bumi, kemudian New Zealand, Australia. Cuma Jepun dan China baru-baru ini sebab kita tidak menyertai pasukan, tidak mendaftar di bawah INSARA, maka mereka menjawab dengan lambat. Jadi, pada keseluruhannya *SMART Team* ialah pasukan yang lengkap tetapi jangan fikir bahawa macam kata ada banjir kecil, *SMART Team* hadir. *SMART Team* hadir untuk kes-kes yang lebih berat daripada itu.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya iaitu memandangkan bahawasanya selain daripada banjir dan kebakaran yang menimpa,

Malaysia juga kini terdedah kepada mala petaka seperti tsunami, tanah runtuh, wabak penyakit dan lain-lain. Mala petaka ini tidak mengira masa dan waktu yang mana pertanyaan saya adalah walaupun tadi saya ucapkan tahniah ada perancangan untuk mewujudkan *SMART Team* tetapi saya memandangkan bahawasanya peruntukan di peringkat yang terendah.

Maksud saya peringkat kampung, JKKK bagi kegunaan sewaktu mala petaka ini berlaku. Ini memandangkan kerap kali apabila berlaku perkara-perkara disebut itu tadi, telah pun menjadi satu rungutan rakyat bahawasanya bantuan ini lambat terima. Maknanya, kalau boleh minta kerajaan mengkaji supaya ada peruntukan khas diberikan terus kepada JKKK. Bila berlaku mala petaka, dengan cepat JKKK bertindak untuk memberi sumbangan pada masa-masa tertentu. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Terima kasih. Saya sedar bahawa rakyat tidak memahami sepenuhnya tentang kehadiran *SMART Team*. Kalau berlaku perkara-perkara tertentu, mereka mengingatkan di mana *SMART Team*. Kejadian banjir ini ataupun bencana di peringkat daerah, pengerusinya adalah pegawai daerah. Itu sebab baru-baru ini saya mengeluarkan kenyataan sedikit, walaupun ia secara umum saya sebut supaya anggota kerajaan mestilah badannya diturunkan ke berat badan 80 kilogram, saya bermaksud di sini ialah mereka mesti cergas terutamanya di barisan hadapan.

Pegawai-pegawai di barisan hadapan, dia mesti cergas dan bila mereka cergas, sudah semestinya mereka boleh mengaturnya dengan baik. Akan tetapi kalau berat sangat, dia ada masalah. Jadi, bukanlah hendak kata kalau pegawai berat tak boleh jadi pegawai daerah. Akan tetapi biarlah pegawai-pegawai di barisan hadapan itu segar tubuh-badan, segar fikiran dan sebagainya.

Bantuan yang dikeluarkan oleh MKN. MKN ini bagi bantuan wang ehsan ini. Kita boleh bagi, kalau borang katalah *disubmit* sebelum pukul 9 pagi, kita boleh bagi sebelum pukul 4 petang, kita boleh keluarkan duit. Itulah proses yang ada. Akan tetapi yang lambat itu ialah apabila di peringkat bawah itu lambat sampai, jadi lambat bayarlah. Kalau sekiranya JKM daftar dengan cepat dan pejabat daerah-*endorse*, sudah pasti dia dapat dibayar dengan cepat. Kenapa bantuan ini lambat?

Saya percaya tidak ada kes yang bantuan yang lewat daripada 24 jam. Ini di antara yang terbaik. Saya hendak katakan, kadang-kadang orang kalau kata yang terbaik, dalam *Facebook* sekejap lagi masuk, "Ini saya dua hari baru dapat, tak terbaik". Dia ambil satu kes, dia kata tak terbaik. Padahal kita berlaku sahaja banjir, kita sudah hadir. Oleh sebab jawatankuasa kita yang dibentuk, bersiap siaga dari semasa ke semasa iaitu jawatankuasa di peringkat daerah yang kita lihat ada agensi penyelamatnya dengan aset sekali seperti bomba, JPAM, RELA, kesihatan, polis, tentera. Ini semua ini bersiap sedia. Makanan, jabatan kebajikan akan bagi. Kemudian wakil-wakil rakyat juga boleh memberi sumbangan kepada banjir. Kerajaan negeri sendiri mempunyai tabung bencana banjir di peringkat negeri.

Jadi, kalau dari segi agensi yang terlibat, dari segi sumber bantuan yang ada, tak mungkin kita boleh lewat. Yang Berhormat boleh sebutkan di mana yang kita terlewat. Kecuali satu yang saya tak dapat nafikan, yang di Kuantan sebab kita merancang 5,000 orang. Tiba-tiba bantuan yang kita bagi sekarang untuk pengetahuan Yang Berhormat ialah yang pertama sekali yang berpindah. Kita telah keluarkan RM7 juta. Kemudian yang tercicir. Ini baru saya bagi baru-baru ini, RM5 juta. Maklumat

terbaharu bahawa dijangka mungkin 10,000 orang lagi yang tercicir. Selalunya yang tercicir ini dalam 1,000 orang bukan? Ini 10,000 orang tercicir.

Semasa saya pergi pun dia kata ada lagi tercicir. Jadi, kemungkinan angka ini akan naik sedikit lagi. Maknanya, ini kali yang terakhirlah yang tercicir yang tidak pindah ke pusat banjir. Jadi, dari segi bantuan, *alright*. Akan tetapi semua orang yang hadir di pusat banjir, mereka mendapat bantuan makanan selewat-lewatnya malam itu sebab di siang hari, kita telah pindahkan 25,000 orang. Ini pada di Kuantan itu kita pindahkan 25,000 orang dan hari kedua, semua sudah *stabilised* balik, kita pindahkan semua. Jadi, pada hari pertama, banyak orang menyebut kenapa bot tidak datang pada hari yang pertama.

Jadi, semua orang tidak tahu bahawa banjir akan berlaku cukup luar biasa dan tidak pernah berlaku sebegitu besar di Kuantan. Jadi, bila kita mungkin terkurang sedikit dalam masa 12 jam tetapi selepas itu kita kembali kepada sedia kala. Jadi Yang Berhormat, bantuan banjir ini bukan sahaja diberi oleh agensi kerajaan dan juga sukarelawan tetapi rakyat Malaysia secara keseluruhan. Selalunya pada hari yang kedua, hari yang ketiga, sudah berpusu-pusu datang untuk memberi bantuan. Menolong orang ini adalah sesuatu yang cukup luar biasa di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

2. Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, sama ada kementerian akan memperkenalkan, 'Satu Pelatih Satu Sukan' kepada pelatih OKU di Pusat Latihan Pemulihan dan Perindustrian.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebajikan golongan OKU adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Walau bagaimanapun, kementerian ini sentiasa menggalakkan masyarakat OKU bergiat aktif dalam sukan dan sentiasa menyokong serta mengalu-alukan usaha pihak-pihak yang turut sama memajukan sukan negara.

Oleh itu kementerian ini mengalu-alukan sekiranya usaha dan cadangan daripada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dalam mewujudkan 'Dasar Satu Pelatih, Satu Sukan' di setiap pusat pemulihan dan perindustrian.

Sebagai contoh, Kementerian Pelajaran Malaysia telah membuat dasar di mana 'Satu Murid, Satu Sukan' dilaksanakan di setiap sekolah. Kementerian yakin dan pasti usaha ini mampu mempercepatkan lagi mekanisme budaya sukan di kalangan masyarakat ke arah mencapai negara bersukan.

Kementerian ini sentiasa membantu dari segi dana dan pembangunan sukan OKU kepada persatuan-persatuan sukan OKU di peringkat negeri dan kebangsaan. Sebagai contoh, Majlis Paralimpik Malaysia dan Majlis Sukan dan Rekreasi OKU Malaysia, Persatuan Sukan dan Rekreasi OKU Negeri dan lain-lain.

Walau bagaimanapun Kementerian sedang melaksanakan program *Inspire iTalent* dan *iTrain* di seluruh negara. Program ini merupakan program pencarian bakat baru OKU dalam sukan yang penyertaannya terbuka kepada semua golongan OKU di peringkat akar umbi.

Program ini merupakan platform bagi golongan OKU untuk menceburkan diri dalam sukan. Program ini juga melibatkan kerjasama pelbagai pihak dan agensi termasuklah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Bahagian Pendidikan Khas, Majlis Sukan Negara, Institut Sukan Negara dan lain-lain.

Antara atlet OKU yang telah berjaya mengharumkan nama negara seperti Hasihin Sanawi yang menyumbang pingat perak dalam acara memanah di Sukan Paralimpik London, 2013. KBS juga telah memberikan kadar insentif yang sama kepada atlet OKU dengan atlet normal. Harapan KBS, usaha ini dapat mencari bakat OKU dan kerjasama semua pihak adalah diharapkan untuk sama-sama membantu pencarian bakat, khususnya di kalangan ibu bapa dan agensi-agensi yang berkaitan. Sekian, terima kasih.

Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah rancangan di bawah Kementerian untuk mengadakan kemudahan-kemudahan di pusat-pusat sukan di setiap negeri? Oleh sebab di setiap negeri telah pun ditubuhkan pertubuhan PESRON seperti mana yang diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Masalah yang dihadapi oleh OKU yang inginkan riadah dan sukan mendapati tempat-tempat macam *badminton court*, *tennis court* dan juga tempat-tempat lain, tidak ada kemudahan. Jadi mungkin Kementerian boleh memberi perhatian untuk menjadikan tempat-tempat ini mudah diakses oleh OKU supaya mereka boleh menceburi diri dalam sukan dan riadah. Terima kasih.

■1020

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kebetulanannya pada tahun 2002, Kementerian Belia dan Sukan telah diberi tanggungjawab untuk membangunkan sukan Paralimpik daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Kementerian Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara telah dipertanggungjawabkan untuk membangunkan dan mencari bakat-bakat OKU di peringkat akar umbi.

Daripada segi peranan dan tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan, kita telah memastikan supaya orang-orang kurang upaya ini tidak tercicir daripada pembangunan sukan. Pada masa ini, kita lihat program *Inspire* telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan pada 6 Mac 2014 sempena perasmian Pusat Kecemerlangan Sukan Paralimpik, Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Kemudahan sukan yang ada di situ meliputi kolam renang, gimnasium, dewan badminton, dewan memanah dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, pada masa ini, kita tidak mempunyai kemudahan-kemudahan seperti ini di seluruh negara. Akan tetapi, Kementerian Belia dan Sukan akan buat sebaik boleh dalam masa yang terdekat. Terima kasih.

3. Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, menyatakan apakah inisiatif Kementerian bagi memantau aktiviti pencerobohan nelayan di zon larangan selain dari cadangan mewujudkan pasukan sukarelawan nelayan laut yang ahlinya terdiri dari nelayan sendiri.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah bertanyakan soalan berkenaan dengan pencerobohan nelayan di zon-zon larangan penangkapan ikan.

Sukacita saya maklumkan pada masa ini, agensi tunggal yang bertanggungjawab melaksanakan pengawasan dan pemantauan serta penguatkuasaan di kawasan-kawasan nelayan ini ialah APMM ataupun Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Walau bagaimanapun, Jabatan Perikanan juga meneruskan kerja-kerja pemantauan berhubung dengan pencerobohan yang dilakukan ini.

Untuk makluman Dewan, selaras dengan Akta Perikanan 1985, Jabatan Perikanan telah mengambil tindakan ke atas mana-mana *vesse/* yang melakukan kesalahan di bawah berkenaan dan mengenakan kadar kompaun yang lebih tinggi mengikut seksyen 31 Akta Perikanan 1985 ini. Pelaku-pelaku kesalahan yang berulang kali dikenakan tindakan atau hukuman yang lebih tinggi iaitu sehingga kepada RM20,000 kompaun kita kenakan dan juga bot-bot mereka digantung, lesen-lesen mereka digantung dan Tuan Yang di-Pertua, subsidi diesel yang diberi kepada mereka juga ditahan. Elaun sara hidup juga ditahan sehingga kes mereka itu selesai. Penggantungan selama enam bulan biasanya kalau kesalahan berlaku berulang kali.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada tindakan keras yang diambil oleh pihak penguat kuasa Jabatan Perikanan dan juga APMM, kita juga pada masa ini sedang menyemak semula dan mengkaji semula zon penangkapan ikan dan kita bercadang untuk memperluaskan kawasan penangkapan ikan bagi zon pantai yang pada masa ini hanya terhad kepada lima batu nautika kepada lapan batu nautika. Maknanya dengan peluasan ini, maka kita harap tidak dapatlah pihak penceroboh dengan sesuka hati mengganggu gugat nelayan-nelayan pantai.

Selain daripada itu, kita juga bercadang untuk meningkatkan kompaun sepertimana yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, kesalahan pertama cuma RM600 dan juga bagi kesalahan yang berulang kita kenakan kompaun sehingga RM20,000 dan RM30,000 tetapi kita bercadang untuk meningkatkannya kepada RM1,000 bagi kesalahan yang pertama dan juga kepada RM30,000 bagi kesalahan yang berulang kali. Penggantungan juga kita bercadang untuk dipanjangkan daripada enam bulan kepada setahun iaitu lebih keras lagi tindakan yang akan diambil. Selain daripada itu, peralatan seperti bot, pukut dan sebagainya akan kita rampas. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Soalan tambahan saya berbunyi begini, apakah puncanya nelayan asing sering menceroboh zon larangan kita? Jarang saya dengar nelayan

kita mencero bohi perairan antarabangsa atau kawasan larangan negara jiran. Adakah hasil laut kita lumayan? Rasanya sama sahaja atau mungkin penguatkuasaan dan hukuman kita tidak berat. Mungkin juga berlakunya sogokan di tengah laut. Ini bukan saya hendak menuduh mana-mana pihak, Tuan Yang di-Pertua, tapi kes ini kerap kali kita dengar di akhbar-akhbar. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat. Semalam saya ada sebut jumlah penangkapan ikan 1.4 juta metrik tan dan daripada situ, dua pertiga lebih kurang satu juta metrik tan adalah daripada kawasan pantai, zon pantai. Jadi maknanya di situlah banyaknya sumber ikan. Makanya, pencerobohan berlaku di situ termasuk pencerobohan oleh warga asing.

Selain daripada itu, saya nak maklumkan kepada Yang Berhormat, sebenarnya kes pencerobohan ini telah berkurangan. Saya lihat daripada perangkaannya, daripada tahun 2012 umpamanya, berjumlah 186 kes pencerobohan dan penangkapan dan daripada jumlah itu, pada tahun sudah telah menurun kepada 39 sahaja yang menunjukkan bahawa lebih kurang 20% sahaja kes-kes pencerobohan dan tindakan yang diambil kepada penceroboh berbanding tahun 2012. Ini satu kejayaan daripada segi penguatkuasaan pihak penguat kuasa berhubung dengan tanggungjawab mereka menangani pencerobohan ini.

Kalau kita nak tanya mengapa warga asing pula yang berani, itu saya tak dapat nak jawablah. Mungkin dia orang ini tak fikir hal tuhan, dia fikir tamak dia nak banyak untung sahaja. Tamak haloba. Warga asing ini tahulah siapa dia. Vietnam, Thai dan sebagainya. Orang Malaysia ini kebanyakan kita, kita beragama. Kita tak ada tamak haloba macam dia orang, kira hal dunia sahaja, bukan?

■1030

Kerja-kerja yang seperti itu kita tidak buat. Jadi itu *probably* ada sikit pengaruh dari segi sikap dan juga daripada segi hati mereka. Tidak kira melainkan hendak dapat untung besar sahaja. Itu pada pandangan saya. Akan tetapi hendak tuduh penguat kuasa kata terlibat dengan sokongan setakat ini tidak ada bukti. Kalau Yang Berhormat ada bukti boleh buat laporan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum itu saya mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar UiTM pada sesi ini [*Tepuk*]

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ada dua. Pertama tadi ialah berikutan daripada kenyataan Timbalan Menteri bahawa kita hendak luaskan kawasan pengawasan daripada lima batu nautika kepada lapan batu nautika. Setakat mana dia punya keberkesanan kerana seperti yang kita sedia maklum Malaysia daripada Pantai Timur, Pantai Barat, Sabah dan Sarawak semua sekali di hadapan laut. Kita punya petugas dalam soal pengawasan kita hanya ada APMM dan juga Jabatan Perikanan. Itu yang pertama.

Kedua, apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya memuji tadi sikap kalau kata nelayan Malaysia yang membuat pencerobohan dalam zon yang ditentukan kita tahan subsidi diesel mereka. Ada penggantungan. Akan tetapi bagi nelayan-nelayan asing, saya mencadangkan supaya terus kita sita *vessel* mereka dan bukan kita yang mengambil tindakan mahkamah terhadap mereka.

Mereka yang patut mengambil tindakan mahkamah terhadap kita. Ini akan saya rasa secara jangka masa panjangnya memberhentikan kegiatan pencerobohan itu. Apa pandangan Timbalan Menteri.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Ini hendak balas soalan semalam ini. Tidak dapat jawapan [*Ketawa*] Semalam saya tidak jawab panjang. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid, luas kawasan yang kita cadangkan ini ada perkara baru. Jadi kita tidak boleh hendak tahu keberkesanannya sebab *it's a new proposal*. Jadi apabila dilaksanakan esok baru kita tahu macam mana dia punya kesan. Akan tetapi mudah-mudahan walau panjang mana pun pantai kita, kita mempunyai nawaitu dan iltizam untuk mengawasinya dengan adanya APMM dan juga marin polis juga berperanan dan juga Jabatan Laut serta Jabatan Perikanan. Jadi ada empat agensi tadi Tuan Yang di-Pertua yang memainkan peranan dalam hal ini.

Berhubung dengan soalan yang kedua tadi iaitu tindakan kita kepada nelayan asing yang menceroboh. Memang kita sita dan kita tahan segala-galanya peralatan mereka, bot mereka. Bukan itu sahaja, orangnya pun kita tahan. Kaptennya, awak-awaknya dan sekarang ini kita ada 200 lebih yang ditahan, nelayan-nelayan asing ini.

Baru-baru ini bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi ke Vietnam, ada mereka minta tolong supaya lepaskan. Itu pun kita belum lepas lagi sebab kita kena buat kajian tengok kes dia berat macam mana. Masalahnya mereka pula itu tauke-tauke lepas tangan sahaja. Awak-awak ini, dia punya pekerja bot-bot nelayan asing ini Tuan Yang di-Pertua bila kena tahan tauke dia lepas tangan sahaja. Jadi hendak hantar balik kita setujulah hantar balik atas dasar diplomasi dan sebagainya tapi mereka tidak ada duit hendak balik hendak suruh kita pula bayar. Ah, tidak fasallah kita hendak bayar bukan.

Kita kena tengok kalau mereka sanggup bayar mungkin kita akan hantar balik. Dalam pada itu tidak semudahnya. Yang lain-lain itu masih lagi ditahan dan ada juga di tahan di bawah Akta Imigresen, Tuan Yang di-Pertua. *It is a very serious action is taken against them*. Lebih daripada nelayan-nelayan tempatan. Itulah jawapan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

4. Tuan Saiful Izham bin Ramli minta Perdana Menteri menyatakan, jumlah perbelanjaan secara berasingan yang sudah dibelanjakan untuk pilihan raya kecil yang diadakan sejak Pilihan Raya Umum Ke-13 sehingga pilihan raya kecil di Balingan mengikut pilihan raya kecil tersebut.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, di hari-hari yang terakhir- ini soalan yang terakhir saya jawab. Saya hendak ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Yang di-Pertua yang telah mempengerusikan Mesyuarat dengan begitu baik dan terbaik sekali. Ini yang cukup baik dan Ahli-Ahli Dewan Negara yang telah memberikan ucapan yang cukup baik dan yang paling penting ucapan Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan elaun dan peruntukan untuk Senator itu nampaknya semakin dekat di hati untuk dipertimbangkan oleh...

Tuan Yang di-Pertua: Ini jawab tambahan ini Yang Berhormat ya?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya [*Ketawa*] Di hati oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi sekejap lagi saya akan jumpa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya hendak

beritahu bahawa sehingga kini Ahli-Ahli Dewan Negara telah menunjukkan prestasi yang cemerlang terutamanya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih [*Tepuk*]

Soalan nombor empat Tuan Yang di-Pertua jawapannya ialah untuk makluman Ahli Yang Berhormat sejumlah empat pilihan raya kecil PRK telah diadakan sejak pilihan raya umum 2013. Dalam melaksanakan PRK ia melibatkan perbelanjaan kewangan bagi menampung setiap kos perbelanjaan dan perkhidmatan yang digunakan untuk setiap pilihan raya kecil yang dijalankan.

Ini kerana peruntukan perbelanjaan tersebut disediakan dengan mengambil kira keperluan-keperluan seperti kos latihan kepada petugas-petugas pilihan raya, bayaran lebih masa kepada para petugas, bayaran sewa, bil-bil telefon, sewaan, bahan-bahan makanan, bekalan barang mentah, bekalan pejabat, pengangkutan, bayaran honorarium serta perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain.

Jumlah perbelanjaan bagi setia PRK adalah tidak sama dan ia adalah berbeza bergantung kepada jumlah pengundi, petugas SPR, pusat mengundi, saluran mengundi dan keluasan bahagian pilihan raya kecil tersebut. Jumlah perbelanjaan yang sudah dibelanjakan untuk pilihan raya kecil yang diadakan sejak Pilihan Raya Umum 2013 adalah seperti berikut:

Pilihan Raya Kecil	Perbelanjaan (RM/ribu)
Besut	760,000
Sungai Limau	1,111,000
Kajang	1,605,000
Balingian	910,213

Semua perbelanjaan yang dibuat di dalam PRK adalah mematuhi segala peraturan dan tata cara kewangan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Saiful Izham.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana jawapan yang kali ini tepat kepada soalan dan ringkas. Soalan tambahan saya ialah selain daripada faktor-faktor yang dinyatakan tadi faktor keluasan kawasan, jumlah pengundi, bilangan pengundi, bilangan daerah mengundi, saluran dan sebagainya, apakah faktor-faktor lain yang menyebabkan berlaku perbezaan terhadap jumlah perbelanjaan pilihan raya di kawasan yang sama berbanding dengan jumlah yang dibelanjakan sewaktu Pilihan Raya Umum Ketiga Belas kerana berlaku perbezaan yang amat agak ketara di situ berbanding dengan jumlah yang sewaktu Pilihan Raya Umum Ke-13.

Seterusnya apakah langkah-langkah yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi memastikan jumlah perbelanjaan tidak terus meningkat memandangkan kebanyakan barangan logistik serta kakitangan atau sukarelawan yang dimanfaatkan, yang diguna pakai pilihan raya kecil adalah daripada barangan logistik dan daripada orang yang sama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1040

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang panjang ini boleh jawab dengan pendek ya.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Boleh. Silakan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kita melihat senarai yang saya sebut dibelanjakan untuk tujuan pilihan raya kecil. Dia mungkin ada perbezaan dengan pilihan raya umum dari segi apa yang saya sebutkan tadi, jumlah yang kita sebutkan tadi. Perbezaannya contohnya macam percetakan dan sebagainya. Kalau kita order percetakan untuk pilihan raya umum, kita order secara besar-besaran. Yang ini khusus untuk pilihan raya kecil yang berkenaan, sudah pasti kosnya meningkat. Jadi kita tidak mahu bagi kos meningkat, senang sahaja Tuan Yang di-Pertua. Jangan suruh wakil rakyat berhenti tanpa sengaja [*Tepuk*]

Kalau dia tidak berhenti, sudah pasti tidak ada pilihan raya kecil dan tidak perlu kita belanja di Kajang RM1.6 juta Yang Berhormat, banyak. Ini adalah duit yang banyak kalau kita bagi pada PPRT, ibu tunggal, anak yatim. Alangkah besarnya doa mereka di bulan Ramadhan ini tetapi malangnya bila kita pergi berhenti dengan sengaja, lepas itu isteri pula bertanding, inilah kosnya yang meningkat.

Kemudian, keduanya ialah langkah-langkah yang dilaksanakan. Kita akan pastikan supaya pilihan raya ini dijalankan dengan licin dan cekap. Makna kata *support system*, dengan izin, ataupun pegawai-pegawai yang membantu dan juga lain-lain logistik itu mesti lengkap sebab kita tahu bahawa pilihan raya kecil ini kalau hendak kira SPR dan agensi kerajaan agak teruk sedikit dibandingkan dengan pilihan raya umum. Ini kerana pilihan raya kecil ini semua sekali sukarelawan, pasukan amal, pasukan tidak amal, semua hadir di sana dan mereka telah menunjukkan sikap yang agak berlainan. Malah orang yang hadir menjadi penyokong masa pilihan raya kecil lebih hebat, lebih agresif dan bermacam-macam kelebihan lagi.

Saya hadir semua pilihan raya kecil yang diadakan di Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Saya boleh buat perbezaan tiap-tiap satu dan saya boleh hafal warna-warna baju yang dipakai dan saya masih ingat makcik-makcik dan juga mereka yang bertudung muka itu menjerit-jerit menggunakan perkataan-perkataan tertentu yang perkara ini tidak berlaku masa pilihan raya umum. Ini kerana pilihan raya umum ini orang sudah bagi tumpuan tempat masing-masing. Pilihan raya kecil semua tempat tertumpu di situ. Ini akan melibatkan kos untuk SPR menjaga dan menghadapi pelbagai kerenah.

Jadi Yang Berhormat sekali lagi saya nasihatkan kepada semua kawan-kawan dan rakyat Malaysia elakkan pilihan raya kecil, berdo'a orang yang sakit supaya cepat sembuh, semoga pilihan raya ini terus bertahan sehingga Pilihan Raya Umum Ke-14 di mana *insya-Allah*, Barisan Nasional akan menang sekali lagi [*Tepuk*]

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Bahagian kedua saya belum dijawab Tuan Yang di-Pertua sebab saya minta tanya langkah-langkah kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Langkah-langkah saya sebutkan tadi ialah pertama sekali kalau tidak ada pilihan raya sudah pasti tidak ada kos. Langkah-langkah lain kita ikut tatacara kewangan. Kita tidak akan lebih daripada apa yang telah ditetapkan. Order barang, perkakas, aset dan

lain-lain lagi semua berdasarkan kepada keperluan masa pilihan raya. Itu sebab kalau Yang Berhormat tengok Balingan di Sarawak, kos kita ialah RM910,213. Sementara di Kajang, perbelanjaan kita RM1.6 juta, ini sebab jumlah pengundinya di Kajang lebih daripada Balingan. Walaupun Balingan itu jaraknya lebih jauh atau dia lebih besar daripada Kajang tetapi pengundinya kecil dibandingkan dengan Kajang.

Kalau sekiranya tempat itu pengundinya kecil, sudah pasti kosnya tidak tinggi. Kuala Besut – RM760,000, Sungai Limau pengundinya juga agak besar, jadi belanjanya ialah berdasarkan kepada pengundi-pengundi dan juga kawasan pilihan raya itu sendiri. Saya harap saya menjawab. Jadi kosnya tidak boleh dikurangkan. Kita tidak boleh buang kita sebab contohnya di pusat mengundi, kalau ada empat orang, kita kena ambil empat orang. Ini bayarannya. Ini kos yang kena bayar, makan, *t-shirt* dan juga lain-lain lagi. Jadi Yang Berhormat kosnya akan kurang berdasarkan kepada keadaan dan juga jumlah pengundi serta lain yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya silakan Datuk Rahman Bakar.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Adakah pihak Perdana Menteri atau SPR bercadang meminda undang-undang, syarat atau peraturan pilihan raya bagi menjimatkan perbelanjaan dalam dua konteks. Pertama, meletakkan jawatan sesuka hati contohnya di kajang. Kedua, uzur akibat sakit, kemalangan, hilang upaya kekal, tidak boleh buat kerja. Mohon jawapan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan ini. Untuk menjimatkan kos, kita pun prihatin cuba hendak jimatkan kos dan yang pertama tadi bila saya sebut bahawa jangan kita meletak jawatan sesuka hati itu, benda itu serius. Kita boleh politik dengan lebih matang di Malaysia sebab rakyat sudah bagi mandat pada kita. Kita hendaklah menjaga amanah tersebut dan habis. Akan tetapi kalau ramai orang letak jawatan, jadi inilah dia lagi teruk kita kena hadapi.

Berhubung dengan letak jawatan Yang Berhormat, kita tidak boleh buat apa. Kita tidak boleh SPR ini ia hanya mengikut Perlembagaan peraturan dan undang-undang sedia ada. Kalau peraturan telah menyebutkan bahawa mereka yang meletak jawatan itu, dia memang dihukum, dia tidak boleh bertanding selama lima tahun, habis dia letak jawatan. Itu yang kita ada tetapi di pihak lain kalau ada mana-mana pihak rasa macam hendak berhenti ataupun dia rasa macam nafasnya pendek ataupun dia ada strategi tertentu hendak berhenti, kita tidak boleh buat apa kecuali undang-undang dipinda. Ini kerana tugas SPR ini ialah mematuhi undang-undang yang telah dibuat.

Jadi Yang Berhormat, orang yang letak jawatan, hukumannya dia tidak boleh bertanding selama lima tahun seperti yang berlaku kepada ahli Permatang Pauh dahulu di mana dia tidak boleh bertanding lima tahun dan sekarang boleh bertanding di Kajang. Itulah hukuman yang kita lihat.

Kemudian yang keduanya tentang keuzuran kekal, sakit, sakit jantung, hilang upaya dan berbagai lagilah hingga menyebabkan kecederaan fizikal yang tidak mampu untuk memberi perkhidmatan kepada orang lagi. Jadi bagi semua ini mereka yang uzur dan sebagainya, kita boleh selesai masalah ini bila mereka berhenti. Kita tidak boleh paksa mereka berhenti. Kalau dia rasa memang dia tidak boleh lagi bagi perkhidmatan, dia hendak berhenti, kita terima. Akan tetapi kalau dia

tidak berhenti, kita tidak boleh membuat apa ataupun mungkin dia hendak berhenti, tangannya sudah tidak boleh *sign* lagi, jadi kita berdoa semoga dia sembuh. Namun untuk mereka yang uzur dan sebagainya, kalau dia berhenti, kita boleh adakan pilihan raya kecil untuk pastikan supaya kawasan tersebut ada wakil. Akan tetapi kalau tidak, kita tidak boleh buat apa-apa. Kita berdoa kepada Allah SWT semoga dia berada dalam keadaan selamat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Datuk Chin Su Phin minta Menteri Pendidikan menyatakan, adakah sasaran Putrajaya untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau serta sasaran menarik 200,000 pelajar ke universiti tempatan menjelang 2020 akan tergendala disebabkan kegagalan universiti di Malaysia menempatkan diri dalam senarai kedudukan Reputasi Pendidikan Tinggi Dunia Times 2014.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin atas soalan nombor 5.

Sebelum itu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan ketibaan pelajar-pelajar kita dari UiTM Shah Alam yang menjalani kursus *Principal of Management English for Professional Communications*, dan juga pelajar-pelajar Tingkatan 6 dari Sekolah Menengah Perempuan Sultan Abu Bakar, Muar, Johor.

Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada salah seorang Ahli Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi yang telah dianugerahkan *Malaysian Book of Records* baru-baru ini dalam majlis *Night of Achievers* yang mana diserahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Tahniah.

Untuk menjawab soalan ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai iltizam yang tinggi dan komited untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau bagi menarik lebih ramai pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian mereka di sini.

■1050

Berdasarkan teras kelima Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), kita akan mempergiatkan pengantarabangsaan. Usaha berterusan melalui Projek Agenda Kritikal ataupun Critical Agenda Project (CAP), pengantarabangsaan telah dan sedang dilaksanakan bagi memastikan hasrat tersebut tercapai. Kerajaan berpandangan bahawa sasaran 200,000 pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian mereka di IPT Malaysia akan dapat dicapai menjelang tahun 2020 memandangkan trend kemasukan pelajar ke IPT tempatan menunjukkan angka pencapaian positif. Sebagai contoh, pada tahun 2011, jumlah pelajar antarabangsa adalah seramai 71,101 orang meningkat kepada 83,538 pada tahun 2012 dengan kadar peningkatan sebanyak 17%. Kementerian berpandangan bahawa sekiranya kadar peningkatan ini konsisten sebanyak 17% ataupun minimum 12% setahun, sasaran 200,000 pelajar antarabangsa di IPT tempatan akan dapat direalisasikan.

Untuk maklumat ahli Yang Berhormat, antara usaha bagi mengukuhkan jaringan dan membina reputasi antarabangsa adalah melalui kolaborasi IPT Malaysia dengan universiti ternama luar negara seperti Cambridge, Oxford, Harvard dan MIT dari segi pertukaran tenaga akademik, program akademik

dan penyelidikan. Selain itu, penawaran program pengajian yang relevan, penubuhan kampus cawangan luar negara di Malaysia serta penubuhan cawangan atau pusat pendidikan IPT Malaysia di luar negara turut mampu mengukuhkan jenama pendidikan Malaysia sebagai pengeksport utama pendidikan tinggi antarabangsa.

Aktiviti mempromosikan pengajian tinggi negara terus giat dilaksanakan secara berterusan di 13 buah pejabat *education* Malaysia. Penubuhan dan perluasan alumni Malaysia untuk mengukuhkan jaringan graduan dan duta kecil bagi mempromosikan pendidikan Malaysia turut bertambah secara konsisten. Kementerian juga mengetengahkan program jangkauan global Malaysia untuk menjadikan pendidikan sebagai daya penarik bagi meletakkan Malaysia di hati rakan terpilih, seterusnya menarik kemasukan pelajar antarabangsa ke negara ini.

Berhubung dengan penarafan ataupun rangking terutamanya oleh *Times Higher Education-QS World University Ranking* (THES) yang kemudiannya dikenali sebagai *QS World University Ranking* (QSWUR) pada tahun 2010. Ia telah dijadikan kayu pengukur dalam mencerminkan pencapaian atau kehebatan sesebuah universiti. Walaupun terdapat perdebatan mengenai kriteria penilaian QSWUR, kementerian melihat langkah yang dilakukan oleh QSWUR dari sudut yang positif yang boleh mewujudkan persaingan sihat dalam usaha memperkasakan IPT tempatan di peringkat antarabangsa.

Kementerian sememangnya tidak mengetepikan pencapaian kedudukan IPT tempatan dalam ranking dunia. Namun demikian, aspek kualiti pengajian tinggi negara tidak seharusnya tertumpu kepada sistem ranking seperti yang dijalankan oleh QSWUR semata-mata dan tidak akan sama sekali menjejaskan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau. Kesesuaian dan elemen tempatan juga harus diambil kira dalam merangka satu pendekatan yang lebih komprehensif dan kondusif kepada keperluan pembangunan negara dan pada masa yang sama menepati amalan bijak antarabangsa.

Menerusi Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Agency*), dengan izin, sebenarnya telah melaksanakan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) untuk mengukur pencapaian universiti dan kolej universiti dan Sistem Pengukuran Kualiti dan Kesetaraan Kolej Swasta (MyQUEST) untuk kolej-kolej swasta sedia ada. Domain seperti kaedah yang digunakan dalam SETARA dan MyQUEST adalah bersesuaian dengan aplikasi dan persekitaran yang digunakan oleh IPT tempatan yang dinilai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, umum mengetahui bahawa kebanyakan pelajar di institut-institut pendidikan tinggi awam negara adalah daripada pelajar tempatan. Maksudnya, kualiti yang ada pada mereka mencerminkan mutu dan kualiti pembelajaran mereka semasa di sekolah-sekolah tempatan.

Saban tahun kita sering dengar pencapaian cemerlang murid kita di peringkat nasional. Anehnya, dapatan ini tidak selaras dengan pencapaian ini. Oleh yang demikian, soalan tambahan saya, apakah sistem penilaian kita rendah, tidak menepati standard dan tidak tepat sehingga kita cemerlang

di peringkat nasional tetapi reputasi gagal apabila berdepan dengan penilaian antarabangsa yang tepat lebih konklusif. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit daripada maklumat ini, rasa bagi pendapat saya tidak benar. Tidak sama sekali pencapaian kita ini *double* ataupun kurang dari mana-mana pencapaian. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, minggu lalu saya dikunjungi oleh Timbalan Pesuruhjaya Tinggi negara Maldives. Untuk maklumat, Attorney General Maldives sekarang merupakan alumni daripada satu universiti di Malaysia ini.

Ramai pelajar-pelajar bukan sahaja pelajar-pelajar tempatan, mahupun pelajar-pelajar antarabangsa yang belajar di universiti tempatan telah mencapai kecemerlangan yang kita dapat kagumi. Kita boleh senaraikan, saya boleh senaraikan ramai pelajar-pelajar. Malah, ada pelajar-pelajar IPTA Malaysia yang telah mendapat anugerah cemerlang, pingat emas dalam beberapa pertandingan universiti yang mana IPTA mengambil bahagian. Akan tetapi, saya setuju kita perlu harus menambahbaikkan sistem ini supaya lebih ramai lagi pelajar cemerlang.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, IPTA negara kita pun cemerlang. Tiada kurangnya kecemerlangan mereka. Contoh Universiti Sains Malaysia Tuan Yang di-Pertua, telah membanggakan negara dengan menduduki tempat ke-38 dalam bidang kejuruteraan kimia dan tempat ke-30 bagi bidang sains alam sekitar dalam penilaian *QS World University Ranking by Subject 2013* dan kecemerlangan ini harus diteruskan dalam bidang sains alam sekitar ini dengan mendapat tangga yang ke-28 dalam dunia.

Universiti Kebangsaan Malaysia pula telah mencatat kecemerlangan apabila menduduki tangga yang ke-19 terbaik dunia bagi 50 buah universiti yang berusia 50 tahun ke bawah dalam penilaian *QS University Ranking*. Ini yang terkini. Universiti Putra Malaysia telah mencatatkan kecemerlangan apabila menduduki tangga ke-19 dunia dalam *UI GreenMetric World University Ranking 2012*. Kedudukan tersebut diperbaiki. UPM terus cemerlang dengan kedudukan ke-16 dunia dalam *UI GreenMetric World University Ranking 2013* mengatasi *National University of Singapore* yang hanya menduduki tangga ke-40. Ini kecemerlangan IPTA. Akan tetapi saya setuju, kementerian akan sentiasa mencari cara, ruang dan peluang bagaimana kita dapat menambah baik graduan-graduan daripada IPTA mahupun IPTS.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Saya silakan Yang Berhormat Ahamad Yusop. Orang lama, dia pun penggal pun tidak lama lagi ini.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab soalan dengan memberikan angka-angka yang sangat mengagumkan tentang bilangan pelajar-pelajar dari luar negara yang belajar di sini. Soalan saya ialah kalau pelajar-pelajar kita dari Malaysia yang belajar di luar negara, UK atau US, diwajibkan bila mereka belajar di universiti di luar negara itu mengambil beberapa *paper* asas memperkenalkan negara tempat dia belajar. Tidak kira apa mata pelajaran *study* sekali pun.

■ 1100

Kalau dia belajar di UK, dia mesti tahu *the history of Europe* kah, *English literature* dan sebagainya di antarnya lah. Soalan saya ialah *content* mata pelajaran yang dipelajari oleh pelajar-pelajar luar negara yang datang ke IPTS kita terutama. Kalau IPTA dulu saya tahu sangatlah. Adakah *local content* itu tadi dimasukkan ke dalam kurikulum universiti IPTS tadi supaya jelas mereka yang datang ke sini mereka tahu tentang sejarah kita, tentang budaya kita dan sebagainya, sistem kita dan sebagainya.

Jadi tidaklah kita nanti budak-budak Amerika ini yang belajar ini dia balik dia tidak tahu apa pun tentang Malaysia. Adakah ini dilakukan? Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, syarat itu merupakan syarat utama salah satu syarat yang dikenakan kepada semua IPTS malah tahun pertama pembelajaran graduan luar negara apabila mereka masuk IPTS di negara kita, mereka diwajibkan. Memang ada dalam *syllabus* mereka dan memang menjadi *compliance* dengan izin syarat apabila mereka melanjutkan pelajaran mereka di Malaysia. Oleh yang demikian, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana mencadangkan.

Ini tetapi untuk maklumat Yang Berhormat sudah ada dalam sistem dan kita akan teruskan dan ini memang hasrat kita dan kita tidak mahu seorang pelajar antarabangsa datang ke negara kita belajar di sini tetapi tidak tahu asal usul negara kita. Tidak boleh, kita akan memastikan malah kita akan menambahbaikkan sekiranya perlu penambahan untuk mereka memastikan memahami budaya latar belakang Malaysia secara sepenuhnya. Jadi, apabila mereka balik kepada negara masing-masing mereka sedar apakah perjuangan latar belakang sejarah negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat.

6. Tuan Baharudin bin Abu Bakar [di bawah P.M 23(2)] minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan:

- (a) apakah persediaan dan langkah-langkah awal bagi negeri-negeri dalam Semenanjung yang masih belum lagi menyertai Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB), negeri yang telah menyertai Perbadanan Aset Air Berhad seperti Johor, Selangor, Pulau Pinang dan Melaka; dan
- (b) adakah negeri-negeri yang telah menyertai Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB) ini telah berjaya mencapai matlamatnya bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan mutu air yang dibekalkan kepada pengguna.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan nombor enam asalnya daripada Yang Berhormat Datuk Haji Saat bin Haji Abu yang telah diwakilkan pada hari ini. Soalannya berkaitan dengan negeri-negeri di Semenanjung yang masih belum menyertai Perbadanan Aset Air Berhad ataupun dan negeri-negeri yang telah menyertai Perbadanan Aset Air Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Dewan bahawa dalam Akta WASIA telah ditetapkan iaitu bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, tiap-tiap negeri yang mempunyai hutang kepada Kerajaan Persekutuan untuk tujuan bekalan air bolehlah kemudiannya melalui Akta WASIA ini dipindahkan semua aset bekalan air itu kepada sebuah agensi Kerajaan Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Menteri Kewangan diperbadankan MOF *incorporated* iaitu namanya Perbadanan Aset Air Berhad. Hutang-hutang negeri kepada persekutuan sebelum tahun 2001 aset ini dipindahkan kepada Kerajaan Persekutuan.

Syarikat di negeri mesti menubuhkan syarikat bekalan air. Setakat ini negeri-negeri yang belum menyertai Skim Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air, negeri yang belum ialah Selangor, Kelantan, Pahang, Terengganu dan Kedah. Untuk negeri-negeri ini beberapa siri rundingan di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri berada di pelbagai tahap. Saya hendak mengambil contoh misalnya pada bulan lepas saya ke negeri Kelantan untuk berunding dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan mengenai penjadualan untuk struktur semula bekalan air perkhidmatan air di negeri Kelantan begitu juga di negeri-negeri yang lain.

Kerajaan Persekutuan yakin dengan komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh semua pihak yang terlibat di dalam isu ini, isu yang masih belum diselesaikan akan dapat diselesaikan segera. Seterusnya menstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan air di kelima-lima negeri tersebut dapat dimuktamadkan. Jadi yang saya maksudkan tadi aset dan hutang di pindahkan kepada Perbadanan Aset Air Berhad.

Keduanya sukacita saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa negeri-negeri yang telah memindahkan aset air dan hutang kepada Pengurusan Aset Air Berhad melalui skim menstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan air telah menunjukkan peningkatan kualiti perkhidmatan mereka.

Terutamanya dari segi kualiti air terawat yang dibekalkan. Penurunan kadar air tidak berhasil (NRW) dan peningkatan penyampaian perkhidmatan kepada pengguna. Peningkatan ini juga hasil pengawalseliaan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara yang menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dengan izin, kepada semua operator bekalan air di negeri-negeri berdasarkan kepada pelan perniagaan yang telah diluluskan oleh SPAN. Melalui skim ini, operator-operator air dapat memberikan tumpuan kepada kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan bekalan air manakala PAAB dapat membangunkan infrastruktur air mengikut pelan perniagaan operator air secara berperingkat berdasarkan keupayaan kewangan mereka. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalan tambahan kalau tidak ada...

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Okey saya mempersilakan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di dalam *master plan* Rancangan Malaysia ada menyebutkan ada penambahbaikan sistem air paip negara. Ini termasuklah kawasan luar bandar. Ingin saya bertanyakan Yang Berhormat Menteri, sama ada perancangan penambahbaikan air luar bandar termasuk di dalam bajet persekutuan atau sumbernya

dicari sendiri oleh Perbadanan Aset Air Berhad? Soalan seterusnya kenapakah lain-lain negeri tidak lagi menyertai PAAB kenapa dan apakah sebabnya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan yang pertama mengenai dengan bekalan air luar bandar. Jadi bekalan air luar bandar ini atau dikenali sebagai BALB adalah diperuntukkan di bawah Kementerian KKLW, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Jadi semua projek bekalan air luar bandar diletakkan di bawah Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) jadi saya kira soalan ini ataupun jawapannya saya tidak dapat bagi sebab dia ada di bawah KKLW.

Kedua mengenai dengan perancangan berhubung dengan sistem paip yang ada. Sebenarnya semua projek pembangunan bekalan air ini di bawah negeri masing-masing. Dalam negeri masing-masing sebenarnya berada, dia sendiri yang mengetahui sebenarnya projek di kawasan manakah yang patut didahulukan di negeri masing-masing. Sama ada projek itu projek membuat loji ataupun projek menukar paip. Ini kerana kita ambil satu negeri misalnya dia mempunyai ribuan kilometer paip di dalam tanah dan dia mesti tahu bahawa di kawasan manakah yang sudah paip itu berusia lebih daripada 30 tahun atau 40 tahun yang ini di bawah negeri. Kemudian negeri barulah yang menghantar. Negeri yang telah *migrate* ini barulah menghantar projek dan perancangan itu kepada pihak PAAB.

Bagi negeri-negeri yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi negeri-negeri yang belum lagi. Sebenarnya ada beberapa isu yang patut diselesaikan daripada pihak Kerajaan Persekutuan dan juga pihak negeri.

■1110

Saya mengambil satu sahaja contoh isu. Isunya ialah isu hutang negeri kepada persekutuan. Katakan hutang itu bernilai RM1 bilion sehingga 2001. Sebuah kerajaan negeri mengatakan hutang RM1 bilion itu sebenarnya, RM300 juta adalah untuk projek luar bandar tetapi pada waktu dahulu, dikira hutang, *soft loan*. Jadi bila dikira hutang, kerajaan negeri minta kepada Kerajaan Persekutuan kalau boleh RM300 juta ini dihapuskan. Maknanya baki hutang RM700 juta. Itu antara satu isulah yang sedang dalam perundingan yang kadang-kadang belum diselesaikan.

Keduanya, isu aset air yang ada di negeri. Jumlah aset itu yang hendak dikira dan dikira oleh syarikat-syarikat kewangan yang dilantik oleh kerajaan negeri. Itu juga menjadi satu lagi isu, berapa aset sebenarnya yang ada dan berapa hendak kontra dengan hutang daripada Kerajaan Persekutuan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi [*Ketawa*] Dia bangun dahulu. Nampaknya terpaksa saya beri kepada Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Saiful.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberikan jawapan, mengiktiraf negeri-negeri yang telah menyertai Perbadanan Aset Air Berhad. Sebahagian negeri-negeri yang menunjukkan prestasi yang baik termasuklah negeri Selangor dan Pulau Pinang. Persoalan saya ialah di Selangor contohnya, ada beberapa operator air yang gagal memenuhi keperluan dalam perjanjian untuk mengurangkan *non-*

revenue water (NRW) melalui proses penggantian sistem paip di seluruh negeri dan juga menukar kaedah pengurusan rawatan air menyebabkan sering kali berlaku masalah bekalan air di negeri Selangor. Apakah langkah atau tindakan kerajaan terhadap operator-operator seperti ini yang sehingga kini masih gagal memenuhi tuntutan terhadap perjanjian pelantikan mereka sebagai operator air di negeri-negeri tersebut? Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Pertama, saya ingin membetulkan, Selangor belum lagi menyertai *migrate* kepada sistem bekalan air di bawah PAAB. Yang *migrate* untuk negeri Pakatan Rakyat hanyalah Pulau Pinang, antara negeri yang telah lama *migrate*. Untuk negeri Selangor, sebab operator air ada tiga iaitu Puncak Niaga, SPLASH, ABASS dan satu lagi adalah SYABAS sebagai syarikat yang membuat *distribution* ataupun bekalan air ke domestik atau komersial. Ia diletakkan di bawah kerajaan negeri. Semua syarikat ini di bawah kerajaan negeri dan kerajaan negeri yang bersama dengan syarikat-syarikat ini.

Kita kena lihat masalah di Selangor secara holistik. Kita tidak boleh melihat masalah di Selangor hanya syarikat tidak membuat NRW, kontrak yang sepatutnya dibuat oleh syarikat. Kita kena melihat secara holistik sebab syarikat-syarikat air minta kepada kerajaan negeri untuk menaikkan tarif sebab dari tahun 2008 sampailah ke hari ini, tidak naik tarif. Akan tetapi Kerajaan Negeri Selangor tidak benarkan naik tarif. Bila Kerajaan Negeri Selangor tidak naikkan tarif, apa yang berlaku kepada syarikat ini, syarikat ini tidak ada keupayaan antara peruntukan untuk pembangunan yang sepatutnya dikeluarkan oleh syarikat.

Jadi, apa yang berlaku antara syarikat dan kerajaan negeri, berada pada terma yang tidak berapa baik sehinggalah ke hari ini apabila Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju untuk memberi laluan *development order* ataupun kebenaran merancang untuk pembinaan Langat 2 pada 26 Februari 2014. Apabila Kerajaan Negeri Selangor membenarkan Langat 2 dilaksanakan dan kontraktor pun sudah masuk *site* pada 30 April, apa yang saya ingin jelaskan pada Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah meminta supaya pada masa yang sama juga di struktur semula syarikat-syarikat bekalan air di bawah satu syarikat Kerajaan Negeri Selangor atas dasar '*willing buyer, willing seller*'. Maka sekarang ini yang sedang berlangsung ialah perundingan di antara Kerajaan Negeri Selangor dengan keempat-empat buah syarikat.

Saya difahamkan bahawa perundingan ini masuk kepada fasa yang terakhir Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin bahawa isu ini boleh diselesaikan. Akhirnya nanti, kesemua syarikat ini akan berada di bawah satu bumbung, di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor akan menguruskan bekalan air apabila siap, mereka dapat buat perjanjian atas sifat '*willing buyer, willing seller*'. Tuan Yang di-Pertua terima kasih.

7. Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin minta Menteri Pendidikan menyatakan, adakah kementerian berhasrat untuk menginstitusikan silat di mana kita tahu silat memberikan manfaat dalam sosiobudaya, sukan dan akademik.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Megat, sahabat saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengambil langkah yang proaktif dalam menyemarakkan sukan silat di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa. Salah satu langkah yang telah diambil adalah dengan mewujudkan Pusat Sukan Tumpuan (PST) silat di bawah kelolaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia ataupun UTHM. Ia dimulakan pada tahun 2010 dan UTHM berperanan sebagai tunjang utama kepada aktiviti silat di institusi pengajian tinggi termasuklah dengan penganjuran kejohanan, kursus-kursus kejurulatihan dan pembangunan atlet.

Melalui PST ini juga, pelbagai penganjuran kejohanan telah dilaksanakan dan tiga yang utama adalah Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri, Kejohanan Silat Seni Kebangsaan dan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUK) IPT. PST juga bertanggungjawab menyediakan pasukan silat IPT yang mewakili Malaysia ke Sukan Universiti ASEAN ataupun SUA. Selain itu, acara pencak silat juga telah dimasukkan dalam setiap kejohanan utama di peringkat Majlis-majlis Sukan dan IPT. Kesemua penganjuran ini juga mendapat kerjasama daripada Persatuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) terutamanya yang melibatkan aspek-aspek teknikal dan pengadilan. Dengan ini bolehlah dikatakan, pada ketika ini Kementerian Pendidikan merupakan satu institusi yang sangat aktif dalam memperkasakan silat ke peringkat tertinggi.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, di peringkat sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun menginstitusikan aktiviti silat di sekolah-sekolah mulai tahun 1992. Ini dengan secara langsung menjawab soalan Yang Berhormat, adakah kementerian berhasrat untuk menginstitusikan silat? Ya, sejak tahun 1992. Bagi mengawal selia penubuhan di peringkat sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan Panduan Penubuhan dan Pengurusan Persatuan Silat Sekolah melalui surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1992 bertarikh 10 Februari 1992. Bagi memperkukuhkan dan mengiktiraf kehadiran pasukan seni bela diri di sekolah-sekolah, pada tahun 1997, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengiktiraf pasukan ini sebagai pasukan pakaian seragam sekolah dengan merujuk surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1997 bertarikh 2 April 1997.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan saya kepada Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin yang begitu giat mempromosikan seni silat ini di Malaysia. Kita menghargai segala kerjasama yang kita telah terima daripada beliau dan semua ahli persatuan tersebut. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Megat.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya hendak ucap terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang cukup tepat dan cukup padat. Saya mengakui bahawasanya kita mendapat kerjasama yang cukup baik daripada kementerian khususnya daripada penglibatan atau perkembangan silat di peringkat IPTA. Walau bagaimanapun saya ingin mencadangkan, kalau dapat dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya silat di peringkat sekolah-sekolah ini dapat diletakkan di bawah satu kokurikulum wajib kerana kita faham seperti yang disebutkan dalam soalan yang terawal sebelum ini

iaitu soalan Nombor 3, Yang Berhormat ada menyebut soal budaya itu akan memperkenalkan negara kita.

■1120

Jadi, adalah penting Tuan Yang di-Pertua, supaya silat ini diangkat sebagai satu daripada kurikulum wajib yang harus dipelajari oleh semua anak kita. Supaya nanti silat ini yang kita kenal walaupun di sekolah mereka belajar pendidikan sebagai ilmu akademik mereka tetapi silat boleh membantu dari segi perkembangan ataupun melatih mereka mempunyai keperibadian atau, dengan izin, *character training* mereka. Jadi, itu yang menjadi persoalan saya. Adakah pihak kementerian boleh memikirkan kerana silat yang kita faham adalah merupakan budaya kepunyaan negara ini yang tersendiri.

Yang keduanya ialah soal bagaimana kementerian mungkin dapat bekerjasama. Saya akui apa Yang Berhormat sebut tadi banyak kejuaraan yang dibuat, kebetulan Presiden PESAKA ada di sini Yang Berhormat Datuk Seri Mohd. Ali bin Mohd. Rustam. Kita mendapat kerjasama yang cukup baik daripada kementerian, khususnya dalam penganjuran-penganjuran di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun kita menghadapi sedikit masalah dari segi mengurus pertandingan silat di peringkat sekolah-sekolah. Ini mungkin PESAKA tidak dibawa sebagai badan induk yang menguasai perjalanan silat dalam negara ini tidak dibawa bersama berbincang. Mungkin Yang Berhormat ada pandangan dan bagaimana nanti kita dapat duduk bersama.

Di peringkat IPT kita mengucapkan kepada UTHM yang telah menjadi satu daripada sumber tempat kita berbincang mengenai perkembangan silat. Yang menjadi persoalannya ialah di peringkat pendidikan sekolah. Mungkin ada langkah-langkah yang boleh diambil oleh kementerian bagaimana dapat kita bekerjasama supaya silat ini kalau boleh kita bawa sebagai satu daripada kurikulum wajib. Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua, negara-negara maju kita lihat di Korea sehingga hari ini mereka mengamalkan tekwando sebagai satu daripada amalan tetap anak-anak mereka dan juga di Jepun walaupun sudah maju mereka masih lagi membawa budaya karate dan sebagainya sebagai satu daripada pakaian, pembentukan karakter anak-anak mereka. Jadi, supaya dengan ada keseimbangan daripada jati diri yang baik dan juga dengan akademik, anak-anak itu boleh berjaya. Jadi, saya mohon pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain. Agak sukar untuk kita mewajibkannya kerana kita memberi laluan kepada pelajar-pelajar memilih. Terdapat banyak seni mempertahankan diri. Contoh, ada wusyu, ada silat tapi kita akan menggalakkan. Proses penggalakan itu kita tidak akan halang. Kita akan terus menggalakkan dan saya berasa amat gembira untuk memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa setakat ini kita ada 860 sekolah menengah yang ada persatuan silat dengan keahlian lebih 62,203 pelajar, manakala 721 persatuan di sekolah rendah dengan keahlian 24,919 ahli. Ini amat memberangsangkan dan saya pasti dalam masa yang terdekat ini kita akan ada lebih ramai yang minat.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Mohd. Ali bin Mohd. Rustam kerana memberi kerjasama kepada kita untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti ini. Cadangan Yang

Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain akan kita pertimbangkan. Kita sentiasa rela berbincang dan berunding bagaimana kita dapat menambah baik aktiviti-aktiviti sihat seumpama ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan panjang lebar berhubung dengan silat ini. Saya juga minat dengan silat ini walaupun tidak ahli silat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat maklumat daripada pihak kementerian. Setakat ini berapa kumpulan silat yang telah dibenarkan untuk beroperasi untuk mengadakan persatuan di sekolah-sekolah.

Selain daripada itu, ilmu bela diri atau pertahanan diri yang lain kalau boleh disebut di sini kumpulan-kumpulan mana. Tadi disebut wusyu dan karate. Jadi, saya ingin tahu juga selain daripada silat, apa lagi kumpulan bela diri yang ada di sekolah-sekolah dan juga di peringkat universiti. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun bukan pakar silat tapi ramai kawan saya hebat dalam persatuan silat seperti Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain, Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam. Bila saya menjadi sahabat dengan mereka, maka saya pun ada minat silat.

Silat ini ia ikut perguruannya. Perguruannya macam bagi saya yang Berbahagia Tan Sri Omdin seorang pakar seni silat lincah. Begitu ikut perguruannya. Selain daripada silat, kita ada wusyu, karate, tekwando, judo, silambam yang mewakili pelbagai budaya bangsa dan latar belakang. Semua aktiviti ini dibenarkan dan kita akan memantau kerana aktiviti ini membantu pelajar, persiapan mereka. Bukan untuk membantu pelajar pergi bergaduh, tidak. Untuk menjaga diri mereka, kawasan mereka, adik-beradik dan kawan mereka. Ini seni mempertahankan diri. Kita akan sentiasa melihat keperluan dan kita menggalakkan persatuan-persatuan ini ditubuhkan dengan pengawasan dengan persatuan-persatuan yang sedia ada seperti PESAKA dan sebagainya, persatuan silambam, persatuan wusyu. Semua badan-badan kebangsaan ini memberi kerjasama kepada kementerian untuk memantau dan membantu kita. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

8. Dato' Muhammad Olian bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, apakah kerajaan bercadang untuk meningkatkan jumlah Masyarakat Orang Asli terutamanya kakitangan pengurusan profesional di dalam Jabatan Kemajuan Orang Asli yang kini hanya 34% sahaja dan apakah halangan-halangnya.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian yang bertanya.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan sememangnya ingin meningkatkan jumlah penyertaan masyarakat Orang Asli di dalam sektor awam sama ada di peringkat kumpulan pengurusan dan profesional serta kumpulan pelaksana. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) selaku pihak berkuasa melantik melalui transformasi SPA telah mengemukakan kaedah baru dengan mewakilkan kuasa kepada kementerian atau jabatan untuk melaksanakan temu duga pengambilan. Melalui kaedah

ini Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah melantik beberapa orang pegawai dari Jabatan Kemajuan Orang Asli sebagai panel temu duga itu. Ini dapat memberi peluang kepada Orang Asli yang memohon untuk dilantik sebagai penjawat awam dan seterusnya meningkatkan jumlah penglibatan mereka di dalam sektor awam. Pada masa yang sama jabatan sentiasa mengadakan kerjasama dengan pihak SPA melalui perbincangan dan juga memberi input-input berkaitan keperluan untuk meningkatkan jumlah kakitangan Orang Asli di dalam perkhidmatan awam.

Mengikut statistik perjawatan di Jabatan Kemajuan Orang Asli, daripada sejumlah 1,004 perjawatan, seramai 424 orang Orang Asli telah dilantik untuk berkhidmat di JAKOA (Jabatan Kemajuan Orang Asli). Terdapat sebanyak 33 perjawatan kumpulan pengurusan dan profesional di jabatan ini di mana tiga daripadanya telah diisi oleh Orang Asli termasuk jawatan Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan pada gred 54. Bagi jawatan kumpulan pelaksana, seramai 188 Orang Asli telah dilantik.

Selain daripada itu, seramai 233 orang pembantu pemaju masyarakat yang terdiri daripada masyarakat Orang Asli telah dilantik secara kontrak. Antara faktor kurangnya masyarakat Orang Asli berkhidmat dalam perkhidmatan awam adalah pemohon Orang Asli yang tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan oleh SPA (Suruhanjaya Perkhidmatan Awam) untuk berkhidmat di sektor awam. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kementerian merasakan bahawa penyertaan Orang Asli di dalam sektor awam harus dilihat dalam konteks yang lebih meluas. Walaupun bilangan pegawai kumpulan pengurusan dan profesional Orang Asli yang sedang berkhidmat di Jabatan Kemajuan Orang Asli adalah kecil, pada masa yang sama juga terdapat seramai 108 Orang Asli dari kumpulan pengurusan dan profesional berkhidmat di pelbagai jabatan dan agensi awam secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu perkembangan yang positif di mana ia akan memberi kelebihan kepada masyarakat Orang Asli yang berkhidmat dalam sektor awam untuk berkembang membantu antara satu sama lain dan meluaskan jaringan (*networking*) sesama mereka di dalam perkhidmatan awam. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya silakan Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian bin Abdullah soalan tambahan

■1130

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]*

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberikan satu jawapan yang cukup baik.

Tuan Yang di-Pertua, ada kajian mendapati bahawa golongan siswazah yang menganggur ini memiliki ciri-ciri keusahawanan yang agak kurang. Oleh itu, soalan tambahan saya, apakah pihak kerajaan bercadang bagaimana untuk hendak meningkatkan ciri-ciri keusahawanan ini khususnya di kalangan siswazah menganggur daripada kalangan kaum Orang Asli ini untuk menceburkan diri mereka dalam bidang keusahawanan?

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, apakah pihak kerajaan bercadang untuk menempatkan siswazah menganggur daripada kalangan masyarakat Orang Asli ini bertugas di Jabatan Kemajuan Orang Asli sama ada di peringkat pusat, di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya, dua soalan. Mengenai peluang yang dibuka ataupun diwujudkan ataupun kita boleh tawarkan kepada mereka yang masih boleh dikatakan menganggur di kalangan masyarakat Orang Asli ini. Program-program ataupun strategi yang terdapat daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bukan sekadar dari yang ada dalam JAKOA sendiri. JAKOA memang ada pelan spesifik, KKLW sendiri pun ada pelan spesifik. Malah, seluruh kerajaan pun, dari kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain juga menawarkan peluang-peluang dalam bidang keusahawanan ini.

Jadi, masyarakat Orang Asli ini bolehlah, sepertimana masyarakat yang lain, mendapatkan peluang untuk menceburi diri dalam bidang keusahawanan ini. Ini terbuka kepada seluruh warga Malaysia. Jadi kalau kita hendak khususnya kepada masyarakat Orang Asli, memang ada yang khusus untuk mereka sahaja yang terdapat daripada JAKOA oleh sebab JAKOA ini adalah jabatan yang khusus kepada hendak membantu Orang Asli.

Jadi untuk menjawab yang kedua, saya rasa soalan yang kedua ini macam sudah terjawab sudah tadi. Ini kerana, di tanya bagaimana hendak membantu yang masih menganggur bagi masyarakat Orang Asli. Saya telah sebut kaedah-kaedah yang terbaru, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) memudahkan lagi. Bagaimana? Dengan membolehkan pihak daripada jabatan terlibat dalam panel temu duga. Dan di situlah adanya kelebihan kerana kalau mereka daripada jabatan itu bersama dalam panel temu duga, sudah tentulah seseorang itu ataupun beberapa orang itu yang terlibat dalam panel temu duga itu melihat kepada keperluannya untuk memberi peluang kepada masyarakat Orang Asli. Jadi kalau hendak diminta yang lebih terperinci Yang Berhormat, kami boleh, atau kementerian dan JAKOA boleh meneliti secara mendalam lagi dan akan memberi maklumat kepada Yang Berhormat Senator.

Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan isu berkaitan dengan Orang Asli ini yang mana mereka merupakan penyokong tegar Barisan Nasional. Terima kasih kepada Orang Asli.

Di tempat saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, sudah ramai juga anak-anak Orang Asli yang berjaya mendapat tempat yang tinggi dalam kerajaan dan juga dalam syarikat-syarikat swasta. Cuma, saya ingin tarik perhatian kepada Yang Berhormat Menteri, saya ingin memohon jasa baik Yang Berhormat Menteri supaya dibanyakkan lagi latihan-latihan vokasional diberi kepada anak-anak Orang Asli khasnya kepada kaum-kaum wanita. Contohnya dari segi seni jahitan. Ini kerana kita difahamkan bahawa mereka ini kreatif dan mempunyai ekspresi yang setanding dengan bangsa-bangsa lain.

Soalan seterusnya, berapa ramaikah golongan anak-anak Orang Asli ini menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan apakah program membantu mereka untuk berniaga khususnya Orang Asli wanita kerana saya ini seorang wanita. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Soalan yang begitu baik sekali. Memang prihatin kepada masyarakat Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, dalam pelan strategik untuk membangunkan masyarakat Orang Asli, dalam jangka masa tahun 2011 ke tahun 2015, sebanyak RM1 bilion telah diagihkan untuk hanya membangunkan dan membantu masyarakat Orang Asli. Bayangkan, belanja yang begitu banyak yang *dicommitkan* oleh kerajaan untuk pelbagai program termasuk juga program untuk membantu anak-anak Orang Asli, belia-belua Orang Asli dan juga wanita Orang Asli di dalam mana-mana program atau pelbagai program.

Yang Berhormat Senator, untuk kaum yang dalam data kita seramai 178,000 orang ataupun dalam lebih kurang 36,000 KIR atau ketua isi rumah masyarakat Orang Asli di seluruh Malaysia ini, untuk diberi agihan perbelanjaan sebegitu rupa, saya rasa, bukan tidak adillah, cuma bagaimana kita hendak menyampaikan supaya kesemua program ini disampaikan dengan secara betul, menepati sasaran kita.

Saya baru-baru ini merasmikan satu kejohanan sukan untuk masyarakat Orang Asli bersama JAKOA di Perak. Semasa itu, saya juga melihat ke gerai-gerai yang telah ditempatkan di sana dan saya mendapati bahawa dan saya nampak juga dan saya berbual dan bertanya kepada mereka yang terlibat, sungguh ramai sudah wanita-wanita yang muda belia Orang Asli memberitahu bahawa mereka telah berjaya dalam latihan-latihan yang mereka ikuti di GiatMara dan sebagainya, dan Institut Kemahiran Mara di mana anak-anak Orang Asli juga bersama dalam latihan-latihan tersebut. Mereka berjaya juga sudah di dalam menjalankan perniagaan sendiri.

Walaupun kita tahulah mungkin buat masa kini bilangannya masih kecil, akan tetapi ia sudah bermula, bukan tidak ada. Ia belum sampai ke tahap, mungkin belum memuaskan hati tapi kerajaan sudah memulakan dan kerajaan sentiasa memberi peluang dan kita ambil maklumlah saranan ataupun cadangan daripada Yang Berhormat yang begitu prihatin kepada kehendak untuk kita memberi lebih lagi peluang latihan ataupun menubuhkan pusat-pusat latihan mungkin khusus kepada belia-belua ataupun wanita Orang Asli.

Sekian, terima kasih.

9. Datuk Chiu Tiang Chai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kesan Ops Bersepadu 6P Fasa 2 dalam usaha menggempur warga asing yang tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

■1140

Tuan Yang di-Pertua, Operasi Bersepadu 6P fasa 2 yang dilancarkan dalam tempoh 21 Januari 2014 sehingga 2 April 2014 yang telah memberi kesan yang positif dalam usaha menggempur warga asing yang tidak memiliki dokumen perjalanan sah adalah seperti berikut:

- (i) seramai 15,818 bilangan anggota operasi pelbagai agensi penguat kuasa yang terlibat telah berjaya menjalankan sebanyak 1,424 operasi. Di mana seramai 9,214 pendatang asing tanpa izin (PATI) dan 125 majikan telah berjaya ditangkap;
- (ii) PATI yang ditangkap melibatkan kesalahan-kesalahan seperti tinggal atau berada di negara ini tanpa pasport atau dokumen yang sah. Tinggal melebihi tempoh masa pas yang dibenarkan ataupun melanggar syarat pas dan memiliki serta mengguna pas dokumen palsu; dan
- (iii) sehingga 2 April 2014, terdapat seramai 10,787 orang merangkumi 8,753 orang lelaki, 1,449 orang perempuan dan 585 orang kanak-kanak telah ditahan di depot tahanan Imigresen di Semenanjung Malaysia. Manakala 3,662 orang tahanan di Pusat Tahanan Sementara (PTS), Sabah.

Langkah-langkah berikut telah diambil untuk menghantar PATI pulang:

- (i) mengikut dasar terkini, mengenai penghantaran pulang PATI iaitu tambang untuk balik dibiayai oleh PATI sendiri atau majikan, perwakilan negara-negara asing atau waris saudara-mara PATI. Usaha ini dengan secara langsung akan dapat mengurangkan kos perbelanjaan kerajaan dan PATI-PATI dapat dihantar pulang ke negara masing-masing; dan
- (ii) kerajaan juga dapat mengatasi masalah rakyat warga asing yang gagal dihantar pulang ke negara asal disebabkan keengganan kerajaan negara-negara asing berkenaan untuk menerima mereka pulang kerana tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah. Dengan adanya kerjasama di antara depot tahanan Imigresen dan badan-badan bukan kerajaan *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) dan *International Committee of the Red Cross* (ICRC), maka mereka dapat dibantu untuk dihantar ke negara ketiga.

Hasil daripada langkah-langkah yang telah diambil bagi tempoh 21 Januari 2014 sehingga 2 April 2014, seramai 13,000 orang PATI telah berjaya diusir ke negara asal masing-masing. Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih.

Datuk Chiw Tiang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Isu premis perniagaan tempatan tetapi dikendalikan oleh PATI, ini bukan perkara baru. Di sebalik operasi demi operasi, nampaknya PATI yang berniaga ini kebal. Hari ini operasi, esok premis dibuka semula. Soalan saya, di samping kita menggempur PATI dan premis perniagaan yang dijalankan oleh PATI ini yang mungkin diupah oleh orang tempatan, bagaimana pula tindakan yang boleh kita ambil terhadap rakyat tempatan yang terlibat mengalibabakan lesen atau mengupah PATI mengendalikan perniagaan menggunakan lesen mereka? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju dengan apa yang telah diimbis oleh Yang Berhormat dalam persoalannya. Bahawa ada di

kalangan masyarakat tempatan yang mendapat lesen daripada pihak-pihak berkuasa kerajaan dan tempatan telah menggunakan ataupun menyewakan, memberi peluang kepada pihak-pihak pendatang asing ini berniaga ataupun menjalankan perniagaan bagi pihak mereka. Ada juga di kalangan mereka yang telah menyewa secara terus lesen mereka untuk pihak ini berniaga.

Jadi perkara ini telah kita bangkit bersama dengan pihak DBKL dan juga Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan berhubung dengan masalah ini. Ini kerana lesen perniagaan sedemikian ini ialah diberi atau diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan bukan oleh Kementerian Dalam Negeri. Jadi amat relevan sekali kalau Yang Berhormat boleh bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, bagaimana mengatasi masalah lesen yang pernah disewa ataupun diguna pakai oleh pihak pendatang asing. Ini supaya tidak mereka ini mungkin di *blacklisted* ataupun tidak diberi lesen selepas itu atau macam mana cara-cara untuk menghalang mereka ini memberi lesen kepada pendatang asing. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh manakah kerajaan kita mendapat kerjasama daripada kedutaan-kedutaan asing yang warganegara mereka menjadi PATI di negara ini? Apakah bentuk kerjasama itu? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita kementerian dan juga Jabatan Imigresen setiap kali mengadakan perbincangan dengan pihak wakil negara asing yang berada di Malaysia, yang mewakili warga mereka yang berada di negara ini. Perbincangan kita memang tertumpu kepada pemberian dokumen-dokumen untuk membolehkan PATI ini dikembalikan ke negara-negara mereka yang asal. Sebenarnya pada hari kelmarin pun saya berjumpa dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri daripada negara *Myanmar* yang datang bersama dengan empat pegawai iaitu pegawai Imigresen, pegawai polis, pegawai daripada Kementerian Sumber Manusia dan juga pekerja berjumpa dengan saya untuk mengatasi macam mana kerjasama ini boleh dipererat dan diperkukuhkan. Ini supaya boleh kita menangani masalah PATI-PATI yang datang daripada *Myanmar*. Begitulah juga pekerjaan dan urusan kita dengan negara-negara lain.

Bahkan pada masa sekarang pun Yang Berhormat Menteri dalam rangka lawatan beliau setelah melawat Nepal dan juga Bangladesh dua minggu lepas dan sekarang dalam perjalanan untuk melawat *Myanmar*, untuk berbincang dengan kerajaan negara tersebut. Macam mana boleh kita mengadakan satu mekanisme yang lebih baik daripada apa yang kita ada sekarang ini untuk membolehkan mereka memberi dokumen-dokumen kepada pendatang-pendatang asing yang berada di negara kita sekarang ini dikembalikan. Jadi perbincangan dan urusan kita dengan pihak wakil negara asing ini akan berterusan. Kita akan mencari mekanisme-mekanisme yang baik supaya kita boleh menguruskan pendatang asing yang berada di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa setakat itu dululah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan kita untuk hari ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.48 pg.**

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walaupun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan”.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

■1150**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN) 2013****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****11.50 pg.**

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminta Akta Saraan Hakim 1971 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini telah pun meluluskan rang undang-undang yang meminda Akta Penyelarasan Pencen 1980 yakni Akta 238, di mana Akta 238 ini ialah undang-undang

yang mentadbir urusan penyelarasan pencen bagi pesara perkhidmatan awam persekutuan dan negeri serta badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan.

Pindaan undang-undang bagi Akta 238 tersebut adalah bertujuan untuk menggantikan cara penyelarasan pencen sedia ada dengan satu kaedah baru yang lebih baik dan ia bertujuan bagi menjaga kebajikan pesara dan penerima pencen. Bagi penyelarasan yang dimaksudkan adalah kenaikan pencen sebanyak 2% setiap tahun untuk semua golongan penerima pencen yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013.

Kaedah ini telah memberi manfaat kepada semua pesara yang bukan sahaja dalam kalangan pesara perkhidmatan awam persekutuan, malah termasuk juga pesara perkhidmatan awam negeri serta perkhidmatan pihak berkuasa berkanun dan tempatan di negeri-negeri. Pencen bagi semua golongan ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, faedah kenaikan pencen 2% yang telah pun dinikmati oleh pesara perkhidmatan awam persekutuan, pesara perkhidmatan awam negeri serta perkhidmatan pihak berkuasa berkanun dan tempatan di negeri-negeri. Ini adalah wajar dipanjangkan kepada bekas hakim serta ahli keluarga tanggungan hakim atas prinsip kesamarataan. Pindaan peruntukan ini perlu bagi pelaksanaan dasar kenaikan tahunan pencen pesara hakim sebanyak 2% setiap tahun yang disifatkan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Pelaksanaan kenaikan tahunan pencen pesara hakim ini memerlukan pindaan kepada seksyen 15(b), Akta 45. Peningkatan pencen pada kadar 2% setiap tahun ini akan dapat menangani kenaikan kos sara hidup yang berlaku setiap tahun tanpa perlu menunggu semakan gaji hakim yang sedang berkhidmat. Ia bukan sahaja akan dinikmati oleh pesara hakim tetapi juga kepada balu dan tanggungan yang layak apabila pesara hakim tersebut meninggal dunia.

Pada masa ini, faedah persaraan kepada hakim boleh diberi apabila seorang hakim yang bersara atau meletak jawatan dalam keadaan seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 8, Akta 45 iaitu apabila seseorang:

- (i) bersara dari jawatan hakim apabila mencapai umur 66 tahun atau sehingga satu masa kemudiannya tetapi masa itu tidak boleh kemudian dari enam bulan selepas dia mencapai umur itu menurut Perkara 125(1), Perlembagaan Persekutuan; atau
- (ii) bersara daripada jawatan Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi di bawah seksyen 8A (bersara kerana uzur) atau 8B (bersara kerana sebab khas); dan
- (iii) apabila seseorang meletakkan jawatan sebagai hakim selepas mencapai umur 60 tahun.

Namun begitu bagi hakim yang meletak jawatan sebelum mencapai umur 60 tahun, mereka tidak layak mendapat pencen dan ganjaran. Keadaan ini memberikan kekangan kepada golongan hakim yang mempunyai masalah kesihatan atau tidak mempunyai keupayaan dari segi fizikal untuk meletak jawatan sebelum mencapai umur 60 tahun walaupun mereka tidak berupaya untuk

melaksanakan beban tugas mereka yang berat sebagai pembuat keputusan bagi kes-kes mahkamah yang mana sesetengahnya memakan masa sehingga berbulan-bulan lamanya seperti perbicaraan kes-kes jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam persidangan tahunan Hakim-hakim Malaysia pada 24 hingga 28 Mei 2013 yang lalu yang dihadiri oleh Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Malaya, Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim-hakim Mahkamah Rayuan, Hakim-hakim Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Kehakiman telah mencadangkan kepada kerajaan supaya hakim yang meletak jawatan umur 60 tahun tetapi telah berkhidmat selama tempoh yang kesemuanya berjumlah tidak kurang dari lima tahun dibenarkan untuk menikmati faedah persaraan. Kerajaan menyokong cadangan tersebut dan yakin ia dapat meningkatkan motivasi, prestasi para hakim serta dapat memartabatkan badan kehakiman ke tahap yang lebih tinggi.

Sehubungan dengan itu, bagi menghargai perkhidmatan seorang hakim yang meletak jawatan sebelum mencapai umur 60 tahun tetapi telah berkhidmat selama tempoh yang kesemuanya berjumlah tidak kurang dari lima tahun adalah wajar golongan ini diberi faedah persaraan iaitu ganjaran dan pencen selepas peletakan jawatan mereka diluluskan Ketua Hakim Negara. Kemudahan yang diberikan ini juga diharap dapat membantu pelupusan kes-kes mahkamah dengan cepat dan teratur serta meningkatkan lagi prestasi badan kehakiman di Malaysia.

Bagi membolehkan pemberian faedah persaraan diberi kepada hakim yang meletak jawatan sebelum mencapai umur 60 tahun tetapi telah berkhidmat selama tempoh bagi kesemuanya berjumlah tidak kurang dari lima tahun, pindaan kepada seksyen 8(c), Akta 45 perlu dibuat. Tarikh kuat kuasa bagi seksyen 8(c) dicadangkan bermula dari 1 Julai 2013 bagi meliputi mana-mana kes yang sedemikian dalam tempoh tersebut sehingga rang undang-undang ini diluluskan oleh Parlimen.

Dengan adanya peruntukan yang dibuat secara ke belakang mulai 1 Julai 2013, maka penamatan perkhidmatannya itu boleh disifatkan sebagai satu persaraan yang melayakkan hakim berkenaan mendapat bayaran faedah persaraan seperti yang diliputi di bawah Akta 45. Kos tambahan bagi kes seperti ini belum dapat ditentukan lagi kerana ia bergantung kepada bilangan sebenar kes yang akan berlaku. Walau bagaimanapun, saya percaya ia tidak akan memakan belanja yang besar berdasarkan bilangan hakim yang sedia amatlah kecil.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu penambahbaikan daripada kerajaan yang prihatin bagi mengenang serta menghargai jasa golongan hakim yang telah memberikan sumbangan bakti kepada negara semasa mereka berkhidmat. Semoga dengan penambahbaikan yang dilakukan ini dapat memberikan satu dorongan dan rangsangan kepada golongan ini untuk terus berkhidmat secara produktif dan menyampaikan perkhidmatan dengan lebih cemerlang demi kesejahteraan rakyat. Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk bahas.

Sebelum saya meneruskan sesi perbahasan kita pada hari ini, saya ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Dewan Negara bahawa hari ini merupakan hari terakhir untuk kita bermesyuarat Penggal Kedua Parlimen Ketiga Belas dan kita masih ada lagi dua rang undang-undang yang hendak dibahaskan iaitu Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2013 dan juga Rang Undang-undang Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata. Jadi saya minta kerjasama Yang Berhormat sekalian supaya mana-mana Yang Berhormat yang ingin turut serta membahaskan dua rang undang-undang ini sila hantarkan nama supaya senang untuk kita membahagi masa ataupun mengatur masa kita untuk hari ini dengan secepat mungkin.

Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul untuk berbahas.

11.59 pg.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2013. Selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum negara kita di Malaysia adalah mengamalkan sistem demokrasi berparlimen yang mempunyai pembahagian kuasa atau dengan izin, *separation of powers*, membahagikan urusan dalam negara kepada tiga cabang utama iaitu pemerintah (*executive*), perundangan (*legislative*) dan kehakiman (*judiciary*). Pemisahan kuasa ini bertujuan memastikan tidak ada satu badan atau institusi yang mempunyai kuasa mutlak dalam sesebuah negara.

■1200

Sehubungan dengan itu, badan kehakiman di Malaysia adalah mahkamah. Perlembagaan Persekutuan dalam beberapa perkara ini memperuntukkan penubuhan tiga peringkat mahkamah. Pertamanya, Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak. Keduanya, Mahkamah Rayuan dan ketiganya Mahkamah Persekutuan. Secara dasarnya, peranan mahkamah-mahkamah tinggi adalah untuk menegakkan:

- (i) menegakkan undang-undang;
- (ii) mentafsirkan undang-undang;
- (iii) mentafsirkan Perlembagaan;
- (iv) menasihati Yang di-Pertuan Agong;
- (v) mengadakan perbicaraan antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan atau di kalangan kerajaan-kerajaan negeri; dan
- (vi) mengadakan kes-kes jenayah dan sivil.

Tuan Yang di-Pertua, badan kehakiman adalah badan bebas, ini yang penting. Badan bebas tanpa ada pengaruh dari mana-mana pihak sekalipun kerajaan yang memerintah. Malah, kedudukan hakim itu sendiri ditentukan oleh Perlembagaan Negara yang hanya boleh terlucut melalui tiga cara iaitu pertama meninggal dunia, kedua tidak sihat dan ketiga tidak boleh menjalankan fungsi dan telah melakukan jenayah atau melanggar undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, barisan hakim yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri telah dirunding dengan Majlis Raja-Raja. Pelantikan hakim-hakim adalah bebas dan Suruhanjaya Pelantikan Hakim (GSC) akan menimbang beberapa kriteria memilih hakim yang bakal dilantik termasuk pencapaian mereka dalam melupuskan kes, kualiti penghakiman, integriti, pengetahuan undang-undang, keupayaan pentadbiran kehakiman dan pembawaan kehakiman.

Malaysia mengamalkan sistem pelantikan hakim yang telus dan bebas kerana kebebasan dalam pelantikan hakim amat penting bagi memastikan kebebasan badan kehakiman untuk membuat keputusan sentiasa terpelihara. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, kes-kes yang dilibat bebas di mata masyarakat iaitu pada Disember 2011, kes Lim Guan Eng yang menang kes saman malu terhadap *Utusan Malaysia*. Pada tahun yang sama badan kehakiman negara menjatuhkan hukuman terhadap bekas Menteri Selangor, Dato' Mohd Khir Toyo atas kesalahan rasuah. Setahun berikutnya pada Oktober 2012, keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengarahkan kerajaan membayar ganti rugi RM4 juta kepada lima bekas tahanan ISA kerana membuat penahanan secara tidak sah. Keputusan itu menunjukkan bidang perundangan dan kehakiman berbeza dan tidak dipengaruhi mana-mana eksekutif.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga melihat beberapa statistik kes mahkamah yang tertunggak pada tahun 2013 dan kalau kita melihat, Mahkamah Persekutuan telah menyelesaikan 127 kes daripada 270 kes sivil yang tertunggak. Di Mahkamah Rayuan, daripada 8,395 kes, telah dapat menyelesaikan 5,554 kes. Mahkamah Tinggi di Malaya menyelesaikan 117,301 kes daripada 167,124 kes sivil yang tertunggak, manakala 752,707 kes yang tertunggak dapat diselesaikan pula dalam 4,586 kes. Manakala Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak telah menyelesaikan 7,148 kes daripada 9,047 kes sivil yang tertunggak bagi kes jenayah. Ini merupakan satu penyelesaian yang amat baik telah dilakukan oleh badan kehakiman di negara kita. Kita juga mendapat pengiktirafan daripada badan luar mengenai kecekapan institusi kehakiman negara kita.

Oleh kerana transformasi dan kecekapan sistem kehakiman di Malaysia daripada peringkat wujud pertikaian, mengambil kira masa, kos dan prosedur yang terlibat dari saat plaintif memfailkan tuntutan mahkamah sehingga pembayaran diterima, badan luar mengiktiraf negara kita di kedudukan pertamanya, *World Bank Doing Business Report*. Kedudukan Malaysia telah naik dari tangga 18 ke tangga 12 pada tahun 2013. Dalam Laporan Bank Dunia melaporkan dalam konteks dengan izin, *enforcing contract* Malaysia telah naik dari tangga ke-60 pada tahun 2011 ke tangga 30 pada tahun 2013 dalam konteks pengiktirafan dalam sistem kehakiman kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut terpanggil untuk membahaskan pindaan Rang Undang-undang Saraan Hakim 2013 kerana melihat hari ini bebanan tugas hakim bertambah meningkat dan juga

mencabar serta keperluan rakyat perlu diutamakan melebihi keperluan sendiri dalam menegakkan keadilan. Hakim juga bukan saja dijangka untuk bekerja waktu pejabat, tetapi mereka juga mengambil masa untuk bekerja di luar pejabat. Kadang-kadang hujung minggu mereka juga perlu bekerja dan tugas serta urusan penghakiman termasuklah membaca rekod rayuan dan sebagainya dan juga rekod perbicaraan sehingga kadang-kadang penyelidikan dan juga membuat keputusan harus dilakukan sendiri daripada awal sehingga ke akhir kes.

Berkenaan dengan kenaikan 2% setiap tahun kepada hakim-hakim yang bersara Tuan Yang di-Pertua, ini amat baik sekali. Akan tetapi, apakah rasional kita tetapkan 2%? Kalau kita lihat di negara luar, di *United Kingdom* umpamanya. Baru-baru ini di mana ada satu *judicial* dan *pension scheme* yang telah dibuat pada tahun 2012, banyak unsur-unsur mengenai kenaikan gaji, kenaikan saraan dan perkara berkaitan dengan hakim telah diambil kira. Saya difahamkan ini kerap kali dibuat di negara-negara maju di mana ada satu *committee* yang tertentu di mana penggajian dibuat sedalam-dalamnya mengenai hakim-hakim dan kedudukan mereka di dalam masyarakat. Kenapa 2% yang dinyatakan di sana dan bukan satu amaun yang lebih di sana. Ini kerana saya khuatir kalau kita tengok situasi inflasi tahun lalu dan setakat tahun ini sampai sekarang, ada lebih kurang di antara lingkungan 3.5% hingga 4%. Akan tetapi persepsi dan realiti dengan izin, *on the ground*, adalah bukan 4%. Mungkin 8% atau mencecah 10%. Kenapa ia terikat kepada 2% kenaikan saraan setiap tahun? Ini cuma pandangan peribadi saya.

Di negara *United Kingdom* Tuan Yang di-Pertua dan Australia, setiap tiga tahun ada perubahan gaji dan saraan hidup mereka dan ini lebih baik di negara-negara lain. Gaji yang diterima oleh hakim-hakim kita adalah tidak lumayan seperti negara luar tetapi hakim kita adalah selalu menjalankan dengan jujur, telus dan ikhlas. Apakah kerajaan sedar bahawa cadangan gaji mereka perlu ada *tax free* atau 100% *tax free* supaya menggalakkan kita dapat hakim-hakim yang terbaik di negara kita ini.

Kalau kita banding dengan negara Singapura dan negara-negara lain, gaji kerja mereka sangat berbeza dengan *basic salary* kepada hakim-hakim di negara ini. Juga kepada hakim-hakim di negara lain diberi insentif bila mereka melepaskan kerja sebagai hakim. Di antaranya, di Amerika contohnya Tuan Yang di-Pertua, adalah mereka boleh mendapat satu pejabat di Supreme Court Judges di Amerika. Mereka ada pejabat selama-lamanya di tempat di mana mereka bersara. Boleh menggunakan pejabat itu untuk menjalankan tugas sebagai penulis atau memberi pandangan kepada kes undang-undang.

■ 1210

Kita juga menyeru kepada semua pihak dan juga rakyat Malaysia agar bertanggungjawab dan menghormati institusi kehakiman dengan menyalurkan sebarang ketidakpuasan hati melalui cara yang sah dan berhemah. Janganlah sekali kita mengambil tindakan-tindakan yang boleh mencemarkan integriti dan maruah institusi kehakiman hanya kerana tidak berpuas hati dengan sesuatu keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap agar sistem kehakiman negara akan terus mencipta tahap keyakinan yang tinggi serta memelihara kepastian terhadap integriti sistem kehakiman yang penting untuk menyediakan persekitaran yang lebih stabil kepada pelabur asing dalam pasaran

tempatan. Saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada segala usaha gigih yang dilakukan oleh semua pihak iaitu para hakim dan semua yang terlibat dalam memperkukuhkan serta memelihara integriti, kecekapan dan kebebasan dalam badan kehakiman negara kita.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah demikian, saya dengan ini mohon menyokong penuh Rang Undang-undang Saran Hakim 2013. Saya dengan ini mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Silakan Yang Berhormat.

12.12 tgh.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti kita ketahui, institusi kehakiman ini adalah institusi yang sangat penting dan boleh merupakan satu faktor yang utama dalam menentukan sama ada wujud keadilan dan demokrasi atau tidak dalam sesebuah negara. Tanggungjawab hakim adalah sangat berat dan hakim diperlukan bertindak dengan penuh keadilan. Seperti yang disebutkan tadi dan saya setuju tanggungjawab mereka melibatkan kerja dan tugas bukan sahaja pada waktu kerja tetapi juga di luar waktu kerja. Oleh kerana itu, memang berpadananlah mereka diberikan gaji yang tinggi dan pencen yang tinggi juga. Sehubungan dengan ini, saya lihat dan sangat puas hati bahawa penyesuaian telah dilakukan terutama sekali untuk memberikan pencen kepada mereka yang meletakkan jawatan pada umur 60 tahun yang sebelum ini tidak wujud.

Memanglah kita harus memberikan penentuan sudah pun berkhidmat lima tahun. Akan tetapi yang baiknya ialah bagi mereka yang meletakkan jawatan, sama akan mendapat pencen juga sebagaimana mereka yang tamatkan perkhidmatan mereka pada umur 66 tahun. Saya mesti mengaku Tuan Yang di-Pertua bahawa saya tidak begitu jelas tentang berapa sebenarnya pencen atau kadar pencen yang diperoleh oleh para hakim. Akan tetapi saya mendapat kesan seolah-olah daripada pindaan ini bahawa pencen yang mereka terima adalah sama dengan gaji terakhir yang mereka terima. Kalaulah demikian, satu perkara yang baik. Satu perkara yang baik juga apabila diadakan kadar tambahan setiap tahun sebanyak 2% sebagaimana yang diterima oleh pegawai-pegawai kerajaan yang lain.

Nampaknya, selain daripada 2% itu, jika ada keperluannya, maka Yang di-Pertuan Agong boleh menaikkan kepada kadar yang lebih daripada 2% bergantung kepada kategori-kategori tertentu dengan tidak misalnya menyatakan selari dan selaras kepada semua.

Berkaitan dengan kuasa Yang di-Pertuan Agong, saya ingin mengesyorkan bahawa kadar yang akan dinaikkan itu mestilah disesuaikan dengan kadar inflasi dalam sesebuah negara ataupun negara ini. Jadi yang saya maksudkan ialah bukan sahaja harus ada *flexi wage*, iaitu gaji yang fleksibel yang disesuaikan dengan kenaikan indeks harga, taraf hidup tetapi mungkin perlu juga ada *flexi pension* yang disesuaikan dengan taraf hidup itu. Dengan demikian, bererti bahawa kenaikan ini bila disesuaikan dengan taraf hidup, akan memastikan bahawa hakim itu akan mempunyai taraf hidup yang tidak lebih rendah daripada kenaikan harga barang-barang dan indeks hidup negara ini.

Saya setuju bahawa pencen hakim itu sepenuhnya seperti gaji mereka walaupun dalam hal ini saya hendak menyelitkan sedikit rasa kekesalan walaupun tidak begitu relevan. Kekesalan bahawa Ahli-ahli *Senate* misalnya yang berkhidmat untuk hanya satu *term*, mereka hanya mendapat satu per empat pencen daripada apa yang mereka terima. Akan tetapi itu adalah perkara selitan yang tidak begitu relevan. Ini kerana saya katakan baik untuk pencen yang tinggi bagi hakim kerana ia akan menentukan bahawa dalam keadaan pencen, hakim tidak memerlukan sumber atau punca pendapatan yang lain. Saya kira kalau inilah, maka diadakan satu kod etika hakim pada tahun 2009 dan dalam seksyen 9, *quote* ini saya baca di sini; "*Seorang hakim akan pada masa pelantikan atau mana-mana masa kemudiannya sekiranya diminta oleh Ketua Hakim Mahkamah Persekutuan membuat pengisytiharan bertulis semua asetnya kepada Ketua Hakim Mahkamah Persekutuan*".

Jadi ertinya kalau saya faham di sini, mana-mana masa kemudiannya termasuklah masa pencen. Ertinya sekiranya ada tugas atau jawatan ataupun penglibatan dengan *business* yang dilakukan oleh hakim yang hendak pencen, maka perlulah dilaporkan perkara ini. Saya tidak tahu dan saya ingin tahu berapa ramaikah misalannya hakim-hakim yang telah terlibat dengan kerja-kerja lain sama ada sebagai pengarah ataupun apa sahajalah. Profesor atau sebagainya. Kalau ada, adakah mereka sudah melaporkan ataupun adakah mereka telah diminta untuk melaporkan punca-punca pendapatan mereka yang lain ini.

Saya menimbulkan perkara ini oleh kerana saya lihat sebagai satu contoh sahaja. Seorang ketua hakim besar keenam negara ini yang telah bersara pada 9 September 2011 telah dilantik menjadi Pengerusi Astro Malaysia Holdings Berhad. Isteri beliau pula telah dilantik sebagai seorang pengarah kepada Emrail Sdn. Bhd. yang mendapat kontrak sebanyak RM2 bilion untuk membina jalan yang sekarang ini *controversial* di Petaling Jaya iaitu KIDEX. KIDEX ini ialah Lebuhraya Kinrara-Damansara. Kebetulan pula seorang peguam sebuah parti pemerintah juga mendapat kedudukan sebagai pengarah di situ.

■1220

Jadi ini, oleh kerana peguam ini telah berhujah di hadapan hakim ini dalam soal politik berkaitan dengan pemindahan kuasa di Perak maka timbul banyak tuduhan, banyak persepsi. Saya harap, tuduhan ini tidak akan berlaku. Satu cara tidak berlaku ialah supaya tidak ada misalnya keperluan untuk mereka mendapat sumber-sumber pendapatan yang lain dan mencukupi hanya dengan pencen yang mereka peroleh, yang saya harap akan diletakkan pada peringkat yang tinggi.

Apabila misalnya ada persepsi yang salah atau tuduhan yang tidak benar atau benar apatah lagi maka ia akan menurunkan taraf dan martabat hakim itu. Kita lihat misalnya bagaimana buruknya berlaku kontroversi apabila timbul tuduhan bahawa seorang lagi ketua hakim besar telah bercuti bersama-sama dengan seorang peguam di New Zealand. Peguam ini telah mengakui pada 18 Januari 2008 bahawa memang benar mereka telah bercuti bersama sungguhpun beliau menyatakan bahawa itu hanya secara kebetulan. Pengakuan yang dibuat ini iaitu oleh Datuk VK Lingam pada 18 Januari 2008 telah dibuatnya sebagai suatu testimoni dalam Suruhanjaya Siasatan Diraja yang telah dibentuk oleh kerajaan untuk menyiasat satu tuduhan ataupun sesuatu dakwaan. Dakwaan itu timbul apabila

muncul video yang menunjukkan peguam ini atau VK Lingam ini telah berbicara dan berbual dengan seorang lain lagi ketua hakim besar tentang pelantikan hakim-hakim.

Jadi, tiga hakim besar ini seolah-olah terlibat dalam perkara yang agak kontroversial dan berhubung dengan kes Suruhanjaya Siasatan Diraja tadi di mana VK Lingam dituduh dan disiasat, suruhanjaya ini telah bersidang pada tahun 2007 hingga 2008. Selain daripada menuntut siasatan tentang hal perbualan itu, juga menuntut siasatan menyeluruh ke atas 112 dakwaan korupsi penyalahgunaan kuasa dan salah laku kehakiman terhadap 12 hakim dibuat oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi waktu itu yang kemudiannya telah dibuang kerja.

Jadi, ini sangat penting. Hakim besar mengikut lazimnya adalah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan beliau dilantik dengan nasihat Perdana Menteri. Apa yang menjadi masalahnya ialah sekiranya kebetulan hakim besar itu dipilih oleh sebab-sebab lain daripada merit. Umpamanya kerana hubungan politiknya atau pendirian beliau dan sebagainya. Ini akan mempengaruhi lagi kehakiman itu.

Saya mengakui bahawa sistem kehakiman kita pada keseluruhannya dalam negara ini adalah adil. Kita dapat mengemukakan banyak contoh tetapi kita tidak mahu misalnya '*Oleh kerana nila setitik maka rosak santan sebelanga*'. Soal kehakiman ini, soal keadilan ini adalah penting bukan sahaja kerana itu memang tugas kehakiman tetapi dikehendaki oleh banyak agama. Dalam Islam misalnya al-Quran menyatakan... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Ertinya, apabila kamu menghakimkan antara manusia maka hendaklah kamu bersifat adil. Ada ayat lagi mengatakan Allah menyeru supaya kita... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Kita adil dan berihsan. Jadi dengan demikian, setinggi-tinggi martabat, setinggi-tinggi integriti mesti ditunjukkan oleh hakim untuk bersesuaian dengan kehendak profesionnya dan kehendak ajaran agama juga.

Oleh kerana itulah, saya menganggap bahawa pelantikan hakim besar itu mesti difikirkan apa caranya supaya ia boleh lebih bebas daripada hanya misalnya nasihat daripada Perdana Menteri. Adakah kita hendak pergi kepada Parlimen? Adakah kita hendak tubuhkan satu badan atau *commission* yang boleh menentukan pelantikan itu atau sebagainya? Saya tidak tahu lagi dan saya tidak fikirkan lagi tetapi perkara ini harus difikirkan. Sebabnya ialah kerana mengikut sistem yang ada sekarang ini, hakim besar itu menentukan hakim-hakim yang lain yang harus mendengar kes-kes tertentu. Kita bimbang misalannya kalau berlaku dan saya harap ini tidak berlaku, di mana hakim besar menentukan hakim-hakim untuk memastikan sesuatu kes itu dimenangi.

Ada hakim, ini yang saya katakan nila yang setitik tadi, ada hakim misalnya yang mahukan pangkat lebih tinggi dan gaji lebih tinggi dengan harapan pencen lebih tinggi, yang mungkin mengkompromikan profesion mereka, mengkompromikan keadilan dengan misalnya keperluan-keperluan atau tekanan politik dan sebagainya. Kita harap ini tidak berlaku tetapi...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh beri laluan?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat. Silakan.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tentang kehakiman di negara kita ini adil. Hanya sedikit itu tidak adil. Adakah Yang Berhormat

maksudkan yang sedikit itu ialah tentang keputusan kesalahan yang dijatuhkan kepada Ketua Pembangkang? Itukah maksud Yang Berhormat? Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau itu yang dimaksudkan, saya sebut dan lebih daripada itu yang ada. Ini misalnya kita ada banyak kes umpamanya di mana ada keputusan diambil dalam Mahkamah Rayuan yang bertentangan dengan keputusan yang dibuat di Mahkamah Tinggi. Salah satu kesnya ialah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Akan tetapi banyak kes lain. Ada misalnya seorang yang bernama Abdul Malik yang telah ditahan di bawah ISA dan semasa ditahan, semasa disoal, beliau bukan sahaja dipukul tetapi dipaksa meminum kencing polis. Oleh kerana itu beliau telah mengambil tindakan dalam mahkamah dan menang dengan RM2.5 juta.

Akan tetapi selepas itu di *appeal* dan hakim-hakim *appeal* itu ditentukan oleh hakim besar dan diterbalikkan keputusan itu. Dia tidak dapat RM2.5 juta tetapi sebaliknya kena bayar kos RM50,000 pula. Ada kes misalnya seorang Adun di Perak yang tidak hadir beberapa lama dan digugurkan kedudukannya dan didapati bersalah Akan tetapi di *appeal*. Waktu *appeal* okey dan tidak payahlah kalau misalnya saya hendak bagikan, saya akan serahkan nanti apa-apa dokumen yang ada kerana hari itu saya telah diminta untuk berikan dokumen yang lengkap dan saya akan serahkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Jadi itu antara contohnya.

Tentang hakim besar itu, antara yang saya anggap misalnya sebagai nila yang setitik tadi ialah hakim besar yang saya sebutkan pergi *holiday* bersama, kemudian mengakui tentang hal itu dan dibentuk suruhanjaya. Akan tetapi malangnya suruhanjaya itu telah membuat laporan, telah mendengar banyak pandangan, telah membuat perakuan tetapi kebanyakan daripada perakuan itu tidak diterima oleh pemerintah.

■1230

Jadi, dengan keadaan demikian, kalau kita tidak membetulkan sesuatu yang salah dengan misalannya menerima perakuan-perakuan suruhanjaya yang kita sendiri bentuk. Maka, tentulah keadaan tidak akan bertambah baik. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya seperti yang saya sebutkan tadi mengakui bahawa sebenarnya taraf kehakiman kita ini sangat tinggi dan kita harus sokong. Dengan demikianlah, maka saya menyokong pindaan bagi persaraan hakim ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid. Silakan Yang Berhormat.

12.31 tgh.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Saya turut serta menyokong rang undang-undang ini dan tidak mengambil masa yang panjang.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Pada prinsipnya, Akta Saraan Hakim ini adalah penyelarasan. Seperti yang telah dijelaskan oleh Timbalan Menteri tadi kita faham dan tidak ada sebab kita tidak sokong. Begitu juga dengan pandangan daripada Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul bahawa struktur

kita mentadbir negara kita ini ada tiga. Badan Eksekutif, kemudian perundangan di mana kita ini semua sekali terlibat dan yang ketiga kehakiman. Perundangan kalau kita perhatikan, semua sekali kita yang melaksana, memperakukan, buat usul, lulus. Kemudian dilaksanakan oleh badan Eksekutif. Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-Menteri. Itu peringkat Persekutuan, ada pula peringkat negeri.

Di samping itu kita ada badan kehakiman yang menentukan supaya segala perjalanan kita ini mestilah dilakukan dengan baik. Saya menyokong rang undang-undang ini kerana kita tidak hendak mahkamah kita, bidang kehakiman kita, dicemari oleh misalnya sogokan, rasuah, berlaku ketidakadilan. Kalau kita perhatikan, seorang Hakim Mahkamah Tinggi gajinya kira semua sekali lebih kurang RM40,000. Kita lihat Perdana Menteri dapat separuh daripada itu. Kita juga lihat dari segi beban tugas rasanya teruk lagi jadi Perdana Menteri. Hendak jaga dalam negeri, hendak jaga ekonomi, hendak tengok semua sekali kebajikan rakyat, hubungan dengan luar negeri, Obama baru datang. Kita hendak tolong selesaikan masalah Filipina, Thailand, ASEAN, pelbagai.

Akan tetapi kenapa kita menyokong supaya gaji hakim tinggi kerana kita hendak hakim itu betul-betul adil, hakim itu tidak dipengaruhi oleh rasuah. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali tadi bahawa elok kita ada satu garis panduan supaya hakim apabila dia pencen jangan dia terlibat dengan sebarang perniagaan. Ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, untuk menjaga maruah dan integriti badan kehakiman itu sendiri. Pada keseluruhannya, kalau kita perhatikan bidang kehakiman di Malaysia, ia 95% sempurna. Ada sedikit sebanyak silap di sana sini tetapi markah yang kita boleh bagi seperti yang saya sebutkan tadi.

Kita boleh nampak tidak kira pihak kerajaan mahupun yang lain, bidang kehakiman kita telus, saksama dan kita boleh menilai kes-kes seperti dahulu Datuk Harun Idris, Mokhtar Hashim kemudian hinggalah sekarang Dr. Mohamad Khir Toyo, Tun Dr. Ling Liong Sik dan sebagainya. Itu di pihak kerajaan. Begitu juga kita tengok di pihak-pihak yang lain. Jadi, integriti kehakiman itu mestilah kita sokong, kita jaga dan Akta Saraan Hakim ini adalah satu perkara yang sangat kecil. Ini kita menjaga integriti Malaysia akhirnya. Masalahnya kita di Malaysia Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bawa sesuatu kes ke mahkamah, dia tidak memihak kepada diri kita. Kita terus membuat tuduhan itu tidak adil. Itu masalah kita di Malaysia. Akan tetapi dalam pada itu kita tadi mengakui bahawa...

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Boleh? Adakah tangguh kes 65 kali di kantor hakim tidak adil? Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau saya yang jadi hakim, 65 kali itu telah terlebih adil. Tidak patut sebelah pihak lagi kita kena tunggu dia bersabar beberapa tahun kes dia tidak diselesaikan. Akan tetapi itu yang saya cakap tadi, balik-balik semula membuktikan bahawa...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Apa makna terlebih adil itu? Kalau terlebih adil bagus, saya rasa itu tak adil [*Ketawa*]

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Itu yang sebenarnya saya maksudkan. Kita nilai tetapi mesti ada satu pihak lain kata itu sangat baik. Akan tetapi saya hendak minta di pihak kehakiman timbanglah dengan baik.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Boleh.

■1240

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Senator setuju bahawa prinsip asas keadilan ialah seseorang itu didapati adalah tidak bersalah sehingga didapati bersalah dan ruang lingkup sistem kehakiman negara, kalau ada yang faham, membolehkan seseorang itu menggunakan setiap *avenue* atau setiap ruang yang ada untuk mempertahankan diri? Adakah menggunakan ruang atau *avenue* yang ada itu dianggap sebagai tidak adil bagi mempertahankan diri daripada tuduhan yang lebih bersifat fitnah? Apa pandangan Yang Berhormat Dato'?

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Saya bersetuju, memang. Oleh sebab itu pun, kalau kita tengok sistem kita daripada Mahkamah Majistret naiklah ke atas sampai Mahkamah Tinggi, kemudian kita ada Mahkamah Rayuan dan kemudian akhir sekali Mahkamah Persekutuan, gunakanlah. Akan tetapi...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya tahu Yang Berhormat menjawab soalan Yang Berhormat sana. Dia kata menggunakan setiap *avenue* atau ruang. Yang saya hendak bertanya beza antara menggunakan dan menyalahgunakan. Beza antara menyalahgunakan *avenue*, menggunakan *avenue* dengan menyalahgunakan *avenue*. Adakah perbuatan menyalahgunakan *avenue* itu suatu perbuatan yang adil kepada pihak yang menjadi mangsa?

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi hendak ambil masa pendek sahaja. Soalan bertubi-tubi.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini terpulang kepada Yang Berhormat sebab Yang Berhormat yang punya ruang. Kalau Yang Berhormat bagi. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih. *Avenue* sudah ada. Memang ada orang menggunakan tetapi ada juga orang menyalahgunakan. Itu realiti. Akan tetapi dalam hal ini, akhirnya itu yang saya hendakkan supaya di bidang kehakiman, hakim-hakim mestilah telus, betul-betul bebas, betul-betul membuat penghakiman yang kita memegang amanah itu.

Ini tidak ada sesiapa boleh mempertikaikan di bidang kehakiman kita di Malaysia berbanding dengan misalnya beberapa buah negara jiran kita. Kerajaan, kalau kita perhatikan, banyak kena saman. Kalau negara rakan kita di selatan, susah kerajaan hendak kena saman. Maknanya, sekali lagi kita memberi sepenuh kebebasan kepada kehakiman.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini dan marilah kita mempertahankan kebebasan badan kehakiman di negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan seterusnya Yang Berhormat Lihan Jok.

12.44 tgh.

Tuan Lihan Jok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan sedikit pandangan saya, saya ingin Ahli-ahli Dewan yang mulia ini faham maksud saya berdirilah.

Jadi, kita ini berbicara tentang emolumen pencen yang bermaksud upahan ataupun gaji yang kita beri kepada hakim yang pada hemat saya apabila kita melihat kebajikan atau *welfare* mereka, niat kita supaya mereka ini, kerana kita hormat, akhirnya juga semangat yang bertugas sebagai hakim itu meningkat, akhirnya prestasi kerja mereka meningkat. Bila mana prestasi itu meningkat, mereka menjadi kreatif, rajin bekerja, senang bekerja. Jadi, di situ hal-hal *independent* dengan izin, semangat *independent* dengan izin kehakiman itu terpelihara. Itu niat saya, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, kalau kita lihat gaji *our Chief Justice*, kira-kira RM38,000. Kalau gaji hakim Mahkamah Tinggi dalam satu bulan RM32,000 dan Hakim Majistret kalau dia mula bekerjalah, RM2,800. Jadi, ini adalah kalau kita banding dengan negara jiran kita, kalau *Chief Justice* di Singapura, kalau saya tidak silap Tuan Yang di-Pertua, dalam satu tahun gaji dia adalah SGD2.39 juta. Hebat, besar sangat. Demikian juga hakim-hakim yang lain. Jadi, kalau kita bandingkan dengan negara yang berdekatan, kalau kita bandingkan dengan England, mungkin kita lihat pun perbezaan memang ketara dan emolumen hakim-hakim kita memang jauh rendah. Maksud saya di sini ialah gaji, emolumen hakim ini rendah.

Ditambah pula dengan beban tugas para hakim kita. Mungkin Ahli-ahli Dewan yang mulia ini banyak kita termasuk saya juga tidak begitu faham macam mana hakim ini menjalankan tugas. Mungkin *lawyer* kita yang ada dengan kita ini dia faham cara mana hakim itu menjalankan tugas. Akan tetapi pada hemat saya, mendengar sahaja perkataan hakim itu hebat. Jadi, satu tugas pada hemat saya, memang amat berat. Kalau kita lihat hakim di kebanyakan, baik di majistret, hakim majistret dia selalunya buat kerja sendiri, *research* sendiri dan seorang hakim itu juga memerlukan ilmu pengetahuan yang luas. Macam-macam bidang perlu dia tahu supaya dia efektif dalam menjalankan tugas dia. Hakim ini juga kita lihat mereka ini kita sentiasa tertekan, kerja-kerja yang tidak menentu yang memerlukan *emergency* seperti *kidnap*, culik, pembunuhan, terkejut, benda-benda yang *emergency* yang macam ini.

Mereka ini juga terpaksa berhubung dengan berbeza-beza masyarakat, tua muda. Ada juga mereka ini berjumpa dengan yang macam setengah tiang kata orang itu, dengan jumpa yang paling handal dalam dunia ini juga, mereka jumpa semua. Mereka jumpa yang paling lemah lembut tetapi mereka juga bertembung dengan orang-orang seperti ahli gengster yang begitu, kata orang putih dengan izin, *nasty people*. Inilah orang-orang yang dia bertemu. Memang beban tugas dia. Bangun awal pagi, terpaksa baca surat khabar, mesti *up to date*, dengan izin dengan keadaan semasa.

Disangkut paut dengan tanggungjawab keluarga, bincang sama *colleague*, rakan sekerja dan seorang hakim ini juga kerja dia tidak sama seperti semalam. Sentiasa berubah, ada cabaran.

Jadi, maksud saya di sini Tuan Yang di-Pertua, beban tugas hakim kita ini memang ada. Jadi, oleh sebab yang demikian juga, dari beban itu dan kita lihat kes-kes sivil dan kes-kes jenayah sekarang makin canggih, makin mencabar, bukan macam dahulu. Ini hendak memerahkan otak yang lebih luas lagi. Jadi, oleh yang demikian, seorang hakim ini tadi makin tertekan dan tidak kira tekanan itu lagi ditambah dengan *cost of living*. Kalau hidup di Kuala Lumpur ini sewa rumah, kalau majistret kita yang baru ini, mana cukup RM2,800. Sewa rumah, *loan* kereta lagi. Tidak jadi.

■1250

Jadi maksud saya di sini Tuan Yang di-Pertua, akhirnya beban tugas dan gaji yang tidak cukup ini kemungkinan telah menimbulkan apa yang dikatakan *backlog*. Ini kes-kes yang tertunggak ini. Kalau kita lihat- ini walaupun hasil kajian bacaan saya ini adalah tahun 2008, kalau di Mahkamah Tinggi, *backlog* dia ketika itu adalah 91,702 kes. Di Mahkamah Sesyen sebanyak 125,944 seluruh negara. Dan yang paling banyak iaitu di Mahkamah Majistret sebanyak 777,703 kes tertunggak. Apakah sebabnya? Adakah bermaksud hakim kita ini tidak rajin serta minat menyelesaikan masalah? Jadi pada hemat saya pada pagi ini Tuan Yang di-Pertua, dua perkara yang menyumbang. Pertama adalah kekurangan hakim-hakim kita di semua peringkat, di Mahkamah Tinggi *of course*- di mahkamah paling atas, Mahkamah Persekutuan memang ada satu sahaja tetapi staf-staf dia. Akan tetapi apa yang saya maksudkan di sini adalah kekurangan jumlah.

Oleh sebab yang demikian, dalam pada waktu kita ingin melihat kebajikan, pencen dan gaji hakim ini, mungkin cara kita hendak menyelesaikan masalah sebenarnya untuk mewujudkan martabat, maruah badan kehakiman ini dengan menambahkan jumlah hakim kita khususnya di peringkat majistret. Baru-baru ini saya berhubung dengan beberapa pegawai kerajaan iaitu dalam pejabat daerah kita di Sarawak. Memang benar *backlog* ini nyata sekali di peringkat Mahkamah Majistret. Jadi sebabnya adalah diutamakan sebab tadi memang sedikit. Contohnya di Sarawak, di dalam divisyen bahagian Miri, Tuan Yang di-Pertua, hanya ada seorang sahaja untuk pergi ke Bekenu, Marudi, Long Lama, Sibuti mana tidak dengan masalah sivil dan jenayah yang sofistikated sekarang yang begitu melambak dalam dunia moden ini, jumlah majistret yang satu sahaja itu tidak boleh. Jadi oleh sebab yang demikian waktu kita hendak memikirkan kebajikan dan gaji maka jumlah hakim itu perlu ditambahkan.

Perkara yang kedua ialah *of course*- tidak tahulah anak-anak kita ini kalau ada yang sekolah selalunya kita tanya, dahulu hendak menjadi doktor, hendak menjadi *lawyer*. Dia sebut *lawyer*, dia tidak sebut hakim. Kenapa kerja hakim ini seperti tidak menarik minat orang-orang kita. Ini kerana saya lihat mungkin peguam dan hakim ini gajinya berbeza sangat. Kalau ada peguam kita di dalam Dewan ini pasti tahu perbandingan gaji Yang Berhormat dengan gaji hakim kita. Jadi kemungkinan yang saya lihat gaji hakim kita ini tidak menarik, tidak *lucrative*. Jadi oleh sebab yang demikian Jabatan Kehakiman kita tidak mampu menarik minat orang yang *brilliant*, orang yang pandai. Bijak, pemikir tentang ini tidak berminat kerana upah, gajinya tidak menarik.

Ini yang saya hendak ajukan dalam waktu kita memikirkan kebajikan hakim. Kalau kita hendak orang yang bijak pandai hendak masuk dalam bidang kehakiman supaya badan kehakiman ini sentiasa

dihormati dan dipuji, bagilah gaji yang tinggi. Saya tidak tahu berapa, minta Kementerian Kewangan kita mengkaji. Kalau kita lihat *Chief Justice of England*, satu bulan tidak kurang daripada RM60,000. *High Court Judges* di England sebanyak RM52,000, kita baru RM32,000 dan *Magistrate Judge* di England, kita baru RM2,008, dia RM25,000. Jadi fikir-fikirkanlah. Di atas sedikit pandangan itu tadi Tuan Yang di-Pertua, saya sokong sangat rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Puan Hajah Rohani binti Abdullah.

12.56 tgh.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Melalui cadangan Rang Undang-undang Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2013 iaitu suatu akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971. Terdapat dua pindaan penting yang telah dikemukakan iaitu pindaan seksyen 8 di mana pada masa kini dikenakan pencen sebanyak 2% dan hanya dinikmati oleh semua pesara yang bukan sahaja dalam kalangan pesara perkhidmatan awam persekutuan, pesara perkhidmatan awam negeri serta perkhidmatan pihak berkuasa berkanun dan tempatan di negeri-negeri di mana pencen bagi semua golongan yang saya sebut di atas adalah dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan.

Cadangan pindaan adalah kenaikan pencen sebanyak 2% setiap tahun dipanjangkan kepada bekas hakim seterusnya penggantian seksyen 15(b) iaitu pada masa kini, faedah persaraan kepada hakim boleh diberikan apabila hakim yang bersara atau meletak jawatan dalam keadaan yang dinyatakan di bawah seksyen 8, Akta 45 iaitu:

- (i) apabila seseorang bersara daripada jawatan hakim apabila mencapai umur 66 tahun atau sehingga suatu masa kemudiannya tetapi masa itu tidak boleh kemudian daripada enam bulan selepas dia mencapai umur itu menurut Perkara 125(1) Perlembagaan Persekutuan;
- (ii) bersara daripada jawatan hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi di bawah seksyen 8A (bersara kerana uzur) atau 8B (bersara kerana sebab khas); dan
- (iii) meletakkan jawatan sebagai hakim selepas mencapai umur 60 tahun.

Pada masa kini, hakim yang meletakkan jawatan sebelum mencapai umur 60 tahun, mereka tidak layak mendapat pencen dan ganjaran. Cadangan pindaan adalah supaya hakim yang meletakkan jawatan sebelum umur 60 tahun tetapi telah berkhidmat selama tempoh yang kesemuanya berjumlah tidak kurang daripada lima tahun dibenarkan untuk menikmati faedah persaraan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pindaan dan penggantian ini amat baik dan sesuai dilaksanakan pada masa sekarang. Cadangan ini penting untuk memastikan keselamatan pencen terhadap seseorang hakim yang terpaksa meletakkan jawatan sebelum umur 60 tahun kerana masalah sakit dan sebagainya yang tidak dapat dielakkan. Hal ini juga harus dilihat daripada aspek kemanusiaan

di mana adalah tidak wajar pihak kerajaan mengabaikan kebajikan seseorang yang telah berkhidmat sebagai hakim dan terpaksa meletakkan jawatan atas sebab yang tidak dapat dielakkan seperti sakit dan tidak mampu menjalankan tugas seperti biasa.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa kita sekarang tepat pukul 1 tengah hari. Hujah Yang Berhormat masih banyak lagikah?

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Ada dua muka surat lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Berapa minit itu? Lima minit cukup.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti Yang Berhormat sambung pada sebelah petang selama lima minit Yang Berhormat.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita berhenti sekarang. Jam 2.30 petang nanti kita sambung balik.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

2.30 ptg.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

2.32 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang kita sambung semula perbahasan kita Rang Undang-undang Saraan Hakim. Sekarang tanpa buang masa saya silakan Yang Berhormat Dato' Khairudin, tidak masuk lagi. Oh saya minta Hajah Rohani dalam rekod ini sambung semula, silakan.

2.33 ptg.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sambung balik. Cadangan pindaan untuk memanjangkan kenaikan pencen sebanyak 2% setiap tahun kepada bekas hakim dan cadangan untuk menyelamatkan pencen hakim yang berkhidmat tidak kurang daripada lima tahun adalah juga penting supaya jasa dan pengorbanan seorang hakim yang profesional dapat dihargai oleh kerajaan. Selain itu, cara ini juga dapat memberi kesempatan untuk hakim yang telah bersara bagi berkongsi ilmu dan pengalaman dan seterusnya memantapkan lagi institusi kehakiman negara.

Pelbagai kejayaan dan perubahan yang cuba dilakukan oleh institusi kehakiman kini jelas membuktikan bahawa transformasi yang dilakukan adalah untuk memartabatkan kehakiman dalam negara dan seterusnya menaikkan nama negara dalam arena antarabangsa dalam bidang kehakiman dan perundangan itu terutamanya. Tugas hakim diketahui amat berat dan di dalam Islam sendiri

diandaikan bahawa kaki seseorang hakim adalah di neraka bagi membayangkan bahawa betapa beratnya tanggungjawab seseorang hakim itu.

Oleh itu akhirnya Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian apalah kiranya jika kita melihat akan pengorbanan dan tanggungjawab yang mereka pikul ini mendapat ganjaran yang setimpal dengan usaha mereka selama ini. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

2.35 ptg.

Dato' Khairudin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Brahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberi peluang untuk memberi sedikit sebanyak pandangan saya tentang Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2013 ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita sebenarnya berbicara tentang kenaikan pencen 2% setiap tahun kepada para hakim sama seperti apa yang telah kita berikan kepada penjawat-penjawat awam termasuk mereka-mereka yang telah berpencen. Yang kita lihat apa yang sebenarnya kita buat hari ini ialah berkenaan dengan pencen kepada hakim-hakim dan kita tidak menyentuh tentang gaji mereka dan sebagainya. Kita pun tidak tahu gaji mereka dan apakah yang mereka dapat gaji terakhir. Cuma kita minta supaya dengan adanya pindaan ini, seperti yang disuarakan oleh rakan-rakan kita supaya mereka ini dapat lebih memberi perhatian. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dr. Syed Husin tadi bahawa dengan adanya kenaikan ini, mereka tidak perlu memikirkan selepas bersara untuk mencari pekerjaan untuk menyambung kehidupan mereka.

Jadi tidak perlulah menumpukan kepada syarikat-syarikat mana yang hendak mengambil mereka untuk bekerja melainkan hakim-hakim itu hendak membuka pejabat guamannya sendiri kerana pengalaman mereka sebagai hakim. Kita menyokong dengan ini disebabkan oleh apa yang dibuat oleh hakim-hakim sekarang ini, kalau saya sendirilah melihat mereka, saya pun amat kasihan kerana selain daripada duduk terpaksa menulis tentang kes-kes yang dibincangkan sehinggakan mereka ini tidak mempunyai masa yang cukup banyak yang harus diberi tumpuan terhadap penghakiman mereka ini sehinggakan soal-soal lain dari segi kehidupan mereka itu banyak terbantut.

Yang paling kita kasihan sekali, hakim-hakim ini bukan mudah untuk bergaul dengan masyarakat biasa kerana kalau ada nanti jadi isu seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat Syed Husin tadi, sampaikan kes yang lama 2008 pun dibangkitkan mengatakan bahawa ada Ketua Hakim Negara kebetulan bercuti, kemudian ada peguam yang ikut serta. Itu mungkin kebetulan tetapi isu itu sampai hari ini pun hendak bercakap lagi. Jadi tidak habis-habis kalau hakim ini sampai sudah tidak boleh bermasyarakat, hendak menghadiri majlis perkahwinan pun jadi masalah, hendak menghadiri jenazah pun jadi masalah kerana terhad kedudukan mereka kerana mereka ini hakim. Tidak boleh buat itu, tidak boleh buat ini.

Kemudian kita hendak bagi 2% kenaikan pun kita hendak kena bahas, hendak kena unguit perkara-perkara itu. Jadi tidak betul. Saya berpendapat adalah lebih adil kerana hakim-hakim yang ada sekarang ini, apa yang mereka buat ialah mereka cuba menjalankan tanggungjawab sebaik mungkin.

Mereka bukan malaikat ataupun yang maksum. Oleh kerana itu maka sistem perundangan kita membenarkan, kalau kita kalah di peringkat majistret, kita bawa ke Mahkamah Tinggi. Mahkamah Tinggi satu hakim juga, kalau itu pun kalah, bawa ke Mahkamah Rayuan dan di situ ada tiga hakim. Kalau kalah juga, bawa kepada Mahkamah Persekutuan, itu pun ada tiga hakim. Jadi kita melihat bahawa proses ini berjalan dengan begitu sehinggakan di mana yang kita nampak tidak keadilan ini.

■1440

Ketidakadilan ini berlaku Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab bila ianya tidak berpihak kepada yang dituduh. Apabila tidak berpihak kepada yang dituduh, maka berbagai-bagai tohmah dikeluarkan mengatakan hakim ini tidak adil dan sebagainya. Akan tetapi cuba kita bayangkan, kalau tiga hakim Mahkamah Rayuan boleh menolak satu kes yang telah dipersetujui oleh hakim di Mahkamah Tinggi, yang tiga ini tidak bersetuju, kita masih ada lagi proses untuk pergi ke Mahkamah Persekutuan. Kalau sampai di Mahkamah Persekutuan pun kalau ditolak, maka kita kalau didapati bersalah, bersalahlah kerana prosesnya telah pun dilalui. Tidak payahlah kita ungkit-ungkit, bawa lagi ke dalam Dewan ini.

Saya sengaja tidak mahu mencelah tadi Tuan Yang di-Pertua, apabila rakan-rakan bercakap, saya tidak mahu mencelah kerana saya hendak *reserves points* itu untuk kita bercakap sekarang. Bila kita ada waktu kita untuk berbahas, maka di sinilah kita hendak menyampaikan apa yang terpendam. Apa yang kita nampak sekarang ini ialah mereka ini kadang-kadang *backlog*, ada *backlog- backlog* ini kadang-kadang tidak boleh hendak salahkan hakim sahaja. Para peguam juga kadang-kadang minta supaya ditangguhkan dengan MC.

Saya berkesempatan juga berbincang dengan sahabat kita Yang Berhormat Tuan Saiful. Beliau juga seorang peguam. Saya kata, ini asyik bawa MC, minta tangguh, minta tangguh, yang salah siapa, hakim. Kenapa? Sebab dia beri penangguhan. Prosesnya itu kadang-kadang ini *queuenya* sudah masuk, *queue*. *Queue* sudah masuk untuk kita berbicara. Apabila pembicaraan hendak berlangsung, ada penangguhan, maka dia kena ikut *queue* lainlah. Itu yang sebab yang kadang-kadang ditangguhkan sampai begitu lama. Bukan salah hakim, tetapi hakim dipersalahkan kerana membenarkan. Ini pun tidak adil.

Jadi kita melihat adalah lebih munasabah kalau hakim tidak dipersalahkan dalam soal-soal penangguhan ini, yang menjadi *backlog* ini kadang-kadang para peguam juga. Waktu ini, siapa yang tidak adil dalam soal ini? Jadi tidak boleh semua hendak salahkan hakim tidak berlaku adil. Jadi saya melihat perkara-perkara seperti ini berlaku di dalam negara kita sehinggakan semua kes yang ada sekarang ini, yang menjadi beribu-ribu ditangguhkan ini kerana perkara-perkara seperti ini.

Kenapa tidak kita juga kena lihat macam mana peguam-peguam ini juga bekerja ataupun DPP. Ada yang mengatakan kalau hakim itu berhenti, tadi saya dengar Yang Berhormat Dr. Syed Husin kata, bila hakim berhenti kemudian bekerja, kemudian nampak macam ada *bias*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Bias* dalam penghakimannya. Akan tetapi kalau DPP pula berhenti setelah mengikuti kes berkenaan, DPP pula berhenti, kemudian masuk pula ke dalam pembelaan, macam mana pula? Ada juga kes-kes yang berlaku begitu. Jadi yang ini yang kadang-kadang kita melihat tidak adil. Tidak adil ini berlaku di mana-mana sekali pun dalam proses-proses ini.

Jadi saya minta kalau boleh, janganlah semuanya salahkan hakim kerana kita hari ini hendak bincang sedikit sahaja untuk kenaikan 2% setiap tahun bagi mereka yang telah pun bersara, yang itu. Jadi, kalau inilah keadaan kerana kita kasihan keadaan mereka yang terpaksa berhempas-pulas menulis, hendak buat *judgment* ini bukan mudah. Jadi saya berpendapat adalah lebih adil kalau kita biarkan sahaja soal saraan ini, kita menyokong tanpa kita mengaitkanlah cerita-cerita lama apa yang berlaku dahulu. Ini kerana kita dapati sekarang ini kehakiman kita telah pun membuat transformasi yang cukup baik. Mereka hendak memperlihatkan bahawa kehakiman di negara kita ini adil, hendak menunjuk kepada mata dunia bahawa kita tidak berlaku ketidakadilan dalam penghakiman. Jadi saya berharap sangat-sangat agar rakan-rakan yang lain juga turut menyokong dalam rang undang-undang ini. Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Saiful Izham.

2.45 ptg.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk turut membahaskan Akta Saraan Hakim 1971 yang kita harapkan sedikit sebanyak dapat membantu merubah kembali landskap dan integriti badan kehakiman negara.

Premis awal atau pendirian awal saya berkenaan dengan pindaan ini adalah menyokong sepenuhnya pindaan ini kerana ia membantu untuk menyelaraskan skim saraan hakim sekali gus mampu membantu menaik taraf status dan kualiti kehakiman negara.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita membicarakan soal kehakiman, kata kunci asas, kata kunci yang paling utama ialah '*prinsip keadilan*' itu sendiri. Prinsip keadilan seharusnya menjadi tunjang utama kepada sistem kehakiman negara. Semua tahu kita punya tiga cabang bebas iaitu legislatif, kehakiman dan eksekutif. Akan tetapi yang kita ingin tekankan di sini ialah kepentingan untuk institusi kehakiman negara dikembalikan integritinya, dilihat dan berfungsi bebas dari sebarang campur tangan dan juga menjunjung tinggi prinsip keadilan bagi mencerminkan asas keadilan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sistem kehakiman negara mulai mendapat kritikan hebat sejak berlaku krisis kehakiman negara tahun 1987. Saya kurang bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Khairudin tadi. Kenapa kita perlu bangkitkan cerita lama? Cerita lama perlu kita bangkitkan sebagai ingatan untuk masa depan. Semua orang tahu apa yang berlaku kepada sistem kehakiman negara tahun 1987. Insiden tragedi pemecatan Ketua Hakim Negara ketika itu iaitu Tun Salleh Abas dan beberapa hakim kanan Mahkamah Agung, kalau tidak silap saya ketika itu Mahkamah Agung, bukan Mahkamah Persekutuan lagi yang menjadi tinta hitam institusi kehakiman negara yang sehingga hari ini kes-kes yang melibatkan insiden tersebut masih menjadi rujukan negatif di negara-negara Komanwel yang mengamalkan sistem kehakiman yang sama.

Sehingga hari ini, kita harus perakui bahawa integriti institusi kehakiman masih belum pulih sepenuhnya. Inti penting apa yang berlaku pada tahun 1987 ialah dakwaan berlaku campur tangan

badan eksekutif terhadap institusi kehakiman negara 1987. Saya ingin meminjam ungkapan Allahyarham Tan Sri Harun Mahmud Hashim, bekas Hakim Mahkamah Agung ketika itu dan bekas Pengarah BPR ketika itu dalam satu *Conference International Commonwealth Law Conference* di Malaysia pada tahun 1999 yang mana saya turut hadir yang memberikan ungkapan yang sangat menyindir tentang kedudukan institusi kehakiman negara. Ini datang daripada mereka...

Dato' Khairudin Samad: Yang Berhormat, minta laluan sikit Yang Berhormat.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Sila.

Dato' Khairudin Samad: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya tadi, sejarah tinggallah sejarah. Bukan saya kata kita tidak perlu lihat sejarah. Maksud saya sekarang ini, yang kita hendak ungkit cerita lama, kalau ia berlaku lagi, maka bolehlah kita keluarkan masalah. Oleh kerana ada titik hitam apa, sebab apa sekali pun yang cuba dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, saya bersetuju. Saya bukan tidak bersetuju. Cuma saya kata, sekarang ini kita tengah ada transformasi. Saya melihat kehakiman sekarang ini adalah sedang menuju ke arah integriti yang cukup baik, yang memang kita melihat. Janganlah kerana ada satu, dua kes yang kita tidak bersetuju kerana hukuman itu dijatuhkan kepada rakan kita yang kita tidak bersetuju, kemudian kita kata hakim tidak betul. Itu yang saya cuba nyatakan dan kita tidak payah kaitkan perkara yang lepas.

Kalau yang lepas itu kita jadikan satu sejarah dan kita lihat. Itu maksud saya, kita lihat supaya sejarah yang hitam ini tidak berulang. Kalau itu yang berulang, saya bersetujulah dengan Yang Berhormat Saiful. Itu maksud saya. Sekian, terima kasih.

■ 1450

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Khairudin kerana ingatan dan memang kita perlu ingatkan semula tentang apa yang berlaku dalam sejarah kerana ianya bukan kes yang sangat terpencil, ianya kes yang terlalu hitam untuk kita lupakan. Ianya berkaitan tentang integriti institusi kehakiman negara yang sepatutnya bebas bagi memastikan keadilan untuk semua bukan hanya keadilan kepada sesetengah pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung kembali ungkapan berbentuk sindiran serius dan ingatan Allahyarham Tan Sri Harun Hashim kepada semua pengamal undang-undang ketika itu pada tahun 1999 kalau tidak silap saya, "*We have the best judge the money can buy*". Ini ungkapan sindiran daripada mereka yang pernah memegang tampuk tertinggi dalam sistem kehakiman negara. Ini ingatan bukan hanya kepada pengamal undang-undang, ini juga ingatan kepada mereka yang berada dalam Dewan ini supaya setiap kali kita meluluskan sebarang undang-undang, kita harus ingat kesannya bukan hanya kepada masyarakat tetapi kesannya terhadap integriti negara itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ketelusan dan keadilan sistem kehakiman negara hanya dapat dilihat dengan cara kaedah amalan perbicaraan itu sendiri. Cara ianya dilaksanakan, cara penghakiman itu ditulis. Kes-kes yang menjejaskan integriti bukan hanya kes yang saya sebut ini melibatkan kes jenayah politik yang terkenal sekarang ini tetapi kalau ada yang masih ingat kes yang dikenali sebagai kes Air Molek. Kes Air Molek ialah satu penafian keadilan yang sangat jelas terhadap mereka yang diberikan

penghakiman. Kalau masih ingat kes Air Molek, tidak perlu saya panjang lebar kes yang berkaitan dengan mantan Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Kalau kita faham sistem kehakiman negara, kalau kita faham sistem cara hakim dilantik, kita akan faham kenapa sesetengah pihak mengkritik jelas kaedah pelantikan hakim.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Hakim Negara dilantik oleh Yang di-Pertuan Agung atas saranan Perdana Menteri sendiri. Saranan Perdana Menteri tidak pernah ditolak, ianya lebih bersifat formaliti. Oleh sebab itu kita menegaskan daripada dulu, pengamal undang-undang menegaskan daripada dahulu sistem ..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat kena berhati-hati sikit ya. Dalam Perlembagaan kita ada mengatakan jangan sentuh institusi badan kehakiman. Saya soal individu, kes-kes itu bolehlah hal lain sebagai contoh. Sebagai contoh tadi, sebagai pengalaman yang lepas itu kita anggap jangan berlaku lagi, kita terima. Sekarang ini saya hendak peringat kepada Yang Berhormat supaya jangan, berhati-hati sungguh-sungguh, jangan usik institusi badan kehakiman. Itu tidak dibenarkan mengikut peraturan. Yang Berhormat sendiri seorang peguam, sila ambil perhatian. Berhati-hati sedikit. Silakan.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya ingin menjelaskan sedikit tentang kaedah pelantikan hakim Tuan Yang di-Pertua kerana saya yakin ramai tidak faham tentang hakim ini dilantik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, okey. Silakan, silakan.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Pelantikan pesuruhjaya kehakiman yang sedikit bawah daripada hakim mahkamah tinggi dan hakim-hakim seterusnya, itu di bawah satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Ketua Hakim Negara. Dalam konteks ini, pengamal undang-undang masih merasakan berlaku campur tangan badan eksekutif.

Oleh sebab itu kita katakan berlaku ketidakadilan dalam beberapa kes, ada campur tangan badan eksekutif kerana lantikan atau pemilihan hakim untuk menghakimi sesuatu hakim diputuskan sama ada oleh Ketua Hakim Negara atau Hakim Besar Malaya. Tuan Yang di-Pertua, saya ambil contoh kes 1998 yang sangat *glaring*, dengan izin. Pada tahun 1998, satu kes yang terkenal bukan hanya di Malaysia tetapi seluruh dunia. Seorang hakim yang paling kanan, hakim mahkamah tinggi yang paling kanan di Malaysia bernama Datuk KC Vorah untuk kes-kes jenayah diketepikan untuk mendengar kes tersebut dan di bawah satu pesuruhjaya kehakiman yang masih junior dari Melaka yang hari ini sudah meninggal dunia. Ini satu kes yang *glaring* yang maksud saya bagaimana hakim-hakim tertentu dipilih untuk mendengar kes-kes tertentu sedangkan kearifan atau kepakaran hakim tersebut tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Ini sebab kenapa kita sering menyebut berlaku ketidakadilan dan campur tangan badan eksekutif.

Memang betul banyak kes yang bersifat tidak menyebelahi kerajaan tetapi akhirnya apa terjadi kepada hakim-hakim yang membuat keputusan terhadap kes-kes yang tidak menyebelahi kerajaan? Panjang senarainya kalau saya ingin utarakan di Dewan yang mulia ini tetapi cukup sekadar ingatan kepada kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, ingatan seorang khalifah Amirul mukminin kalau tidak silap saya, Sayidina Ali Karamullahuwajhah kepada Gabenor Mesir ketika itu dalam melantik kadi atau hakim dalam pengertian kita ialah pertama, dia memberi ingatan tiga daripada empat kadi yang dilantik sudah mencium bau pintu neraka. Tapisannya, perbezaannya terlalu sedikit dalam memberikanimbangan keadilan dalam sebarang penghakiman kes yang diberikan. Oleh sebab itu integriti hakim sangat penting. Saya yakin dan saya berharap pindaan ini boleh membantu membebaskan terus hakim daripada sebarang campur tangan luar kerana mereka perlu diberikan emolumen yang lebih baik sebagaimana anggota Dewan ini perlu dipertimbangkan semula emolumennya yang tidak seberapa.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan integriti kehakiman ini penting kerana ungkapan Amirul mukminin yang sama memberikan ingatan yang lebih kurang bermaksud undang-undang zalim di tangan hakim yang adil natijahnya ialah keadilan. Undang-undang adil di tangan hakim yang zalim natijahnya ialah kezaliman. Dia tidak merujuk kepada undang-undang sebagai perkara yang penting tetapi individu kadi atau hakim tersebut sama ada dia boleh berlaku zalim mahupun berlaku adil.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita nak bercakap tentang perbicaraan yang menyebelahi kerajaan, kita ada banyak contoh di negara di dunia ini. Bagaimana apa yang disebut sebagai *show trial* atau perbicaraan wayang berlaku. Di Mesir, sewaktu kita sibuk dengan kes MH370 lebih 600 orang dihukum gantung sampai mati dalam satu perbicaraan yang jauh lari daripada asas keadilan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong. Hal di luar negara itu biarlah di luar negara, Yang Berhormat. Kita *concern* dalam negara kita sahajalah. Sila teruskan Yang Berhormat. Daripada segi prinsip saya terima bahawa Yang Berhormat kata tadi kepercayaan agama pun mengatakan di antara tiga hakim itu, dua akan masuk neraka. Itu terpulang kepada individu yang berkenaan tak kira di mana dan siapa sahaja tetapi Yang Berhormat mesti faham bahawa masyarakat kita di Malaysia ini, hakim kita bukan semuanya dalam satu bentuk agama dan Yang Berhormat boleh tegur daripada segi integriti, saya pun setuju tetapi institusi badan kehakiman itu perlu berhati-hati, jangan dipersoalkan. Silakan.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya merujuk tadi kepada kes yang Mesir.

Dato' Khairudin Samad: Yang Berhormat, minta laluan Yang Berhormat.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Masa saya tak banyak Yang Berhormat Khairudin.

Dato' Khairudin Samad: Banyak masa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan. Saya benarkan Yang Berhormat Saiful teruskan berbahas. Berapa lama lagi Yang Berhormat?

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Sikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Tak lama lagi? Silakan.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk tadi kepada negara Mesir. Saya tak mahu rujuk kepada Zimbabwe, Libya dan sebagainya kerana itu contoh negara autoritarian yang mengamalkan sistem kehakiman yang sudah hancur integritinya. Oleh sebab itu ingatan kepada kita, jangan kita punahkan lagi integriti sistem kehakiman negara hanya untuk beroleh keberuntungan

politik sementara semata-mata. Penting tanggungjawab kita dalam Dewan yang mulia ini memastikan integriti sistem kehakiman negara dipulihkan sepenuhnya.

Saya setuju tadi dengan cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok untuk menambah majistret dan Hakim Mahkamah Sesyen di seluruh negara. Ini saya sangat setuju bagi mengatasi masalah dengan izin, *backlog of cases*. Memang banyak dan kita dapati kita kekurangan majistret dan Mahkamah Sesyen untuk mendengar kes-kes tersebut. Ada majistret terpaksa bertugas di tiga Mahkamah Majistret seperti yang di luar bandar. Ada Mahkamah Majistret kalau dia demam, habis semua kes tak boleh dengar selama beberapa minggu.

■1500

Cumanya, kita mohon agar kerajaan mengetatkan sistem saringan lantikan hakim-hakim atau majistret-majistret tersebut bagi memastikan kualiti yang kita pilih itu kualiti yang terbaik daripada kalangan yang baik-baik. Kalau dulu Tuan Yang di-Pertua penghakiman bertulis dari Malaysia khususnya di peringkat Mahkamah Agung, atau *Supreme Court* ketika itu atau Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi sekalipun, bukan hanya menjadi rujukan dalam mahkamah di Malaysia tetapi menjadi rujukan di seluruh negara Komanwel.

Siapa yang tidak pernah dengar Allahyarham Tan Sri Eusoffe Abd Kadir, *the walking dictionary*, dengan izin. Mungkin zaman saya tidak pernah lagi beramal zaman dia. Mungkin zaman Tuan Yang di-Pertua pernah. Saya tidak pernah. Akan tetapi *he is known until now*, dengan izin. Bahasanya yang cantik, kualiti penghakimannya yang sangat jelas, terang dan sehingga hari ini menjadi sumber rujukan negara-negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga dulu pernah ada Tun Suffian, Ketua Hakim Negara Raja Azlan Shah. Ini semua kualiti penghakiman yang tidak dapat ditolak kualitinya yang sangat baik. Oleh kerana itu, saya mohon agar kerajaan mengambil langkah-langkah penting bagi memastikan kualiti penghakiman, kualiti hakim dan majistret yang dilantik itu sekiranya tidak dapat menyamai tetapi sekurang-kurangnya menjadi sumber rujukan yang baik untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita bercakap kembali kepada soal sistem kehakiman negara, akhirnya kita harus faham dan insaf, kesannya akan kembali kepada kita. Memang tugas kita akhirnya meluluskan sebarang undang-undang yang akan di tafsir oleh hakim, majistret, dan juga pengamal undang-undang. Cumanya kadang-kadang mereka tidak dapat akses kepada *Hansard* seperti yang kita dapat. Kadang-kadang mereka tidak dapat memahami hasrat Dewan yang mulia ini, kenapa sesetengah undang-undang itu dibentuk dan kenapa sesetengah undang-undang itu dipinda. Oleh kerana itu penting bagi kita dalam kita meminda sebarang undang-undang khususnya yang berkaitan dengan jenayah, jenayah komersial, jenayah antarabangsa, jenayah merentasi sempadan, kita berhati-hati dengan ayat yang diguna pakai. Berhati-hati dengan peruntukan yang diguna pakai kerana kesannya akan kembali kepada kita. Apalagi kalau kita dapati hakim-hakim lantikan baru tidak punyai kualiti seperti hakim-hakim yang terdahulu.

Kita mahu hakim-hakim akan datang integritinya jelas, kemampuannya hebat dan kemampuannya untuk menaikkan semula integriti badan kehakiman negara itu agar tinta hitam institusi

kehakiman negara dapat dipulihkan daripada apa yang berlaku sekarang. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hanya hendak menarik perhatian Yang Berhormat. Tadi saya juga bersetuju bahawa institusi kehakiman ini ialah bebas. Tidak sepatutnya campur tangan daripada mana-mana pihak, berasaskan dengan izin, *tree separation of powers*.

Oleh yang demikian, integriti hakim tidak kira siapa mestilah *above board*, dengan izin. Tidak semestinya boleh dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Badan kita dalam *democratic process* dalam Parlimen ini berhak bahawa kita sebagai satu badan legislatif yang membuat undang-undang dan hakim mentafsirkan rang undang-undang dan bergantung kepada itu. Itu dalam proses cara biasanya. Bermakna, Yang Berhormat boleh beri pandangan apabila contohnya ada beberapa pindaan dalam rang undang-undang berkaitan dengan badan kehakiman, boleh terus beri pandangan. Tinggal lagi kena berhati-hati, berasaskan kepada peruntukan peraturan dan juga perlembagaan kita. Kalau tidak melanggar mana-mana itu boleh beri pandangan dengan penuh berhemah dan bijaksana. Tanpa membuang masa saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar.

3.04 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu pergi Mesir, luar negara. Saya mahu ini sahaja, cukup ini... [*Menunjukkan dokumen berkaitan*] Saya lihat akta ini akta lama. Akta tahun 1971, sudah lama sangat. Sudah lama dan memakan masa 43 tahun. Jadi, wajar ianya dipinda, dibaiki, ditambah kebaikannya, itu yang pertama.

Kedua, saya bersetuju dan kita belajar di sekolah, kolej dan di universiti bahawa hakim adalah satu badan kehakiman terkandung di dalam badan institusi kehakiman yang tadbir negara daripada tiga cabang. Legislatif dan eksekutif. Jadi, sebagai badan yang tinggi sudah tentu kita *expect* integritinya tinggi, berwibawa, berkebolehan, berintegriti. Jadi, sesuai dengan *expectation* kita sebagai rakyat, kita sebagai Ahli Dewan, hendakkan hakim yang baik tetapi kita kena suluh, kena tengok dan perhatikan apa-apa punca menjadi baik. Pertama, berwibawa. Akan tetapi berwibawa sahaja tidak cukup. Bijak sahaja pun tidak cukup kalau gaji mereka tidak cukup. Betul? Kalau saraan dia tidak cukup.

Oleh itu saya syorkan akta ini dikaji untuk menaikkan, mengadakan pencen, saraan yang sesuai dengan kedudukan mereka sebagai hakim. Bila nak saraan yang sesuai, saya syorkan supaya gaji-gaji hakim kena setimpal dengan apa yang mereka buat. Di seluruh dunia gaji hakim tinggi dan sesuai dengan mereka. Contohnya Singapura, sekarang gaji Singapura mahal dan begitu juga negara-negara lain. So, saya semak, saya syorkan tiga badan ini iaitu legislatif, eksekutif dan kehakiman kena bermula dari sekarang semak gaji mereka, sesuai dengan peranan dan tanggungjawab mereka termasuk senator. Tepuk la sedikit [*Tepuk*][*Ketawa*]

Jadi tadi Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim berkata *insya-Allah* dia akan bawa berita baru bila berhadapan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jangan cakap sahaja

Yang Berhormat Dato' Seri. Cakap sahaja buat apa? Saya pun boleh cakap. Kita cakap, kita tunai. Bila kita sedar bahawa Senator paling rendah gaji kena naiklah. Begitu juga hakim, begitu juga Menteri, begitu juga pihak lain, setuju?

Beberapa Ahli: Setuju.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tepuklah tangan sedikit [*Tepuk*] Tuan Yang di-Pertua, Saya lihat akta ini ada satu pindaan seksyen 1A. Kedua, pindaan seksyen 8 dan ketiga, penggantian seksyen 15B iaitu pencen dan faedah lain. Jadual Ketiga dan Keempat, kecualian dan peralihan.

■1510

Apa yang menarik hati saya ialah dia kata pencen ini naik 2%. Saya sokong 2%. Kita pun tidak naik tiap tahun 2%. Hakim naik, betul? Hakim naik, kita tidak cemburu. Kita tidak dengki. Kita sokong. Jadi, akta ini sebagaimana disebut dalam fasal 7, gaji isyarat. Naik mulai 1 Januari 2014 sebanyak 2%. Kita sokong. Naik 3% pun tidak apa. 4% pun tidak apa. Janji naik. Naik 2% itu sokong, boleh?

Keempat ialah dia kata pencen ada tempoh lima tahun. Saya hendak tanya, kenapa lima tahun? Kenapa lima tahun? Boleh pindah kepada Mahkamah Tinggi tiga tahun, Mahkamah Rayuan dua tahun. Jadi, tiga campur dua jadi lima. Boleh pencen tetapi kalau tiga tahun sahaja atau empat tahun, tidak cukup lima tahun tidak boleh pencen. Tidak boleh selaraskan gaji. Kenapa, kenapa? Saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, kenapa masanya lima tahun. Kenapa tidak tiga tahun, kenapa tidak dua tahun? Kenapa tidak empat tahun? Kenapa lima tahun? Sebab saya tanya itu sebab ada negara dalam dunia ini saran tiga tahun sahaja boleh pencen. Jadi, saya hendak jawab, jangan tulis ya. Saya sokong tetapi saya hendak tahu kenapa. Itu satu.

Lepas itu saya hendak juga timbulkan, hakim ini banyak masalah. Banyak masalah, bukan dia bawa masalah. Orang ramai buat masalah. Macam-macam masalah. Pembunuh, perogol, penzina, perompak, gengster, ahli nujum tahyul-tahyul, ahli politik auta-auta, putar belit, semua ini hakim kena *settle*. Tangguh lagi, tangguh lagi. Ada itu tangguh 65 kali, tangguh lagi. Tangguh, tangguh. Jadi sebagai hakim, saya fikir hakim ini satu bebanan, satu *burden* yang amat dahsyat, yang berat.

Jadi, saya ingat itu sebab kata Yang Berhormat Lihan Jok tadi..., Yang Berhormat Lihan Jok, ada?... Dia kata banyak kes tertangguh-tangguh di Malaysia, di negara ini. Banyak sungguh. Saya sempat ambil kes-kes yang tertangguh di negara ini. Banyak sangat, sama ada di Mahkamah Sesyen – 125,000, di Mahkamah Majistret – 77.03 kes. Banyak! Bila kita cakap kes banyak tertangguh, apa yang kita gambarkan? Apa yang kita gambarkan, hakim, kakitangan termasuk kerani, termasuk bukan kerani, pening kepala. Buat *judgment*, tunggu, buat tulisan, buat keputusan, macam-macam.

Jadi, saya syorkan kes ini di Malaysia saya ingat satu negara yang banyak sekali kes-kes tertangguh. Jadi, saya syorkan pertama, banyakkkan hakim-hakim. Tambah hakim. Yang Berhormat Saiful setuju tambah hakim? Kuat sedikit. Jangan *slow-slow*. Kuat sedikit [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila Yang Berhormat. Saya rasa sekarang ini masa kita mencemburui kita...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, dia hendak tanya.

Tuan Yang di-Pertua: ...Kerana hari ini hari terakhir Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: *Sorry, sorry.* Duduk, duduk.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Hari yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, terakhir buat saya. Usik sedikit sahaja. Bagi peluang, bagi peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Rahman...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Masa saya sedikit lagi. Duduklah.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Hari terakhir Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Okeylah, okeylah. Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Silakan.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, tadi sebab dia sudah sentuh sedikitkan. Saya setuju sangat perlu lebih ramai lantikan hakim tetapi saya lebih bersetuju sekiranya kualiti dan saringan hakim yang akan dilantik itu diperketat supaya kita tidak lagi malu dengan negara luar tentang kualiti kehakiman negara. Itu sahaja.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya pun setuju Yang Berhormat. Tidak ada masalah. Okey, okey [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Silakan. Teruskan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kedua, saya syorkan supaya kakitangan juga ditambah. Okey? Okey, okeylah. Ketiga, saya syorkan supaya mahkamah juga ditambah. Okey? Okey, cakaplah. Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi, mahkamah apa lagi, Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Syariah tambah. Semua tambah. Jadi, tidaklah dapat *backlog*. *Backlog* apa ini? 125,000, kacaulah. Kacau! 125,000 *backlog*, satu mahkamah. Satu lagi mahkamah 77... Berapa Yang Berhormat Lihan?... Aku tidak ingatlah. Jadi, banyak sangat *backlog*. Tidak bagus.

Seterusnya, saya hendak syorkan supaya apa-apa yang diputuskan oleh mahkamah, jangan persoalkan. Yang Berhormat Syed Husin dengar sini [*Ketawa*] Mahkamah sudah putus Anwar itu betul. Di peringkat Mahkamah Tinggi, betullah. Kita pun okey, terima. Tidak ada satu pun UMNO, BN demo. Betul tidak Yang Berhormat Dato' Adam?... Angguklah! Akan tetapi bila sampai Mahkamah Rayuan, bila Anwar bersalah, semua tidak betul. Hakim tidak betul. Duduklah, aku hendak cakap dulu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak beri laluan atau tidak?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak, tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat duduk. Saya tidak benarkan. Silakan Yang Berhormat. Masa tidak mengizinkan, jadi cepat sedikit.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Jadi, masa tidak mengizinkan [*Ketawa*] Jadi, apa-apa yang diputuskan oleh mahkamah sama ada betulkah, salahkah, kena taat, kena *obey*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Keputusan itu ada prosesnya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ha.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau di peringkat rayuan, pergi Mahkamah Persekutuan, ada.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Betullah Tuan Yang di-Pertua kata itu.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat. Teruskan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Betul. Tuan Yang di-Pertua pandai.

Tuan Yang di-Pertua: Cepat sedikit Yang Berhormat [*Ketawa*]

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Apa yang saya hendak timbulkan ialah bila mahkamah buat keputusan, jangan ada sesiapa derhaka, lawan. Siapa-siapa yang derhaka, persoalkan, hendaklah ditangkap, didakwa balik. Boleh?! Ha... Jadi, Yang Berhormat Syed Husin hati-hati. Hendak tanya, tanyalah. Bolehlah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau boleh jangan lama sangat. Agaknya kita mencemburui masalah kerana keadaan. Silakan Yang Berhormat Saiful dan tanya.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa mungkin Yang Berhormat Datuk Rahman kurang memahami maksud kenapa kita katakan berlaku ketidakadilan dalam proses tersebut. Dalam kes yang disebut tadi 65 kali tangguh...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa dalam hal itu tidak payah lagilah...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya hendak tahu...

Tuan Yang di-Pertua: ...Dan Datuk Rahman pun sudah tahu.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya hendak terang sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua kata tidak payah. Duduklah.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: 85 muka penghakiman, berlaku satu yang dinamakan *precedent*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat..

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua kata tidak payah. Duduklah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Saiful. Yang Berhormat Saiful. Sila duduk.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Duduklah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rahman.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Apa tidak berani?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Rahman, duduk dulu. Saya tidak hendak melihat dua orang bangun dalam satu ketika dalam Dewan ini. Tolong hormati peraturan. Sekarang Yang Berhormat sudah bercakap, sila cuba gulung Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sebagai kesimpulannya, saya *respect* badan kehakiman. Saya hendak syorkan pertama, hakim boleh dipinjamkan untuk tujuan penyelidikan, *seconded* mana-mana jabatan untuk tujuan pelajaran.

Kedua, hakim ini hendaklah *dheck* mental dan *physical* tiap-tiap tahun sebab ada tidak sihat, ada sihat. Ada juga kusut masai fikiran. Untuk itu, hendaklah disemak balik, *dheck* mentalnya seperti Amerika buat. Mental.

■1520

Saya juga hendak sebut bahawa hendaklah ada CCTV di semua mahkamah, pintu masuk mahkamah, bangunan mahkamah di semua mahkamah. Tujuannya adalah untuk ambil gambar sebagai bukti bila-bila ada kes-kes yang tertentu.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh supaya hakim diberi ganjaran saraan yang setimpal dengan usaha, dengan pengalamannya dan juga saya untuk akhirnya menyokong seratus peratus rang undang-undang ini diluluskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun. Ini saya hendak memperingatkan kalau boleh beri kerjasama dengan saya, cuba ringkas dan juga benda-benda yang belum dibangkitkan itu sila kemukakan.

3.21 ptg.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniahlah kepada kerajaan yang mengemukakan pindaan Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2013 ini khususnya bagi memperkasakan lagi institusi dan badan kehakiman negara sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 121(1), Perlembagaan Persekutuan sebagai salah satu cabang kuasa selain eksekutif dan legislatif. Ini kerana menurut peruntukan ini, badan kehakiman di Malaysia adalah mahkamah.

Pemisahan kuasa ini telah memastikan tidak ada satu badan atau institusi yang mempunyai kuasa mutlak dalam negara ini. Maka, jelaslah badan kehakiman adalah badan bebas tanpa ada pengaruh dari mana-mana pihak termasuk dari kerajaan yang memerintah. Dakwaan dan tohmahan bahawa badan kehakiman atau mahkamah dipengaruhi oleh kerajaan adalah dakwaan liar, tidak berasas dan tidak berpaksikan kepada Perlembagaan Persekutuan. Tambahan pula, Malaysia mengamalkan sistem pelantikan hakim yang telus dan bebas kerana kebebasan dalam pelantikan hakim adalah penting bagi memastikan kebebasan badan kehakiman untuk membuat keputusan sentiasa terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, secara asasnya, pindaan ini adalah penting kerana, pertama, pindaan ini adalah perlu bagi penyelarasan dan pelaksanaan dasar kenaikan tahunan pencen pesara 2% hakim yang sebelum ini telah dinikmati oleh penjawat awam. Kedua, pindaan ini membolehkan hakim yang berkhidmat tidak kurang dari lima tahun dibenarkan untuk menikmati pencen. Sehubungan dengan itu, saya menyokong agar seksyen 2, 4, 5 dan 6 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014 manakala seksyen 3 dikuatkuasakan pada Julai 2013 selari dengan hasrat murni kerajaan yang telah dinyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan memperkenalkan pindaan ini adalah bukti kerajaan bukan sahaja prihatin, malah menghormati dan memberi pengiktirafan kepada kebebasan badan kehakiman kerana pindaan yang dikemukakan ini adalah merupakan cadangan-cadangan semasa Persidangan Tahunan Majlis Hakim-hakim Malaysia pada 24 hingga 28 Mei 2013 yang lalu.

Pindaan ini memberi impak yang positif bagi meningkatkan motivasi, prestasi dan memartabatkan lagi badan kehakiman di mana jelas langkah penambahbaikan yang diambil kerajaan ini membuktikan juga kerajaan sentiasa mengenang dan menghargai jasa hakim-hakim yang telah

menyumbang bakti bagi menegakkan keadilan di negara ini dengan bebas, Tuan Yang di-Pertua. Dalam hubungan ini, hakim diletakkan amanah untuk memberikan pengadilan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dengan memelihara hak-hak individu, kerajaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, penjawat awam telah pun menikmati kenaikan gaji dan skim gaji yang lebih baik seperti pegawai perubatan, pegawai perkhidmatan pelajaran dan lain-lainnya. Bagaimanapun, badan kehakiman masih menunggu semakan gaji hakim yang sedang berkhidmat. Saya ingin mendapatkan penjelasan, bilakah semakan gaji hakim ini dapat diselesaikan bagi manfaat pesara hakim, balu dan tanggungannya?

Berhubung dengan semakan gaji hakim, saya ingin mencadangkan agar kerajaan mengambil kira gaji, ganjaran dan kemudahan yang dibayar kepada hakim-hakim di negara serantau. Malah pada pandangan saya, sudah sampai masanya kita meletakkan kedudukan kehakiman hakim di negara kita setaraf dengan hakim-hakim di negara-negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya, mahkamah menunjukkan satu prestasi yang membanggakan. Bagaimanapun, masalah yang dihadapi oleh mahkamah masa kini adalah masalah kes tertunggak yang belum selesai. Bagi tahun 2013, kes tertunggak antaranya sama ada di Mahkamah Persekutuan, 143 kes sivil dan 471 kes jenayah, Mahkamah Rayuan pula 3,341 kes sivil...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu semua kita dah tahu dah. Agaknya ada poin lain tak?

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Selain daripada masalah kes tertunggak Tuan Yang di-Pertua, badan kehakiman juga berhadapan dengan isu integriti badan kehakiman. Dalam hubungan ini, badan kehakiman dan institusi kehakiman sewajarnya mempunyai integriti, keadilan dan kesaksamaan. Hakikatnya, hakim hendaklah melaksanakan tugas dan kewajipannya dengan bebas tanpa memihak, berat sebelah atau prejudis. Malah, kedudukan hakim itu sendiri ditentukan oleh Perlembagaan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya berharap pindaan ini memberi impak kepada sistem kehakiman negara agar mendapat keyakinan yang tinggi dan telus memelihara integriti. Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada para hakim dan semua pihak yang terlibat dalam memperkukuhkan serta memelihara integriti, kecekapan dan kebebasan badan kehakiman.

Dengan ucapan saya itu, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kita hanya ada dua orang sahaja lagi. Kalau boleh cuba ringkaskan ya kerana kita kesuntukan masa. Sekarang saya panggil Yang Berhormat- tiga orang iaitu Yang Berhormat Datuk Kadzim, Yang Berhormat Dato' Johari Mat dan juga Yang Berhormat Tuan Chong Sin Woon. Selepas itu tidak ada lagi ya. Cuba ringkaskan seringkas ringkas yang boleh kerana kalau sekiranya masih ada belum dibahaskan oleh mana-mana pihak tadi, kita silakan Yang Berhormat kemukakan pandangan.

Sekarang tanpa membuang masa, saya silakan Yang Berhormat Dato' Johari Mat.

3.28 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk ambil bahagian di dalam membahaskan pindaan Akta Saraan Hakim 1971.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan perbahasan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat bersara kepada rakan-rakan kita yang telah bersara, yang telah diraikan tadi dan selamat menyambut persaraan kepada sahabat kita yang akan bersara tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sama-sama, saya pun begitu juga. Silakan Yang Berhormat teruskan.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, telah banyak perbincangan diutarakan di Dewan yang mulia ini berhubung dengan kedudukan saraan yang telah dibentangkan oleh Menteri untuk meluluskan akta persaraan kenaikan 2% untuk semua hakim ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong pindaan ini dan juga saya merasakan ini merupakan satu tanggungjawab yang telah dapat dilaksanakan oleh Dewan ini, *insya-Allah*.

■1530

Tuan Yang di-Pertua, perkataan hakim adalah berasal daripada perkataan *hakamah*. *Hakamah* adalah bahasa Arab. Jadi dari perkataan "*hakamah*" itu lalu muncullah perkataan "hakim" atau "*hakem*" yang membawa maksud- orang yang dapat memberi pertimbangan dalam pertikaian antara dua pihak atau lebih. Kalau kita melihat dari sudut itu sudah pastilah jawatan atau profesion hakim merupakan satu profesion yang berbeza dari kebanyakan profesion-profesion lain. Mungkin kita tengok seorang guru dia akan mengajar anak muridnya dan cabarannya juga besar tetapi tidak sama dengan seorang hakim yang berdepan dengan dua keadaan yang berbeza. Satu mengatakan dia benar dan satu lagi juga mengatakan dia benar.

Dalam mahkamah ini biasanya orang masuk tidak mengaku salah kecuali dia tidak mempunyai alasan lain. Jadi untuk mempertimbangkan dua keadaan atau dua pihak yang saling bertentangan dan masing-masing mengaku kebenaran itu maka di sinilah kita lihat tugas seorang hakim sangat berat. Memang mencabar apatah lagi mahkamah itu semakin tinggi, semakin tinggi. Dalam hubungan inilah kita melihat kalimah hakim itu atau hakam itu adalah diambil daripada kalimah ataupun sifat-sifat dan nama Allah. Ini kerana dia adalah satu jawatan yang sangat besar, tinggi dan mulia. Di samping itu ia dia kaitkan dengan kalimah Al-Adl.

Hakim biasanya sinonim dengan adil. Oleh kerana itu Rasulullah SAW juga adalah seorang hakim yang telah memutuskan apa-apa perbezaan atau perdebatan atau apa-apa sahaja yang berlaku di kalangan masyarakat. Namun Baginda memberitahu, "*Aku berpegang dengan fakta-fakta yang dibawa di hadapan, adapun yang terselindung aku tidak tahu. Kalau sekiranya mana-mana keputusan itu memihak kepada yang bohong atau dusta. Maka sebenarnya aku beri satu bara api*".

Kerana itulah kita melihat dalam mahkamah, hakim banyak hakim bergantung kepada penghujahan dan fakta. Ini merupakan satu perkara biasa yang kita kena iktiraf dan mengakui bahawa untuk menganalisis hal-hal seperti ini bukan sesuatu perkara yang mudah. Kerana itu saya melihat akta

ini untuk memberi sedikit sahaja. Saya rasa sedikit jugalah 2% ini sedikit. Maka saya sangat bersetuju dan juga seperti kawan-kawan yang lain mungkin boleh ditambah lagi kalau ada peruntukan-peruntukan, saya tidak membantah di sini. Malah saya menyokong. Begitulah juga yang pihak-pihak lain yang sebut tadi saya tidak ada apa-apa bantahan.

Kedua, point saya di sini hakim ini kalau saya hendak bawa sedikit di dalam konteks Islam. Islam juga menyebut hakim itu Rasulullah kata... [*Membaca sepotong hadis*] Tadi Tuan Yang di-Pertua pun sebut kadi itu atau hakim dalam konteks Islam ini ada tiga. Satunya ke syurga dan duanya ke neraka. Jadi ke syurga ini semua orang hendak masuk syurga Tuan Yang di-Pertua. Manakala yang masuk syurga ini ialah hakim yang tulus ikhlas dia tahu kebenaran, dia tahu fakta dan dilaksanakan dengan jujur dan ikhlas. Ada pun yang dua tadi dia tidak tahu kebenaran dan dia hukum dengan tidak benar maka memanglah layak jadi begitu.

Begitulah juga ada yang tahu benar tetapi tidak melakukan kebenaran juga layaklah tidak dapat ganjaran yang besar seperti yang dijanjikan syurga. Oleh kerana itu profesion kehakiman merupakan satu profesion yang mulia kerana itu dia dipisahkan daripada pentadbiran dan juga pembuat undang-undang. Supaya dia tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak dan dia berdiri teguh dengan kewibawaannya. Kerana ini saya melihat perkara seperti ini sangat perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita banyak bercakap tentang institusi kehakiman, namun kadang-kadang kita terlupa juga kita sebagai hakim. Saya tengok hari ini Tuan Yang di-Pertua pun hakim juga. Ada yang duduk, berdiri dua, dua suruh duduk. Itu hakim namanya buat keputusan. Jadi sebenarnya kita juga secara tidak disedari itu hakim yang berinstitusi. Kita juga Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang melaksanakan tugas hakim yang tidak secara langsung. Kita membuat keputusan, kita membuat penilaian. Seorang cikgu, seorang guru juga sebagai seorang hakim di mana beliau akan memberi markah kepada pelajarannya mengikut soalan dan juga mekanisme yang telah ditetapkan. Apabila dia mengikut cara-cara yang telah ditetapkan, maka dia adalah seorang hakim.

Begitu juga ibu bapa merupakan seorang hakim kepada permohonan anak-anak dan begitulah seterusnya. Ini merupakan satu fenomena biasa yang kita juga jangan lupa bahawa kita sering kali dan malah mungkin ada setiap hari membuat keputusan-keputusan. Apabila kita membuat keputusan ialah kita menghakimi.

Kerana itu Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membuat keputusan kita buat keputusan dengan penilaian yang tepat. Kalau hal-hal peribadi kita akan buat secara peribadi. Tuan Yang di-Pertua, untuk dalam kes-kes yang tadi sebut tertunggak. Saya rasa perkara ini juga pihak kerajaan perlu memberikan perhatian yang sewajarnya kepada saranan Ahli-ahli Parlimen kita, Ahli-ahli Senator kita yang telah beri tadi. Saya melihat hal seperti inilah yang juga menjadikan kegusaran kepada masyarakat. Saya ingin bertanya kepada pihak Menteri kehakiman di sini. Sebenarnya ada kes yang lama tertunggak. Jadi saya ingin tahu yang sebut lama-lama itu selama mana yang paling lama.

Pada kebiasaannya berapa lama kes itu apabila telah didaftarkan di mahkamah akan dipanggil ke mahkamah untuk dibicarakan. Di sini saya melihat saya hendak mencadangkan supaya urusan ini

dipercepatkan, bukan dipermudahkan. Memang kita sudah mudah, dipercepatkan dengan memperbanyakkan ruang-ruang kepada hakim, kepada pelantikan dan sebagainya semoga kita dapat menyelesaikan banyak kes yang masih ada. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang telah saya hendak sebut itu sudah ramai yang sudah sebut inilah nasib orang yang terakhir...

Tuan Yang di-Pertua: [*Ketawa*] Tidak mengapa.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Jadi saya rasa cukup setakat itu dan saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Kadzim. Silakan Yang Berhormat.

3.37 ptg.

Datuk Kadzim Haji M. Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya ingin mengulas kenyataan akhir Yang Berhormat Dato' Dr. Johari tadi. Orang akhir ini malang tetapi tidak kadang-kadang ada untungnya. Dia hanya perlu cakap apa yang perlu di cakap sahaja, sebab yang lain sudah ada orang yang cakap. Untuk perbahasan hari ini, saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan kerana keprihatinan dengan kebajikan dan juga menjaga imej dan integriti kehakiman kita.

Perkhidmatan seorang hakim ini adalah satu perkhidmatan yang istimewa tetapi unik dan tidak banyak orang yang menyukainya. Oleh sebab kehidupannya adalah amat sunyi seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Khairuddin tadi, hendak pergi menziarahi jenazah pun susah, hendak pergi orang kahwin pun susah. Itu adalah semata-mata untuk mengelakkan mereka daripada terpengaruh kepada pandangan dan pendapat masyarakat luar di dalam membuat keputusan mereka di belakang hari. Akan tetapi bagaimanapun, kehidupan mereka bukan sahaja sendiri begitu tetapi mereka juga tidak boleh berniaga dan tidak boleh bercampur seperti minum-minum kopi apa semua, itu semata-mata untuk menjaga integriti dan *impassibility* seorang hakim.

Namun begitu, dalam kehidupan sunyi dan terpinggir itu tanggungjawab seorang hakim adalah berat dan ada kalanya dia menentukan hidup mati seseorang. Wajarlah dengan pembentangan rang undang-undang ini kita menghargai dan membayar para hakim yang menjalankan tugas mereka dengan jumlah yang berbaloi dengan tanggungjawab yang dipikul. Di sini saya bukan sahaja ingin menyokong rang undang-undang ini tetapi saya juga ingin mencadangkan di samping kita menjaga kebajikan dan pendapatan seorang hakim, kita juga harus menjaga keselamatan seorang hakim.

■1540

Jadi, saya ingin mencadangkan kalau boleh hakim-hakim ini dalam keadaan kita sekarang yang mana Timbalan Pengarah Kastam pun boleh ditembak, Pengarah JPJ boleh dipukul apa semua, kalau boleh para-para hakim ini disediakan seorang pengawal peribadi setiap satu, bermula daripada Hakim Mahkamah Tinggi kalau boleh. Sekurang-kurangnya dalam keselamatan mereka terjamin, mereka tidak akan terganggu untuk menjalankan tugas mereka membuat keputusan. Untuk mengelakkan sebarang tohmahan tentang percutian seseorang hakim, buat masa ini seorang hakim diberikan percutian lima tahun sekali. Tiket KL-London-KL, *first class* untuk dua orang. Saya rasa lima tahun sekali itu amat

lamalah. Kalau boleh dipendekkan sedikit antara dua tahun atau tiga tahun sekali, sekurang-kurangnya para hakim ini dapat bercuti dan mengurangkan stres dan dapat kembali bertugas untuk menjalankan tanggungjawab dengan lebih tenang.

Di samping itu, saya juga ingin membangkitkan bahawa, jika ada para hakim yang telah bersara memegang jawatan-jawatan pengerusi, saya rasa itu perkara biasa. Sebab Yang Berbahagia Tun Dzaudin pun pernah menjadi Pengerusi BSKL dan Tan Sri Alauddin Mohd. Sheriff pernah menjadi Pengarah di Affin Bank. Ini terserah kepada *shareholder* syarikat-syarikat tersebut sama ada untuk melantik mereka. Begitu juga mungkin kerana kewibawaan mereka dan organisasi ini menghargainya dan mahukan organisasi mereka dipimpin oleh seorang yang berintegriti dan kewibawaan mereka dihormati. Jika ada hakim-hakim yang sudah bersara memegang jawatan-jawatan selepas itu, janganlah kita cepat mengandaikan bahawa itu adalah satu imbuhan kerana telah membantu atau membuat keputusan memihak kepada kita ataupun sebaliknya. Kita anggap itu sebagai- yang lebih senang, sebagai rezeki dia.

Dengan itu, ringkas-ringkasnya yang diminta oleh Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon.

3.42 ptg.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bertuah sebagai orang yang terakhir membincangkan dan membahaskan rang undang-undang ini. Terlebih dahulu saya menyatakan pendirian menyokong usaha kerajaan ini untuk menjaga dan memberi keprihatinan terhadap kebajikan hakim di negara ini.

Seperti mana yang telah dan banyak dibincangkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat di sini, bahawa institusi kehakiman merupakan satu cabang atau *pillar* yang sangat penting di negara ini sama tarafnya dengan eksekutif dan perundangan. Usaha untuk menambahkan kebajikan merupakan satu tindakan yang sangat positif, yang patut disokong oleh semua Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Seperti mana yang dibincangkan panjang lebar tadi oleh ramai rakan-rakan di sini yang mahu menegakkan keadilan, yang mahu menjaga integriti dan juga maruah para hakim di negara ini. Apabila kita kata kita meminta supaya hakim melakukan kerja mereka, menjalankan tugas secara adil, maka semua pihak harus menyokong institusi kehakiman supaya bebas daripada campur tangan ataupun pengaruh mana-mana pihak.

Untuk itu saya ingin memberikan beberapa contoh ringkas mengenai cara sesetengah kumpulan yang setiap kali sengaja untuk mengkritik dan mengutuk mahkamah termasuk hakim-hakim yang membuat keputusan. Contohnya dalam isu permohonan menukar hakim. Setelah ditolak peguam PKR, N. Surendran membidas kenyataan yang dikeluarkan oleh hakim Yang Arif Datuk Balia Yusuf Wahi dan selepas ditolak petisyen pilihan raya yang difailkan oleh pembangkang, Dato' Seri Anwar

Ibrahim membidas hakim. Dia kata, *“Tidak masuk akal. Tidak betul cara hakim menolak kes-kes atas faktor teknikal”*.

Satu lagi contoh, selepas dijatuhkan hukuman kes liwat Dato’ Seri Anwar Ibrahim, Azmin Ali dalam perhimpunan di Kajang berkata, *“Reformasi 2.0 sebagai bantahan ke atas keputusan mahkamah”*. Sekiranya setiap kali mahkamah membuat keputusan yang tidak menyokong ataupun berpihak kepada sesuatu pihak, maka adanya demonstrasi jalanan, adanya *press conference* dengan izin, membidas cara hakim membuat keputusan ataupun cara hakim menjatuhkan atau melakukan hukuman, maka tidak ada sokongan masyarakat umum terutamanya ahli-ahli politik.

Di satu pihak ini kita meminta supaya kita menghormati sistem kehakiman di negara. Satu pihak lagi mempersendakan, menjatuhkan imej sistem mahkamah, sistem kehakiman di negara ini. Ini adalah satu cara yang sekali lagi menunjukkan *conflict contradict* sistemnya bila menyokong, bila keputusannya memihak maka kata, *“Ini adalah keadilan”*. Sekiranya keputusan tidak memihak, *“Ini adalah satu fitnah. Ini adalah satu percubaan Kerajaan Pusat”*. Jadi mencampurkan isu-isu politik ke dalam keputusan jatuhnya sesuatu hukuman oleh mahkamah.

Maka bila kita di sini saya nampak ramai rakan-rakan termasuk rakan-rakan kita yang menyokong rang undang-undang ini, yang menyokong supaya kita menghormati dan menyokong pihak hakim. Maka di sini ingin saya meletakkan dalam rekod *Hansard* Parlimen supaya kita melihat cara bagaimana sesuatu pihak memainkan politik di mana-mana, di eksekutif, di perundangan dan di *pillar* kehakiman.

Dengan itu, kenyataan yang ringkas itu, saya memohon menyokong rang undang-undang. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tanpa membuang masa saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk memberikan jawapan. Silakan Yang Berhormat.

3.47 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Razali bin Ibrahim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi rasa penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat seramai 12 orang yang telah berbahas, termasuk beberapa orang yang mencelah. Saya mendengar dengan penuh minat dan secara peribadi, sangat seronok di atas perkara-perkara yang dibangkitkan. Saya ada dua versi Tuan Yang di-Pertua, versi panjang, versi pendek.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh Yang Berhormat, saya pilih yang pendek [*Ketawa*]

Dato’ Razali bin Ibrahim: Yang pendek. Akan tetapi saya beri jaminan bahawa versi pendek ini pun, *insya-Allah* akan beri kepuasan kepada semua kerana seperti yang saya perhatikan tadi, yang pertama, tidak ada seorang pun Ahli Yang Berhormat yang bangkit menyatakan tidak bersetuju. Malahan ada yang menyatakan sangat setuju ataupun setuju sepenuhnya, setuju 100%. Ini maknanya kita menerima rang undang-undang ini sebagai satu perkara yang baik. Ada dua pindaan seperti yang

Ahli-ahli Yang Berhormat telah sedia maklum. Cumanya izinkan saya untuk memberikan beberapa perspektif secara keseluruhan pemahaman saya.

Pertama, perkara yang dibangkitkan berupa bentuk cadangan yang sangat baik, yang akan kita pertimbangkan. Keduanya Yang Berhormat mengharapkan bahawa selepas pindaan ini, kita dapat meningkatkan integriti, memberi semangat dan juga memberikan kedudukan yang paling baik kepada sistem yang kita guna pakai. Ramai Ahli Yang Berhormat menyebut tentang *separation of powers* dengan izin, terhadap tiga badan ini. Ada yang menyatakan bahawa sistem kehakiman ini bukan pekerjaan biasa, yang ini kita kena persetujuan. Ini kerana ia disebut di dalam Perlembagaan Persekutuan. Pekerjaan-pekerjaan lain tidak disebut. Yang disebut Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri, Menteri Kabinet, Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Perkara 45 umpamanya, Ahli Dewan Rakyat, setiausaha politik dan juga badan-badan kehakiman. Ini pada saya membuktikan bahawa kita memang menerima sistem kehakiman ini sebagai satu perkara yang sangat mustahak.

Saya ingin merumuskan satu perkara yang tadi menjadi sedikit persoalan tentang ada penangguhan yang terlalu panjang, ada yang mengatakan bahawa perlu beri keadilan, tetapi kita terlupa bahawa *justice delayed, justice denied*. Ini tidak disebut dan saya ingin menyebut di sini bahawa dalam kita mengejar keadilan, mengambil masa yang terlalu panjang, menggunakan cabang-cabang yang ada hanya untuk memberi kepuasan kita dan kita kata itu keadilan, maka ia juga sebenarnya tidak memberi keadilan kepada pihak yang satu lagi. Ini prinsip undang-undang Yang Berhormat...

■1550

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tertarik dengan ungkapan *justice delayed is justice denied*, dan dalam masa yang sama juga dalam konteks keadilan ada juga ungkapan "*justice in haste, is justice denied*". Jadi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju bahawa antara keduanya perlu ada perimbangan yang sesuai supaya tidak berlaku ketidakadilan kepada mana-mana pihak. Itu sahaja. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya setuju sebab itu ada banyak perkara yang boleh kita bahaskan di sini. Cuma saya ingin memberi perspektif bahawa tugas kita bukan untuk memberi satu ketetapan yang mana betul yang mana tidak. Oleh sebab itu ada yang disebut tadi *separation of powers*. Kita membuat keputusan untuk dilaksanakan oleh badan kehakiman umpamanya.

Di sini ada banyak juga contoh boleh kita beri tentang perkara yang diputuskan. Di bawah kuasa yang kita beri yang sebenarnya bercanggahan dengan apa yang kita cuba sampaikan. Jadi pada saya, perkara tentang ini boleh saya simpulkan dalam bentuk yang mudah, satu undang-undang menjadi undang-undang apabila diterima oleh majoriti rakyat dalam negara itu. Kalau dalam sistem kita, apabila dibahaskan di Dewan Negara dalam tiga bacaan, dibawa ke Dewan Rakyat, itu majoriti.

Mungkin tidak dapat memuaskan hati semua orang, contoh tentang soal dadah. Penyalahgunaan dadah menjadi satu kesalahan besar di negara kita. Kita bina satu undang-undang.

Pelacuran tidak dibenarkan di negara. Makna majoriti yang menyokong rakyat iaitu perwakilan menjadikan ia sebagai satu undang-undang. Ada negara yang membenarkan pelacuran dan dadah. Kita tidak boleh kata dia salah sebab majoriti rakyatnya menerima bahawa boleh di satu-satu tempat ada menu juga untuk menghisap ganja umpamanya ataupun dipamerkan dalam konteks pelacuran. Sebab apa, konsep undang-undang apabila majoriti menerima, ia menjadi undang-undang. Persoalannya lepas jadi undang-undang, kena ikut.

Kalau kita tidak setuju, kita bawa balik kepada majoriti Dewan untuk kita pinda. Ini kerana prinsip undang-undang juga kalau sudah buat tidak ikut, ia akan runtuh kerana kita mempersoalkan satu undang-undang yang diterima secara majoriti. Sama ada runtuh cepat, runtuh lambat, saya tidak tahu tetapi undang-undang kalau sudah setuju tidak ikut ia akan runtuh. Contoh, belum ada orang jumpa saya minta kebenaran untuk tidak hendak berhenti lampu isyarat merah. Kalau dia jumpa saya, saya kata pergilah langgar. Sebab apa, dia akan nampak kesan kepada ketidakpatuhan itu secara serta-merta.

Oleh sebab itu kalau ada perkara yang telah disebut di dalam Perlembagaan, di dalam undang-undang kita, mungkin kita tidak berapa selesa agama Islam agama bagi Persekutuan, kita tidak setuju. Ikut sebab itu majoriti, tidak ikut pinda dahulu. Hak kebebasan yang diberi kena ikut. Oleh sebab itu saya tertarik dengan yang terakhir Yang Berhormat Tuan Chong Sin Woon beritahu tentang lepas mahkamah buat keputusan kita langsung terlupa tentang *sub judice*, kita langsung terlupa tentang *contempt of court*. Ini kenapa kita tidak sama-sama bangkit untuk menentang perkara tersebut. Ada perkara dibawa ke jalan raya. Undang-undang ini telah kita bina. Oleh sebab itu penguatkuasaan adalah di tahap yang terakhir.

Oleh sebab itu tadi bila bangkit tentang *backlog*. Tuan Yang di-Pertua, orang buat jenayah tiap-tiap hari. Satu hari bukan satu, banyak. Siasatan mengambil masa. Tambahlah hakim banyak mana, jumlah kes ini akan terus meningkat kerana tidak ada kes yang dapat diselesaikan dalam masa satu hari, jenayah boleh selesai dalam masa satu hari. Siasatan tidak boleh selesai dalam masa satu hari. Ada orang sengaja menguji undang-undang bawa ke mahkamah. Tiba mahkamah jarang mengaku, akhirnya terpaksa dibicarakan.

Oleh sebab itu kalau kita tanya dari segi piagam, memang dari segi saman pemula 90 hari kita ada piagam di mahkamah tetapi tidak boleh habis dalam masa satu hari. Oleh sebab itu yang paling penting ada undang-undang, ikut. Sebagai manusia, masalahnya ramai tidak hendak ikut. Pihak yang jahat satu hal ,sengaja mencabar undang-undang. Pihak yang uji undang-undang ini pun ada juga. Dia tidak berapa jahat, tetapi cuba-cuba untuk mencabar undang-undang akhirnya jumlah ini menjadi banyak.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks versi pendek saya ini prinsip yang patut kita terima. Kepada Yang Berhormat tidak adil, kepada saya adil. Apa yang penting, konsep *separation of powers*. Kuasa yang kita beri kepada tiga badan yang menjadi tunggak kepada pembinaan negara ini perlu kita hormati. Kalau ini dapat kita buat, *insya-Allah* tentang masalah kes yang tidak dapat diselesaikan, yang mana panjang, yang mana pendek tidak akan berlaku.

Jadi pada saya, hendak menjurus jawapan yang pada saya yang sangat bertepatan dengan akta ini iaitu mengenai 2%. Kenapa tidak tiga, kenapa tidak empat, kenapa tidak sepuluh? Pertimbangan pihak kerajaan pertama, kita mengikut indeks pengguna. Beberapa tahun kebelakangan ini, itu jumlah indeksnya. Kedua, saya pun setuju bagi banyak pun tidak apa tetapi pertimbangan kita adalah dari segi kemampuan kerajaan. Sekurang-kurangnya peningkatan itu dapat menampung indeks pengguna tadi. Keduanya kita mampu untuk membiayai.

Selain daripada kesamarataan, sebab itu Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali menyebut tentang mengambil kasar inflasi. Itu juga betul tetapi buat masa ini kita hendak samakan dengan semua perkhidmatan lain. Untuk pengetahuan Yang Berhormat kita juga akan menyelaraskan termasuk kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara, Dewan Parlimen dan juga setiausaha-setiausaha politik tetapi bagi yang pencen untuk menerima faedah 2% ini. Dari segi kuasa yang diberi dalam pindaan 15, Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan lebih daripada kadar 2% bergantung kepada keperluan. Maknanya ada kemudahan itu ataupun peruntukan yang telah kita berikan.

Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar mempersoalkan kenapa pula lima tahun. Seperti yang saya bantahkan tadi, salah satu lagi pindaan adalah mengenai ada yang bersara hakim belum sampai umur 60 tahun. Jadi kita dalam masa sebulan daripada 24 hingga 27 hari bulan Mei dalam satu persidangan besar hakim-hakim di negara kita, membuat satu pandangan mengenai yang belum cukup 60 tahun tetapi kita mengenakan syarat lima tahun itu. Kenapa bukan empat, kenapa bukan tiga. Saya ambil contoh, selepas kita buat pengiraan, sekurang-kurangnya bila dia dilantik pada usia 45 tahun, lima tahun itu bermakna dia akan bersara pada umur 50 tahun. Itu contoh yang kita ambil. Kalau perkhidmatan awam sepuluh tahun.

Jadi makna lima tahun itu betul kenapa diambil, sebab itu yang kita rasakan yang paling bertepatan dan sesuai untuk kita laksanakan. Sebelum ini tidak boleh pun. Jadi untuk kita memberi rangsangan, kita mencadangkan bahawa pada 1 Julai, sebulan sahaja kerajaan memberi pertimbangan untuk kita menerima pakai cadangan yang dibuat oleh persidangan tersebut untuk kita laksanakan dan seharusnya kita mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah bersetuju untuk kita persetujuan tentang lima tahun tersebut.

Ada banyak perkara yang dibangkitkan. Sebelum saya jawab seterusnya, saya hendak beritahu ada yang memberi pandangan tentang bagaimana dengan Mahkamah Majistret ataupun hakim Mahkamah Sesyen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mereka adalah pegawai undang-undang. Mereka tidak termasuk di bawah akta ini dan dia punya gaji dan kelayakan sama seperti kakitangan awam yang lain. Jadi bukan kita tidak hendak masukkan, tetapi dia memang berada di kategori yang berbeza. Hakim seperti kita Ahli Yang Berhormat, gajinya dipanggil *single entry salary*. Maknanya sama. Dia tidak ada peningkatan-peningkatan seperti penjawat-penjawat awam yang lain.

Cadangan mengenai menyediakan soal keselamatan. Ini juga satu perkara yang sangat baik yang sebenarnya telah pun kita ada tetapi mungkin kita boleh kembangkan. Buat masa ini pengawal peribadi dibekalkan kepada Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Malaya

dan Hakim Besar Sabah dan Sarawak, seorang pegawai pengiring. Namun begitu cadangan untuk kita kembangkan kepada hakim-hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan boleh sahaja kita ambil pertimbangan.

Begitu juga cadangan mengenai mengecualikan cukai yang boleh kita kaji mengenai perkara tersebut. Akan tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, disebut berulang kali tadi tentang pendapatan seorang Ketua Hakim Negara, Mahkamah Rayuan, sebenarnya Yang Berhormat kalau boleh saya sebut tadi itu termasuk dengan elaun seperti elaun keraian, elaun khas kehakiman. Gaji sebenarnya tidak sebanyak yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya tidak tahu Tuan Yang di-Pertua, sama ada saya boleh sebut atau tidak gaji-gaji yang ada. Akan tetapi yang saya hendak beritahu, buat masa ini gaji pokok hakim memang ada cukai.

■1600

Akan tetapi *allowance* yang terhormat diberikan tidak dikenakan cukai. Ini sebahagian daripada perkara yang telah pun dilaksanakan. Apa yang kita harapkan bahawa perubahan itu boleh dikatakan bersih. Walaupun ada cadangan untuk gaji juga diberikan pengecualian. Ini kita akan bawa kepada suruhanjaya. Berkenaan tentang soal Yang Berhormat Dato' Khairudin dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain, ada sedikit perselisihan tentang krisis kehakiman yang pernah berlaku suatu masa dulu. Pada saya, saya ambil kedua-duanya tetapi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Khairudin. Kita kena pandang ke depan daripada insiden kehakiman itu sudah banyak perubahan yang kita lakukan sehingga kita telah membentuk Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman pada tahun 2009, kita sudah pun mempunyai satu Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman yang pada saya ada tentang tatacara pelantikan, kuasa dan keterbukaan.

Ini menunjukkan bahawa kerajaan bersama dengan Yang Berhormat mempunyai *political will* dengan izin untuk kita menambah baik untuk mengendalikan negara ini, kita tidak boleh berasaskan persepsi, andaian, kita kena melihat kepada fakta. Saya ingin memberi contoh. Negara kita terbelenggu dengan usaha untuk memerangi rasuah. Rasuah tidak ada indikator, ia ada persepsi rasuah. Negara kita menghadapi suatu tekanan persepsi seolah-olah rasuah itu wujud dengan luas seperti mana kehakiman hari ini dikatakan tidak adil atas apa saja alasan. Kita menang, kita meraikan kemenangan kita, hakim bagus. Apabila keputusan tidak menyebelahi, kita rasa tidak bagus. Ini semua persepsi.

Kita tidak mahu dan enggan melihat kepada *judgment* atau pun penghakiman yang ditulis. Tidak boleh bina negara dengan persepsi sebegini. Oleh sebab itu ada negara yang melindungi perlakuan rasuah daripada perbualan umum sehinggakan ia menjadi satu negara seolah-olah bebas rasuah. Akan tetapi negara kita sangat terbuka. Perbincangan tentang keputusan mahkamah terbuka, yang sebenarnya bercanggahan. Malahan seperti yang Tuan Yang di-Pertua sebut, Akta 127, Perlembagaan Persekutuan, kita tidak boleh menyebut soal hakim dalam Dewan kita, boleh dikenakan tindakan. Akta 127 itu mesti di bawa secara usul persendirian baru kita boleh bincang satu-satu. Jadi saya tidak berniat untuk menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan secara khusus...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh jelas sikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cukup lah Yang Berhormat. Kita hendak cepat sikit Yang Berhormat.

Dato' Lim Nget Yoon: Pendek.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapa, boleh bertanya dengan dia dekat luar Yang Berhormat. suntuk masa, minta maaf Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya pun sebenarnya sudah hendak habis ini. Yang Berhormat tadi pun ada sebut perkara yang pada saya menyokong kepada perkara tersebut. Cuma saya tidak sebut nama Yang Berhormat. Apabila Yang Berhormat bangkit tadi, sebenarnya Yang Berhormat ada sebut perkara-perkara ini. Saya mengukuhkan sahaja.

Oleh sebab itu ada perkara yang kadang-kadang kita tahu, kita sengaja langgar. Bukan kita, ada sebahagian, kita semua okey. Akan tetapi ada sebahagian. Ini tidak membantu usaha kita untuk meletakkan perspektif undang-undang dalam erti kata sebenar. Malahan hanya kerana pertimbangan politik, kita sanggup berdiam diri daripada membuat pernyataan yang walaupun dalam hati kita bersetuju dengan kesalahan-kesalahan yang dibuat itu perlu kita tentang.

Ini juga sebenarnya pada saya tepuk dada tanya selera. Jadi kepada saya Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang dibangkitkan yang banyak dalam bentuk cadangan ini sebenarnya melambangkan kesungguhan kita untuk melihat institusi kehakiman negara ini benar-benar bebas. Saya hendak beritahu, kalau tanya sayalah, ia sebenarnya seperti yang disebut oleh Yang Berhormat, kalau disebut 95%, saya tidak adalah peratusnya tapi saya yakin ianya sangat bebas malahan parti tunjang Barisan Nasional, UMNO pernah diisytiharkan sebagai haram di bawah sistem kita yang bebas ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua yang menyokong tanpa rasa waswas untuk kita meluluskan pindaan yang dibawa ini dan saya sangat bersuka cita memaklumkan bahawa satu perbahasan yang sangat baik telah dikemukakan. Semua cadangan akan kita ambil perhatian yang sangat serius. Namun begitu sebelum saya mengakhiri jawapan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini kepada lampiran pindaan yang dikepilkan bersama dengan rang undang-undang ini. Sukacita saya maklumkan pindaan dalam peringkat jawatankuasa telah dibuat di Dewan Rakyat iaitu bagi memasukkan perkataan, "*di sifatkan telah*" pada Fasal 1(2) sebelum perkataan, "*mula berkuat kuasa*" bagi membolehkan ia berkuat kuasa secara terkebelakang mulai 1 Januari 2014.

Untuk makluman semua, rang undang-undang ini telah dibacakan kali pertama pada bulan Disember 2013 yang lalu di Dewan Rakyat. Akan tetapi tidak dapat disempurnakan bacaan kedua dan ketiga pada sesi yang sama memandangkan aturan mesyuarat pada ketika itu tidak mengizinkan. Oleh sebab itu dalam akta yang kita bentangkan itu tidak ada perkataan memandangkan hasrat kita untuk bentang pada tahun 2013 bulan Disember. Akan tetapi hasrat itu tidak kesampaian dan saya juga ingin mengatakan bahawa pindaan itu dimasukkan sekali dalam penggulungan ini. Sekali lagi saya Tuan Yang di-Pertua mengucapkan berbilang-bilang terima kasih dan berkongsi rasa bangga dengan seluruh Ahli Yang Berhormat. Sekian, Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Jawapan yang begitu komprehensif dan saya rasa padat. Oleh yang demikian tanpa membuang masa lagi saya hendak maklumkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BAHAN-BAHAN KAKISAN DAN LETUPAN DAN SENJATA BERBAHAYA (PINDAAN) 2013

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.08 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya (Pindaan) 2013 di bacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan terhadap Akta Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 turut dibuat untuk memastikan hukuman yang dikena setimbang dengan kesalahan yang dilakukan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Pindaan ini juga merupakan salah satu urusan kerajaan di dalam membanteras aktiviti-aktiviti jenayah berat dan terancang yang menggunakan senjata berbahaya dan bahan letupan.

Secara amnya akta ini memperuntukkan penalti berkaitan pemilikan bahan-bahan kakisan dan bahan letupan secara salah serta membawa senjata berbahaya.

■1610

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Memandangkan kadar jenayah terancang dan jenayah berat dilakukan oleh kumpulan-kumpulan kongsi gelap sering melibatkan penggunaan senjata berbahaya termasuk senjata api, semakin berleluasa. Peningkatan kejadian pembunuhan menggunakan senjata api, pergaduhan ahli-ahli kumpulan kongsi gelap sesama sendiri untuk merebut kawasan dengan menggunakan parang dan buku lima. Menggunakan senjata berbahaya untuk mengutip wang perlindungan bagi menakutkan mangsa dan menggunakan senjata berbahaya bagi melindungi kawasan perjudian, pelacuran maka pindaan terhadap undang-undang ini adalah perlu dalam membanteras kegiatan berkenaan secara menyeluruh.

Bagi menggambarkan keseriusan kerajaan dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat bahawa kesalahan ini adalah merupakan satu kesalahan yang berat, maka pindaan terhadap penalti, hukuman dicadangkan dinaikkan seperti berikut:

- (i) menaikkan penalti bagi kesalahan membawa senjata berbahaya di tempat awam daripada tempoh pemenjaraan tidak melebihi dua tahun kepada tidak kurang daripada lima tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun; dan
- (ii) meminda peruntukan penalti bagi kesalahan membawa, memiliki, membuat, menjual, menyewa, meminjam atau memberi mana-mana senjata terjadual. Kesalahan pada masa ini membawa hukuman pemenjaraan yang tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau kedua-duanya sekali manakala penalti dalam hal kesalahan kedua dan berikutnya akan dihukum dengan hukuman pemenjaraan tidak kurang daripada satu tahun dan tidak lebih daripada tiga tahun. Peruntukan ini dicadangkan untuk dipinda dengan mengenakan hukuman penjara yang tidak kurang daripada lima tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun.

Dengan pindaan yang dicadangkan ini, maka jelas menggambarkan keprihatinan dan keseriusan kerajaan di dalam membanteras jenayah terancang dan jenayah berat dari terus berleluasa di negara ini bagi memastikan rakyat Malaysia terus terlindung dan menjalani kehidupan dalam keadaan aman dan sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus.

4.13 ptg.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas laluan yang diberikan kepada saya untuk turut sama bangun dan berbahas Rang Undang-undang Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya (Pindaan) 2013.

Ucapan saya ringkas sahaja. Ia mengenai dua fasal yang terkandung dalam rang undang-undang ini. Fasal 2 bertujuan untuk menaikkan penalti bagi kesalahan membawa senjata berbahaya di tempat awam daripada tempoh pemenjaraan yang tidak melebihi dua tahun kepada tempoh pemenjaraan yang tidak kurang daripada lima tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun. Saya dengan ini menyokong penuh agar hukuman penjara ini dinaikkan. Hari ini senjata api berleluasa dibawa di tempat umum, jika di sempadan ia lebih mudah diperolehi. Cuma saya memohon pihak berkuasa melakukan operasi penyeludupan senjata api dan berbahaya di sempadan-sempadan.

Dari fasal 2 ini saya juga ingin menyentuh kes-kes pengawalan keselamatan yang dibenarkan membawa senjata api. Soalan saya, apakah *standard operating procedure* dengan izin, bagi pengawal keselamatan bagi membawa senjata api? Contohnya, senapang dan *pump gun* ke tempat kerja. Sering kali kelihatan mereka ini menunggang motosikal sambil senjata hanya disilangkan di bahu. Bayangkan jika ia diragut oleh penjenayah.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda peruntukan penalti bagi kesalahan membawa, memiliki, membuat, menjual, menyewa, meminjam atau memberi mana-mana senjata terjadual. Kesalahan ini pada masa ini membawa hukuman pemenjaraan yang tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau kedua-duanya manakala penalti dalam hal kesalahan kedua dan berikutnya akan dihukum dengan hukuman pemenjaraan tidak kurang daripada satu tahun dan tidak lebih daripada tiga tahun. Peruntukan ini dicadangkan untuk dipinda dengan mengenakan hukuman pemenjaraan yang tidak kurang daripada lima tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun.

Saya berpandangan hukuman ini terlalu ringan. Penjara kurang dua tahun dan denda kurang RM2,000 terlalu ringan jika dibandingkan dengan kemungkinan jenayah yang mereka lakukan. Cadangan saya, perlu dipinda agar hukuman lebih keras termasuk hukuman penjara lebih lama, denda lebih berat dan jika perlu hukuman sebat. Isunya, kunjungilah ke tempat-tempat awam seperti pasar malam, pasar- *uptown*, dengan izin, dan bazar-bazar. Kita akan melihat senjata berbahaya mudah diperolehi seperti *pepper spray*, malah pisau 'Rambo', buku lima besi dan pelbagai lagi senjata tajam dan masih mudah dibeli dengan harga murah dan tiada sekatan.

Soalan saya ialah, apakah pandangan kementerian dalam isu ini? Bagaimana isu pemantauan dan penguatkuasaan? Perlu kah dirampas? Bagaimana bentuk hukuman ke atas peniaga-peniaga? Bagaimana pandangan kementerian dengan objek atau cecair lain yang jika disalah guna boleh menjadi senjata berbahaya termasuk memudaratkan seseorang? Saya ambil contoh asid dan cuka getah. Jika disalahgunakan boleh menyebabkan seseorang cacat seumur hidup tetapi hukumannya terlalu ringan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Silakan Yang Berhormat.

4.18 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk bersama-sama dalam membincangkan pindaan Akta Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958. Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Senator yang baru bercakap tadi berhubung dengan pindaan ini. Kita melihat dalam pembentangan ini ada dua fasal yang bertujuan menaikkan penalti dan penalti ini daripada tempoh pemenjaraan yang tidak melebihi dua tahun penjara kepada lima tahun penjara, tidak kurang daripada lima tahun penjara dan juga tidak lebih daripada sepuluh tahun.

Kalau kita lihat sekarang ini sebagaimana telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, jenayah senjata berat atau senjata api ini telah meningkat daripada tahun ke tahun. Sebagai perbandingan tahun 2012 tidak sebanyak tahun 2013 yang telah meningkat begitu banyak sekali sehingga 100 lebih pembunuhan menggunakan senjata api.

■1620

Jadi, di sini kita melihat penggunaan senjata api ini merupakan satu fenomena baru yang telah berlaku begitu ketara dalam masyarakat sehingga ia mendorong pihak kerajaan untuk meminda hal-hal seperti ini. Kita melihat baru-baru ini di dalam akhbar melaporkan ada satu kes di mana seorang remaja telah menyimpan senjata api dan meminjamkan kepada orang lain untuk digunakan dalam kes rampokan.

Ini sangat membimbangkan dan membahayakan, khasnya perkara ini berlaku di negeri-negeri yang berada di sempadan dengan negara jiran sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Yunus tadi. Hal ini kita melihat penggunaan senjata ini telah begitu disalahgunakan oleh pihak berkenaan kerana ada cara untuk mereka membawa masuk ke dalam negara kita. Apa yang pasti, sebagaimana yang disebut dalam istilah yang biasa lubang tikus. Lubang tikus ini kalau kita lihat kecil tetapi ia boleh bawa treler, ke lubang tikus itu. Jadi, ini merupakan satu fenomena yang sangat membimbangkan negara kita.

Selain daripada senjata ini yang telah dibawa dengan begitu mudah oleh mereka kerana sempadan negara kita begitu luas dengan negara jiran, maka di sinilah berlakunya pesalah penyeludupan yang begitu ketara. Sehingga kita melihat ada pihak-pihak tertentu berlaku pergaduhan sesama sendiri. Sebagaimana kita dilaporkan di dalam akhbar baru-baru ini, ada cubaan untuk membunuh, bukan sahaja melanggar dengan kereta tetapi memukul dan menembak. Ini ialah merupakan satu fenomena baru di dalam berlakunya permusuhan antara pihak-pihak di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat penyimpan ini juga mempunyai peranan yang besar. Kalau dia menyimpan dan diberi pinjam. Itu satu perkara yang sudah salah, walaupun dia mempunyai lesen. Saya memahami dalam konteks ini, seorang yang menyimpan dan juga tidak mempunyai lesen. Saya hendak tahu, kalau sekiranya seorang itu mempunyai lesen yang sah dari segi senjata api dan ia diberi pinjam kepada orang lain, saya rasa itu juga tidak boleh dilakukan. Hal ini boleh berlaku di mana-mana, terutamanya di kawasan-kawasan yang jauh daripada pihak penguat kuasa.

Oleh kerana itu saya berharap supaya pihak penguat kuasa memberi perhatian yang serius supaya perkara ini dapat dibendung dan tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Selain daripada itu, saya ingin membangkitkan di sini juga penggunaan bahan letupan. Saya mengetahui ada bahan-bahan letupan ini diguna untuk menangkap ikan. Adakah ia termasuk bahan letupan yang terlarang atau bagaimana? Akibatnya, bahan-bahan letupan itu diguna, banyak ikan yang sepatutnya tidak sampai usia untuk ditangkap, mati dengan begitu sahaja dan ini merupakan satu pengkhianatan dan juga pembaziran.

Jadi, hal ini sebenarnya telah berlaku sejak sekian lama walaupun oleh individu-individu tertentu sahaja. Akan tetapi hal-hal seperti ini juga saya rasa perlu diberi perhatian supaya ia tidak berleluasa di dalam masyarakat kita. Begitu juga apa yang saya hendak sebutkan di sini berhubung dengan senjata tajam.

Dalam akta ini tidak disebut senjata tajam tetapi saya hendak bangkitkan di sini kerana senjata tajam juga merupakan senjata yang berbahaya. Walaupun tidak sehebat dan sekuat senjata berhubung dengan senjata api dan juga bahan letupan yang lain. Jadi, kalau kita melihat sekarang ini juga ada pihak yang mencederakan pihak lain dengan menggunakan senjata tajam dan juga kayu. Hal-hal seperti ini sering kita dengar dan ada serang menyerang di antara pihak-pihak dan sehingga membawa kepada terbunuh. Hal seperti ini juga kita sering membaca di akhbar-akhbar kita di mana pergaduhan sering berlaku sama ada kes itu berpunca daripada balas dendam atau sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, kita dapat berusaha untuk membendung jenayah ini dengan akta-akta sebegini. Diharapkan sebegini. Walau bagaimanapun, saya melihat akta sahaja tidak cukup untuk membendung jenayah tetapi juga kita memerlukan sokongan daripada seluruh masyarakat untuk membendung jenayah. Salah satunya ialah kita melihat pendidikan yang perlu diberi dengan sebaiknya kepada pelajar dari peringkat rendah sampailah ke peringkat universiti. Pendidikan jenayah ini perlu disampaikan kepada pelajar supaya semua peringkat daripada pengajian awam mengikut kesesuaian mereka sampai ke peringkat universiti supaya mereka dapat membantu di dalam pencegahan berlakunya jenayah.

Sekarang ini saya rasa ada orang yang lihat perlakuan jenayah, mereka berdiam diri tidak mahu membantu atau menolong kerana bimbang diri mereka terancam dan terlibat sama di dalam hal-hal tersebut. Oleh kerana itulah kita melihat akta ini sangat baik dan saya melihat perlu diberi perhatian yang serius. Supaya jenayah dapat dikurangkan dan kalau boleh kita hendak melihat negara kita ini sebuah negara yang bebas daripada jenayah. Dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, ringkas dan padat. Terima kasih. Seterusnya, Datuk Hajah Noriah binti Mahat. Silakan Yang Berhormat.

4.27 ptg.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana

memberi peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya (Pindaan) 2013.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 6(1), Akta Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 yang merupakan Akta Ibu memperuntukkan mana-mana yang membawa atau memiliki senjata berbahaya di tempat awam tanpa kebenaran yang sah adalah menjadi satu kesalahan. Pada seksyen 7 pula memperuntukkan sesiapa yang membawa, memiliki, membuat, menjual, menyewa, meminjam atau memberi mana-mana senjata berjadual juga adalah bersalah di bawah akta ini. Jadual 1 dan 2 pada akta ini menyatakan dengan jelas jenis-jenis bahan kakisan letupan dan senjata berbahaya yang dimaksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh rang undang-undang ini supaya diperkemas dan diperbaiki lagi supaya hukuman yang lebih setimpal dapat dikenakan kepada pesalah sebagai salah satu cara untuk membendung masalah jenayah yang mengguna senjata dan bahan seperti yang dinyatakan dalam akta ini. Isu jenayah senjata api yang semakin serius ini, jenayah samseng di kalangan para remaja dan para pelajar adalah antara salah satu isu jenayah yang harus diberi perhatian yang khusus. Keadaan ini menjadi lebih buruk apabila ada kumpulan kongsi gelap mengambil kesempatan untuk memperkembangkan aktiviti mereka dengan menjadikan golongan pelajar bagi sasaran untuk dijadikan ahli mereka.

Dalam proses menggerakkan aktiviti mereka, penggunaan bahan dan senjata terlarang seperti yang dinyatakan dalam akta ini merupakan instrumen yang lazim digunakan oleh mereka. Justeru, peningkatan 7,816 kes jenayah juvana pada tahun 2013 yang membabitkan golongan pelajar sekolah adalah suatu petunjuk yang amat membimbangkan.

■1630

Saya berharap supaya kerajaan dapat menampilkan suatu mekanisme yang lebih berkesan bagi membendung masalah jenayah di kalangan remaja dan pelajar-pelajar ini. Dalam soal ini, saya juga menyeru masyarakat setempat supaya bersama-sama membantu pihak kerajaan mengatasi masalah ini dengan mengadakan pelbagai program yang berfaedah bagi remaja dan pelajar serta menjadi mata dan telinga kerajaan menyalurkan segala maklumat berkaitan gengsterisme kepada pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memperkukuhkan akta ini, saya juga meminta penjelasan daripada pihak kerajaan, apakah langkah tindakan bagi mengawal penjualan kakisan dan letupan serta senjata berbahaya yang didapati dijual secara terbuka tanpa kawalan yang sistematik? Pergi saja ke pusat membeli belah atau pasar malam, kita boleh dapati ada senjata berbahaya seperti parang dan pisau berbahaya dijual secara terbuka dan dibeli dengan mudah. Penggunaan parang dan senjata tajam yang lain kerap kali digunakan dalam kes-kes rompakan, ragut, pergaduhan antara kumpulan samseng-samseng. Jadi saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, adakah perniagaan senjata berbahaya seperti ini perlu dilesenkan?

Satu lagi unsur yang perlu diberi perhatian serius oleh kerajaan ialah penggunaan bahan kakisan yang bukan saja digunakan sebagai senjata untuk mencederakan orang lain malah boleh

disalah guna untuk membuat letupan. Saya ingin merujuk kepada beberapa kejadian di ibu kota tidak berapa lama dahulu yang melibatkan 22 kes menyimbah cecair dipercayai asid terhadap mangsa yang disyaki dilakukan oleh dua lelaki bermotosikal.

Baru-baru ini juga di Sabah telah berlaku satu insiden di mana seorang wanita telah disimbah asid sewaktu berbaris untuk membeli makanan yang mengakibatkan wanita tersebut mati kerana kecederaan teruk yang dialaminya. Baru-baru ini juga di negara kita telah digemparkan sekali dengan tertangkap 11 orang militan. Agak lama juga masalah ini tidak timbul tetapi telah muncul kembali kesan daripada gerakan dakyah secara senyap yang dijalankan oleh organisasi militan ini.

Apa yang membimbangkan ialah kebanyakan bahan-bahan kakisan dan letupan menggunakan bahan kimia dan jika disalah guna, ahli militan boleh menggunakannya untuk mencipta dan membuat bom dan sebagainya bagi mengancam dan ketenteraman awam. Justeru, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mengadakan langkah kawalan yang lebih ketat terhadap penjualan bahan-bahan kakisan seperti yang dijual dalam akta ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, adalah perlu juga kerajaan mengkaji bahan-bahan kakisan lain yang tidak dijadualkan dalam akta ini yang ada unsur boleh dijadikan senjata atau dijadikan bahan letupan yang boleh digunakan oleh kumpulan pengganas. Kita juga tidak harus terlepas pandang bahawa bahan letupan yang digunakan untuk pembuatan racun juga boleh dijadikan bahan untuk diubahsuai dan dijadikan bom buatan sendiri. Di Sabah, bom buatan sendiri sangat popular digunakan untuk menangkap ikan oleh para nelayan. Pada tahun lepas sahaja, Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah merampas mercun dan bunga api bernilai RM3.7 juta iaitu satu jumlah nilai yang amat tinggi. Oleh itu, agensi penguatkuasaan hendaklah bertindak dengan lebih giat dan agresif lagi bagi membanteras penyeludupan dan penjualan mercun haram.

Selain daripada itu, saya juga ingin bertanya kepada kerajaan, apakah langkah dan tindakan yang diambil bagi mengawal penjualan senjata tiruan yang banyak terdapat di pasaran? Dalam beberapa kes rompakan, didapati senjata tiruan telah digunakan untuk merompak. Begitu juga senjata tiruan telah begitu popular digunakan dalam sukan *paintball*. Dalam satu tangkapan yang dilakukan oleh PDRM pada Februari yang lepas, seramai 18 orang telah ditahan di Jementah, Johor kerana berlatih ala tentera menggunakan senjata tiruan ini. Kebanyakan senjata tiruan ini boleh diperolehi secara pembelian melalui *internet*.

Saya juga ingin menyarankan langkah tindakan yang tegas juga perlu diambil terhadap penjualan bahan video yang berunsurkan keganasan yang mudah didapati secara haram dan terbuka. Perkara ini perlu diberi perhatian serius kerana video ganas yang melibatkan permainan video yang mengguna senjata boleh membentuk sahsiah yang negatif di kalangan kanak-kanak dan remaja sehingga boleh mendorong mereka berlagak sebagai samseng, penjenayah atau pengganas.

Akhir sekali, saya mengharapkan rang undang-undang yang hendak dipinda ini boleh membawa kebaikan dan memperkukuhkan lagi perundangan berhubung kesalahan bahan-bahan hakisan dan letupan senjata berbahaya. Namun begitu, tanpa komitmen dan langkah penguatkuasaan yang efektif oleh agensi-agensi penguatkuasaan secara bersungguh-sungguh, undang-undang yang

digubal ini tidak akan memberi impak yang berkesan bagi menurunkan kadar yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hasrat dan tujuan untuk memberi laluan rakan-rakan untuk sama-sama dapat mengambil bahagian dalam rang undang-undang ini, jadi setakat itu saja perbahasan saya. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Puan Hajah Mariany. Silakan Yang Berhormat.

4.36 ptg.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas pindaan Akta Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958, [Akta 357].

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, trend jenayah berat di Malaysia amat menakutkan rakyat Malaysia. Trend penggunaan bahan kimia kakisan, bom, petrol, bahan letupan dan penggunaan senjata berbahaya merencat keselamatan dan ketenteraman awam. Ditambah pula dengan pertambahan kes-kes bunuh, rompakan dan pergaduhan kumpulan kongsi gelap dan samseng jalanan menyebabkan pindaan bagi peruntukan hukuman yang lebih berat dikenakan adalah disokong sepenuhnya.

Saban hari kita mendengar berlakunya kes rompakan dan samun mengguna senjata berbahaya. Setiap hari juga kita baca di akhbar kes-kes keganasan sosial dan rumah tangga menggunakan bahan kakisan dan senjata berbahaya sebagai senjata bagi mencederakan individu yang mana berlaku salah faham dan dendam.

Dalam pemerhatian saya, walaupun pindaan ini memperuntukkan hukuman penjara yang lebih lama iaitu melebihi lima tahun dan tidak melebihi sepuluh tahun, saya berpandangan pelaku atau orang yang kena tuduh di bawah peruntukan akta ini belum lagi mencukupi dan tidak setimpal dengan kecederaan dan tahap kesengsaraan kekal yang dihadapi mangsa. Bagi kes simbahan asid di Kampung Legeh, Jeli pada 1 Ogos 2005, seorang tentera disimbah asid oleh isterinya. Selepas itu pada 9 Julai 2013, di Bau, Sarawak, seorang isteri disimbah asid atau cuka getah kerana cemburu, merupakan kes dendam yang mana pesalah komited menggunakan bahan kakisan sebagai senjata untuk mencederakan mangsa.

Oleh kerana kesan ke atas mangsa amat teruk dan kecederaan ini merupakan kes kehilangan keupayaan kekal, saya ingin mencadangkan agar pesalah yang didapati bersalah dikenakan tambahan hukuman sebatan. Bagi tujuan langkah kawalan, saya memohon agar KDN menguatkuasakan satu perintah bagi kawal selia dari segi pembekalan dan penyimpanan asid atau bahan kakisan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama seksyen 2 dan seksyen 12, Akta 357 ini di semua institusi awam terutamanya institusi pendidikan seperti di sekolah dan IPT. Ini kerana risiko kecurian dan salah guna ke atas inventori bahan kakisan terpelihara dan mekanisme kawalan dan akauntabiliti pegawai penjaga stor dipelihara.

■1640

Suka saya mencadangkan agar inventori bahan kakisan dan letupan ini dijadikan sebagai peruntukan untuk kemas kini inventori stok simpanan dan penggunaan secara statutori. Oleh yang demikian, audit penggunaan dan kawalan secara *self regulation*, dengan izin, dikuatkuasakan agar elemen penyelewengan bahan merbahaya ini dikawal sepenuhnya, rangkaian edaran dan penggunaannya.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini kita dapati pergerakan militan dan kongsi gelap telah menunjukkan trend peningkatan dan pertumbuhan yang lebih agresif. Pergaduhan dan persengketaan di kalangan kongsi gelap dan pertubuhan jenayah terancang haram telah mengundang kebimbangan yang amat ketara dalam masyarakat. Minggu lepas, penangkapan kumpulan militan Malaysia yang bergiat di bawah panji-panji jihad Islam menyebabkan perlunya pindaan akta ini dibuat dan hukuman yang dikenakan semaksimum mungkin bagi memberikan tekanan statutori terhadap bakal pelaku dan penjenayah.

Untuk itu adalah dicadangkan Kementerian Dalam Negeri melihat semula garis panduan perlu ataupun SOP yang lebih wajar bagi anggota keselamatan dan pengawal bersenjata yang menyelenggarakan atau menggunakan senjata api di tempat awam. Saya mempunyai pengalaman di mana semasa bersarapan pagi dan dalam kesibukan ramai orang awam mengerumuni gerai jualan nasi lemak dan sarapan pagi, anggota peronda polis yang membawa selaras senapang automatik mesingan yang disandang di bahu beliau berebut-rebut bersama orang awam untuk mengambil makanan.

Apakah jadi sekiranya senjata tersebut direbut oleh penjenayah dan letupan berlaku secara tiba-tiba dengan tidak sengaja ataupun sengaja? Sebagai contoh, kes di Perak pada Oktober 2013, seorang sarjan polis tertembak seorang budak berumur sepuluh tahun di Parit yang menyebabkan kecederaan parah di leher. Terdapat juga kes pengawal tertembak secara tidak sengaja di Georgetown pada 30 Oktober 2013. Jadi kes sebegini mengancam keselamatan awam.

Oleh itu saya memohon penjelasan dari kementerian apakah langkah yang perlu diambil bagi mengelak kejadian ini berulang. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang pertikaian di antara PDRM dengan pengusaha aktiviti sukan lasak *paintball gun* terutamanya penggunaan senjata tiruan. Adakah semua pengguna senapang *paintball* ini perlu mendapat lesen dan kebenaran bertulis dari PDRM? Terdengar banyak pertikaian tentang kes aktiviti sukan lasak ini. Saya ada dua soalan lagi iaitu apakah status alat sukan *paintball* yang dikenali sebagai *paintball marker* ini? Adakah ia di bawah Akta Senjata Api 1960? Soalan kedua, adakah ia jatuh di bawah maksud senjata ataupun ia jatuh dalam definisi senjata tiruan?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan dan dimaklumkan bahawa sukan ini semakin popular di Malaysia terutamanya di kalangan orang muda. Sehingga kita mampu menjadi penganjur, menjadi tuan rumah kepada pertandingan *paintball* peringkat antarabangsa. Dengan ini ia membawa aliran masuk mata wang asing seterusnya menggalakkan industri pelancongan negara. Oleh itu saya mohon isu *paintball* ini perlu diberi perhatian dengan wajar dan segera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Puan Roslin binti Abdul Rahman. Dipersilakan, Yang Berhormat.

4.44 ptg.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana telah memberi peluang kepada saya bagi membahaskan Rang Undang-undang Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya (Pindaan) 2013 ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah mengambil inisiatif dalam penambahbaikan dengan membuat pindaan terhadap akta ini. Isu keselamatan menjadi topik yang hangat. Pelbagai usaha telah pun dilakukan. Hasilnya pada tahun lepas pihak kerajaan khususnya polis telah berjaya mengurangkan kadar jenayah sebanyak 4.3% daripada 153,669 kes kepada 147,062 kes. Kadar jenayah ini merupakan satu indikasi kepada umum tentang komitmen kita dan keseriusan pihak berkuasa. Sungguhpun begitu, bukan setiap kes itu dilakukan oleh seorang penjenayah. Banyak kali kita mendengar bahawa seorang penjenayah melakukan pelbagai kes berkali-kali.

Contohnya saya ambil adalah beberapa tahun dahulu kisah di tempat saya yang terkenal dengan kes 'Bentong Rambo'. Kes ini terjadi meliputi pencerobohan, rompakan, pukul, rogol dan bunuh. Mangsanya adalah terdiri daripada kanak-kanak sehingga kepada wanita dewasa, tidak mengenal usia dan tidak mengenal bangsa dan juga agama. Pihak polis mengambil bertahun-tahun untuk menjejaki penjenayah ini, namun sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga.

Apa yang ingin saya menarik perhatian Dewan ini adalah penjenayah itu bukan sebarang orang. Dia seorang yang memang dilatih untuk menyerang dan juga membunuh. Beliau seorang yang dilatih menggunakan senjata. Beliau seorang yang tahu selok-belok menjejaki musuh. Beliau seorang bekas komando. Dalam kata lain, beliau seorang profesional. Mungkin ini kes yang terpencil namun hakikatnya di luar sana. Kami pasti pihak polis semakin tercabar dengan pelaku-pelaku penjenayah yang semakin luar biasa kemahirannya. Sekali-sekala kita baca di dada akhbar kerap berlaku penglibatan anggota bersenjata dalam kejadian jenayah, rompakan, pukul dan kes-kes penderaan. Sehubungan dengan itu, saya berharap pihak berkuasa dapat mempertingkatkan lagi pengawasan terhadap golongan-golongan yang saya sebutkan tadi.

Semoga dengan penambahan hukuman yang bakal diluluskan nanti dapat membendung kejadian keganasan menggunakan bahan kakisan, letupan dan juga senjata berbahaya. Mohon juga supaya pihak kehakiman meletakkan hukuman maksimum kepada pesalah-pesalah khasnya di kalangan orang yang beruniform ini.

Pada 8 Ogos 2011, saya ingin nyatakan bahawa lima orang konstabel polis telah pun merompak bersenjata 16 warganegara Bangladesh yang melibatkan RM34,516. Mereka ini daripada Balai Polis Dang Wangi. Pada 14 November 2012, dua orang Lans Koperal polis telah pun merompak wang tunai sebanyak RM2,400 di Seksyen 27 Shah Alam. Pada 19 Mac 2014, koperal polis berumur 53 tahun daripada IPD Petaling Jaya merompak di Putrajaya. Pada 5 Mei 2009, ASP polis berumur 54

tahun dari IPD Cheras merompak sebanyak RM10,000 di Wangsa Maju. Pada 23 Jun 2008, Prebet tentera berumur 24 tahun dari Rejimen Semboyan Diraja Sungai Ara Pulau Pinang merompak RM3,000 di Jalan Padang Tembak, Kota Bharu, Kelantan. Pada 21 Ogos 2011, seorang Staf Sarjan Renjer mati ditembak semasa merompak bersenjata di sebuah *cybercafe* di Sungai Buloh.

Ini tidak termasuk para sukarelawan perang rakyat Malaysia yang berperang di Afghanistan, Libya dan juga di Syria. Mereka ini adalah orang-orang yang mahir menggunakan senjata. Dalam seni mempertahankan diri, mahir membuat bom, mahir dalam kerja-kerja sabotaj. Sedikit masa dulu iaitu pada 9 November 2005, kita telah digemparkan oleh kejayaan polis Indonesia berjaya menembak mati pakar bom Jemaah Islamiyah, Azhari Hussain. Begitu juga sahabat beliau di Afghanistan iaitu Nordin Mat Top. Pada 28 Oktober 2012, dua orang rakyat Malaysia ditangkap di Lebanon atas tuduhan sebagai pengebom berani mati Al-Qaeda dan terbaru pada 29 April 2014, lima orang *jihadis* turut ditangkap di KLIA apabila sedang dalam perjalanan ke luar negara untuk menjalankan misi Al-Qaeda.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengaitkan lagi kepada ramainya pendatang asing dalam negara kita. Saya memikirkan pernahkah kita tahu latar belakang mereka yang ramai ini? Pernahkah kita mendengar bahawa ada di kalangan mereka ini merupakan pakar senjata dan pakar bom dari pelbagai negara seperti dari Yaman, Lembah Kandahar, Afghanistan atau dari kawasan bergolak di Congo. Ada juga bekas pejuang PULO iaitu di Selatan Thailand. Ada juga pejuang MILF daripada Filipina malah ada juga adalah anggota kumpulan Katil Dadah daripada Colombia. Pada 21 Oktober 2012, empat orang rakyat Colombia melakukan rompakan bersenjata di Kuala Lumpur berjaya ditangkap.

■1650

Pada 23 Oktober 2013, seorang pengawal keselamatan dipercayai rakyat Filipina menembak mati seorang eksekutif bank dalam satu rompakan. Pada 4 April 2014, dua orang warganegara Indonesia mati terbunuh sejurus merompak barang-barang kemas di Kota Warisan, Sepang. Sehubungan dengan serangan bahan hakisan seperti asid juga, saya ingin kaitkan dengan 25 kes serangan asid di ibu kota tidak lama dahulu, hanya empat kes daripada 58 kes serangan antara tahun 2009 sehingga 2011 dapat diselesaikan.

Kesan daripada serangan ini amat menyakitkan selain berubah wajah, ia juga memberi kesan trauma sepanjang hidup. Serangan asid ini juga menular dalam keganasan rumah tangga. Pada 9 Julai 2013, seorang suri rumah tangga melecur 70% disimbah asid oleh suaminya di Bau Sarawak. Pada 15 Ogos 2010, seorang ibu dan anaknya disimbah asid sehingga 60% melecur akibat pertengkaran bersama suami gara-gara wang RM30 di Sekayu, Hulu Terengganu. Malah ada juga kes isteri menyerang suami seperti di Kota Bharu pada 10 Ogos 2011.

Akhir sekali, memandangkan kesalahan-kesalahan di atas amat berat, maka penalti yang tinggi amat perlu dilaksanakan kepada pesalah-pesalah di atas. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kita ada dua lagi yang hendak berbahas iaitu Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud dan yang terakhir sekali Datin Rahimah binti Haji

Mahamad. Selepas itu kita akan minta Menteri menjawab. Silakan Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud.

4.51 ptg.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berbahas secara ringkas sahaja. Namun yang penting dalam mana-mana undang-undang ialah sesuatu yang dilakukan untuk menyekat dari perbuatan itu berulang. Walau pun begitu, kalau kita perhatikan memang bagaimana sekalipun undang-undang itu berat, manusia masih meneruskan kegiatan-kegiatan jenayah.

Saya bersetuju dengan beberapa orang Senator sebelum ini yang menimbulkan soal bagaimana media elektronik khususnya dan alat-alat seperti komputer ini boleh mempengaruhi fikiran anak-anak bermula daripada mereka kecil lagi. Permainan-permainan atau *games* dengan izin, yang dipaparkan dalam komputer itu sebenarnya seolah-olah mendidik anak tersebut supaya menjadi seperti mana yang dipaparkan oleh watak dalam *game* tersebut. Ertinya kalau dia boleh melawan satu watak dan dia menang dengan markah yang tinggi, maka ini akan menimbulkan semacam kebanggaan bagi dia.

Tuan Yang di-Pertua, apakah alat-alat ataupun *sample* yang digunakan di dalam *game* tersebut? Tentulah bahan-bahan yang berbahaya. Kadang-kadang kita lihat bahawa anak cucu kita bermain dengan *game* tersebut dan ia menjadi kebanggaan sekiranya ada letupan berlaku. Maka seluruh *screen* atau layar komputer tersebut menjadi merah, hitam atau sebagainya. Ini pada hemat saya patut dilihat secara hati-hati kerana bermula dari usia lima, enam, tujuh tahun sehingga mereka menjadi remaja, mereka telah didedahkan dengan hal-hal seperti mana yang saya sebutkan tadi.

Kemudian, saya juga tertarik dengan *point* yang disebut tadi mengenai bahan letupan. Setiap kali kita ada perayaan sama ada sambutan Hari Raya Aidilfitri ataupun Tahun Baru Cina dan sebagainya, kita dihidangkan dengan letupan-letupan bermula daripada sehari sebelum sambutan sehinggalah beberapa hari selepas itu. Apa yang berlaku? Perkara yang berlaku ialah sebahagian daripada orang yang sangat mempunyai bakat dan inovatif menggunakan bahan-bahan ini untuk maksud lain. Tadi dikatakan bahawa sebahagian daripada letupan yang digunakan untuk menangkap ikan adalah dihasilkan daripada bahan-bahan tersebut.

Soalnya ialah bagaimana ini boleh berlaku? Apakah kita membenarkan penggunaan ataupun membenarkan permainan mercun atau bunga api ini pada setiap kali kita ada perayaan di Malaysia ini? Kalau jawapannya ya, apakah kaitannya dengan apa yang sedang kita bincangkan ini? Saya sangat berharap supaya ada kajian yang menyeluruh dalam perkara ini kerana sebahagian daripada apa yang kita lakukan ini selain daripada berbahaya, ia juga membazir.

Kadang-kadang kita perhatikan bahawa perayaan itu tidak ada kena-mengena dengan letupan, tidak ada kena-mengena dengan bunga api misalnya. Kalau dalam tradisi Islam itu bukan, tidak ada kena-mengena langsung. Akan tetapi kita seolah-olah menganggap bahawa kalau tidak ada perkara-perkara ini maka tidak meriahlah perayaan tersebut. Jadi dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, inovasi

ataupun kebolehan orang-orang tertentu menggunakan bahan-bahan ini dan menyalahgunakannya boleh mendatangkan mudarat.

Ketiganya adalah mengenai penggunaan senjata palsu atau senjata tiruan yang telah pun disebut oleh beberapa orang Senator sebelum saya tadi. Penggunaan ini digunakan untuk tujuan jenayah. Mereka menggunakan untuk merompak, meragut dan sebagainya kerana pada dia, kalau misalnya dalam keadaan yang terdesak dia boleh buang sahaja alat tersebut kerana nilainya tidak seberapa.

Namun ia cukup untuk menakutkan terutama sekali golongan atau pihak yang memang merasa ngeri dengan senjata-senjata dan yang tidak tahu sama ada itu palsu atau tidak. Bahan kerosin ataupun bahan kakisan ini juga merupakan satu perkara yang perlu dilihat secara serius. Kita tahu bahawa untuk mengawal sempadan ini bukan perkara yang mudah. Negeri atau negara seperti Amerika Syarikat sendiri yang mempunyai alat yang canggih, yang mempunyai kekuatan dari segi ketenteraan, kepolisian dan juga polis sempadan misalnya berhadapan dengan masalah terutama sekali dengan jiran mereka di selatan. Ini bukan perkara yang mudah dan belanjanya juga mahal. Namun kalau kita mengambil satu pendekatan bahawa apa yang kita boleh buat, ini sahaja, tidak boleh lebih daripada itu maka hal-hal yang membawa kepada kemudatan rakyat ini akan berterusan.

Saya ingin menyatakan bahawa mereka yang bertugas di sempadan itu telah melakukan sebaiknya. Namun pada hemat saya, perlu diperbanyakkan lagi, perlu dipertingkatkan lagi, perlu peruntukan yang lebih kepada anggota-anggota yang bertugas di sempadan dengan alat-alat yang lebih baik, yang lebih canggih yang mana ini adalah suatu keperluan. Nyawa dan tubuh badan ini tidak ada nilai.

■1700

Ertinya, kematian tidak boleh dinilai. Maka hal demikian, kalau misalnya peruntukan yang diperlukan untuk memastikan bahawa sempadan kita sama ada di Perlis, Kedah, Perak, Kelantan kemudian di Sarawak, di Sabah dan sebagainya perlu dipertingkatkan, saya cadangkan kepada kementerian dalam bajet yang akan datang ini meningkatkan jumlah wang supaya pegawai-pegawai dan kakitangan kita dapat bertugas dengan lebih yakin dan dengan lebih efisien lagi. Ertinya, seperti yang saya katakan tadi bahawa kita tidak boleh berkompromi dalam soal yang boleh mendatangkan kemudatan kepada nyawa dan juga harta benda kita di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh mengenai hukuman ini. Ertinya sama ada lima tahun, sepuluh tahun atau sebagainya ini memadai atau tidak. Ini juga satu hal yang perlu kita lihat. Memanglah usaha daripada kementerian ini untuk memastikan bahawa peningkatan denda, peningkatan pemenjaraan ini adalah untuk memastikan bahawa tidak akan ada orang berani untuk melakukannya. Namun, ia seperti yang saya katakan tadi tidak boleh menjamin akan berlaku pengurangan. Walaupun kita lihat ada banyak undang-undang yang kita perkenalkan, kita luluskan, namun kadar kadangkala meningkat dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan bahawa usaha yang dilakukan oleh kementerian ini adalah satu usaha untuk membendung jenayah, untuk memastikan bahawa jenayah tidak berterusan terutama sekali dalam hal penggunaan

senjata dan juga dalam hal penggunaan bahan-bahan kakisan dan letupan yang boleh memudaratkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Selepas Datin Rahimah binti Haji Mahamad, kita ada dua lagi Yang Berhormat yang telah menghantar nama secara *last minute*. Saya benarkan kerana Yang Berhormat ini berjanji akan berbahas secara ringkas. Selepas itu saya tidak akan terima lagi sebab saya sudah awal-awal lagi mohon kerjasama Yang Berhormat supaya menghantar nama dengan lebih awal supaya senang kita mengatur masa.

Teruskan Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

5.03 ptg.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut berbahas dalam meminda Akta Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958. Bahan letupan bahaya sekarang yang banyak diguna oleh pengganas kebanyakannya adalah yang *diimprovise* atau dalam bahasa Inggeris dengan izin, *Improvised Explosive Device* (IED). Bahan letupan ini dibuat menggunakan bahan yang tidak berbahaya pada bentuk asalnya, tetapi telah di campur dan direka sebegitu rupa akan menjadi satu bahan letupan yang boleh menimbulkan kerosakan besar.

Kerajaan perlu memastikan anggota dan unit mengendalikan kes-kes sebegini mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam mengenal pasti bahan-bahan asas tertentu yang digunakan untuk membuat IED ini. Pemantauan perairan dan pintu-pintu masuk negara juga perlu disegerakan dan meletakkan anggota khusus bagi pencegahan penyeludupan senjata sebegini. Penubuhan ESSCOM di Sabah amat kita alu-alukan, tetapi sehingga kini pencapaian dan keberkesanan mereka masih belum mantap dan tragedi penculikan serta penyeludupan masih berlaku seperti sebelum ESSCOM ditubuhkan. Kerajaan perlu menambah keupayaan ESSCOM dengan peralatan canggih dan anggota yang lebih terlatih. Ini kita tahu kerana kegiatan militan sama ada di Selatan Filipina telah dan boleh mengancam keselamatan negara. Bahan buatan sendiri atau IED dan lain-lain akan dapat membolosi kawasan sekiranya ia dipandang ringan.

Saya masih percaya undang-undang pencegahan adalah lebih baik dan lebih berkesan untuk menangani sesuatu yang bakal berlaku. Oleh itu, saya berpendapat sekiranya didapati mempunyai bahan-bahan yang dijangka boleh membuat letupan atau senjata pemusnah dalam kualiti yang meragukan dan sebagainya, maka pihak berkuasa perlu diberi mandat untuk menangkap dan menyiasat.

Akhirnya, walau seberat mana hukuman, kita tahu jenayah tetap akan berlaku. Tidak semestinya menjadi penghindar kepada penjenayah tegar dan jenayah terancang. Oleh kerana itu, undang-undang pencegahan amat perlu bagi mencegah sebelum nasi menjadi bubur. Sekian, *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin. Silakan Yang Berhormat Datuk Megat.

5.07 ptg.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kerana membenarkan. Saya berjanji akan menyelesaikan dalam masa yang cukup pendek, lima minit.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong rang undang-undang ini. Namun demikian saya ingin mencadangkan, kita faham undang-undang ini hendak digubal ialah supaya kita dapat dengan izin, *prevention is better than cure*. Ini sebab kita hendak pastikan negara ini selamat. Jadi, mereka tidak bebas membawa senjata berbahaya ke sana ke mari. Namun demikian, ada beberapa perkara yang perlu dilihat semula ialah kalau ada seseorang individu itu membawa senjata berbahaya, berkeliaran dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur ini. Mungkin membawa senjata berbahaya seperti dalam demonstrasi 1 Mei baru-baru ini, itu memang boleh mendatangkan kemudaratannya kepada masyarakat.

Akan tetapi bagaimana mereka yang berada di luar bandar seperti rakan-rakan kita, orang-orang Asli contohnya yang sememangnya mereka membawa senjata seperti parang, kembali daripada menebas, membersihkan kebun mereka dan mungkin mereka dalam perjalanan pulang berhenti untuk minum dan sebagainya. Jadi mungkin ada kajian tertentu ataupun pengecualian tertentu kepada mereka ini. Ini sebab pastinya senjata yang dibawa itu tidak akan memudaratkan sesiapa, alahan ia adalah untuk kegunaan mereka sendiri.

Keduanya ialah soal ESSCOM tadi tetapi sudah disebut oleh Yang Berhormat Datin. Soal ESSCOM ialah berkenaan yang terbaru sedikit Tuan Yang di-Pertua, yang terbaru ini kita dikejutkan lagi sekali dengan penculikan yang terbaru, semalam. Ini telah juga menimbulkan kerisauan kepada pelancong dalam negara. Saya faham dan amat percaya kerajaan telah berusaha bersungguh-sungguh supaya setiap rakyat, pelancong dalam negara ini akan merasa selamat. Akan tetapi bila ESSCOM ini dilaksanakan, ia tiba-tiba telah menimbulkan juga kerisauan mereka yang datang kepada negara ini. Saya ingin mencadangkan, mungkin pada pandangan saya, ESSCOM ini kita tahu dianggotai oleh APMM, polis, tentera dan sebagainya tetapi Ketua Pengarahnya adalah merupakan daripada bekas Pengarah Imigresen. Mungkin di situ tidak ada kolaborasi, dia tidak faham mungkin soal-soal keselamatan.

■1710

Jadi, yang dia hendak pimpin ini adalah daripada APMM, polis dan tentera. Mungkin boleh difikirkan kembali bagaimana yang memimpin ESSCOM ini adalah mestilah mereka daripada individu yang mahir soal keselamatan. Sebab kita khuatir dengan berlakunya penculikan secara berleluasa ini. Akan tetapi kalau kita tengok, kita tahu ada kawasan-kawasan tumpuan- *high risk area*, dengan izin, mungkin di situ boleh kita berikan keselamatannya, kawalan yang lebih lagi. Jadi, kita tidak hendak

akhirnya kerana isu ini, negara kita turut tercemar nama baiknya. Walhal selama ini pelancong, rakyat seperti kita ini rasa selesa, selamat bila berjalan dalam negara kita sendiri.

Jadi, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon untuk bagaimana kalau dapat dikaji semula. Terima kasih, dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullaahitaala wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Yang terakhir sekali dipersilakan Tuan Saiful Izham. Yang Berhormat, saya beri pertimbangan kerana memandangkan ini perbahasan Yang Berhormat yang terakhir, jadi saya mohon kerjasama juga buat secara singkat ya Yang Berhormat ya.

5.11 ptg.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membenarkan saya terlibat dalam perbahasan untuk meminda akta yang sebenarnya lebih penting daripada akta yang sebelumnya, iaitu Akta Bahan Kakisan dan Bahan Letupan dan Senjata Berbahaya 1998, kerana akta sebelumnya lebih melibatkan kepada soal emolument tetapi akta ini melibatkan kepada soal hukuman terhadap pesalah-pesalah yang telah banyak membawa masalah kepada negara.

Secara premisnya, seperti yang sebelumnya, saya bersetuju dengan pindaan ini kerana pindaan ini asasnya bertujuan untuk menaikkan penalti bagi kesalahan membawa senjata berbahaya di tempat awam, kerana ada perbezaannya ya. Membawa senjata berbahaya di tempat awam, dan juga membawa senjata yang disifatkan sebagai berbahaya di tempat biasa.

Terutamanya berkaitan dengan tempoh pemenjaraan. Kalau sebelum ini maksimumnya ialah sehingga dua tahun, kalau didapati bersalah mungkin dipenjarakan setahun. Ada diskaun 1/3, jadi kurang daripada setahun. Pindaan ini ialah pindaan yang sangat ringkas tetapi kesannya cukup mendalam. Sebelum dari ini saya katakan tadi hukumannya tidak melebihi dua tahun. Ianya seolah-olah memberikan mesej kepada pelaku-pelaku kesalahan jenayah bahawa ini adalah jenayah yang tidak serius sehingga melibatkan peningkatan pelbagai bentuk serangan yang menggunakan bahan kakisan seperti asid di dalam masyarakat terutamanya dalam kes-kes yang melibatkan soal perbalahan keluarga atau pun perbalahan peribadi. Apa yang orang lupa ialah kesan traumanya yang berpanjangan dan mendalam kepada mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes-kes seperti ini, mangsa menerima kesan seumur hidup tetapi pesalahnya dipenjarakan dalam tempoh yang singkat, bebas dan berkemungkinan sekiranya tidak insaf, akan melakukan sekali lagi serangan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, pentingnya pindaan ini kerana kita mahu kerajaan memberikan mesej yang jelas tentang tahap keseriusan kerajaan untuk memerangi pelbagai bentuk jenayah. Kalau saya secara peribadi, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan agar penguatkuasaannya juga bersifat retrospektif, di awalkan- terutamanya dalam kes-kes terbaru yang melibatkan serangan asid kepada kaum wanita, kecacatan kekal yang tidak mungkin dapat dipulihkan hatta melalui pembedahan plastik.

Kalau ikut saya Tuan Yang di-Pertua, bagi pelaku-pelaku serangan jenayah seperti ini, sepatutnya ada peruntukan tambahan yang melibatkan hukuman sebatan kepada pesalah-pesalah seperti ini. Ini baru serius kita hendak kuatkuasakan undang-undang berbentuk jenayah, kerana kalau tidak ada mesej yang serius dan jelas, pesalah-pesalah seperti ini akan terus berleluasa kerana mereka menganggap, masuk dua tahun diskaun 1/3, dia keluar. Yang kena simbah asid cacatnya seumur hidup. Terutamanya kaum wanita. Majoriti mangsa serangan asid ialah kaum wanita, terutamanya yang melibatkan kawasan-kawasan pedalaman.

Jadi, walaupun pindaan ini hanya melibatkan tentang membawa senjata seperti ini di kawasan tempat umum, ianya juga harus diambil kira tentang penggunaannya. Mungkin perlu ada pindaan tambahan oleh pihak kerajaan bagi menambahkan hukuman terhadap kesalahan yang dilakukan. Ini kesalahan membawa sahaja. Bukan lagi kesalahan serangan. Kesalahan serangan itu di bawah akta yang lain kalau tidak silap saya.

Jadi, saya secara prinsipnya, saya menyokong penuh, dan juga saya mencadangkan agar pihak kerajaan terus membuat pindaan supaya hukuman ini jauh lebih keras daripada sebelumnya. Ini perkara yang agak berbeza daripada prinsip saya sebelum ini. Kerana bagi saya sebagai pengamal undang-undang, kita sudah melihat terlalu banyak kes yang kadang-kadang kalau kita hendak ceritakan di dalam Dewan yang mulia terlalu sedih. Ada pesalah dibicarakan di mahkamah selepas dijatuhkan hukuman dia terima dengan senyuman, dan di depannya ialah mangsa yang cacat seumur hidup. Kerana itu, pindaan-pindaan seperti ini mesti diteruskan oleh pihak kerajaan supaya mesej kepada pesalah, dan bakal-bakal pesalah, sampai dengan jelas dan tegas.

Selain daripada itu, penguatkuasaannya juga harus dipertegaskan kerana kita tahu ada kes-kes di mana siasatan yang berkaitan dengan serangan-serangan berbentuk ini, bila masuk dalam mahkamah, pendakwa raya tewas kerana proses siasatan yang dilakukan oleh pihak polis, dan seterusnya diserahkan kepada pihak pendakwa raya dilakukan sambil lewa, meninggalkan fakta-fakta yang penting, sehingga menyebabkan kes dibuang daripada pendakwaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini mewakili Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Yusof Husin mengucapkan terima kasih kepada semua khususnya kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua kerana memberikan kerja sama yang baik kepada kami. Walaupun kadang-kadang kita ada berbalah, tetapi kita lakukan semua itu untuk kebaikan Dewan. Kita berharap proses reformasi Dewan ini berterusan. Kita tidak mahu lagi mesej yang tidak jelas kepada masyarakat kononnya Dewan ini hanyalah *rubber stamp*. Kita yakin ini Dewan yang tertinggi, integritinya harus dijaga. Ini Dewan yang terbaik untuk kita perjelaskan dengan secara lebih berhemah, perkara-perkara penting yang kita akan putuskan demi kesejahteraan rakyat.

Saya juga ingin memohon maaf kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, sekiranya ada yang terguris hati atau terusik jiwa. Kadang-kadang perbahasan kita ini agak bersifat tegas, tetapi niat kita adalah jelas. Kita mahukan yang terbaik daripada kalangan yang baik-baik, dikeluarkan dari dalam Dewan ini, dan keputusan yang terbaik dicapai oleh semua.

Saya juga ucapkan terima kasih kepada seluruh petugas Dewan yang banyak memberikan kerjasama kepada kami sepanjang tempoh perkhidmatan ini, dan saya mendoakan agar Dewan yang mulia ini dapat terus bertahan, dan kembali kepada prinsip asas Perlembagaan yang mana Dewan ini ditubuhkan puluhan tahun lalu sebagai proses *check and balance* kepada Dewan Rakyat yang kadang-kadang..., hum saya nak kata macam mana ya, yang perbahasannya kadang-kadang di luar batas kewarasan. Itu sahaja.

Terima kasih dan terima kasih semua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*
[Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga doakan yang terbaik untuk Yang Berhormat dan terima kasih atas segala kerjasama Yang Berhormat selamanya.

Dengan itu tadi berakhirlah sesi perbahasan bagi Rang Undang-undang Bahan-bahan Kakisan, dan Letupan dan Senjata Berbahaya (Pindaan) 2013. Seramai sembilan orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan rang undang-undang ini dan sampailah masanya kita mendengar jawapan dari pihak kementerian. Silakan Yang Berhormat Menteri.

5.19 ptg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, saya ingin mengucapkan syabas, terima kasih kepada sembilan orang Ahli-ahli Yang Berhormat senator yang berucap. Daripada ucapan-ucapan yang saya dengar tadi, saya juga bagi pihak kementerian dan kerajaan mengucapkan jutaan terima kasih. Tidak seorang pun yang membantah.

■1720

Kalau macam inilah rasanya memang apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham tadi, memang betul apa kata beliau bahawa Dewan Negara yang kita tubuhkan pada 11 September 1959 ini sebagai pengimbang kepada apa yang berlaku di Dewan Rakyat. Tadi saya mendengar amat banyak perkara-perkara yang amat menarik dan memberangsangkan daripada sudut undang-undang yang kita bentangkan di Dewan ini pada hari ini. Untuk merumuskan sedikit perkara yang am khususnya Tuan Yang di-Pertua, biar saya sebutkan undang-undang yang ada di sebut dalam perbahasan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian tadi, yang saya akan ulas secara umum.

Pertamanya, soalan interpretasi undang-undang. Interpretasi senjata berbahaya di dalam undang-undang ini selain daripada Yang Berhormat Tuan Saiful yang mempunyai latar belakang perundangan, yang memang mengetahui daripada sudut interpretasinya. Adalah dua Tuan Yang di-Pertua, yang pertama ialah bahawa undang-undang ini memberikan takrifan di bawah seksyen 2- dua jenis senjata berbahaya. Yang pertama adalah senjata berbahaya yang saya baca dalam bahasa Inggeris, minta maaf. Tidak ada naskhah Bahasa Melayu, mungkin undang-undang ini pun sahinya masih dalam bahasa Inggeris kerana penterjemahan dalam Bahasa Melayu belum lagi dianggap sah.

Jadi, saya menggunakan interpretasi ini, "*Offensive weapon includes any instrument which if used as a weapon of offence is likely to cause hurt*". Jadi, persoalan Yang Berhormat bangkitkan

berhubung dengan senjata ini ialah tidak kira apa senjata Yang Berhormat, ada yang menyoal tadi saya terlupa. Tidak kira apa barang, alat, perkakas, benda yang nampaknya bukan *per se* sebagai senjata berbahaya tetapi kalau digunakan *in such a way* dengan sedemikian rupa mendatangkan sakit, luka kepada orang lain ia boleh *diinterpretkan* sebagai senjata berbahaya. Saya ambillah *laptop* ini umpamanya, saya gunakan untuk memukul sesiapa sahaja, jadi dengan sendirinya *laptop* ini pun boleh ditakrifkan sebagai senjata berbahaya kalau interpretasi ini diguna pakai. Jadi, maknanya apa sahaja yang kita pakai boleh digunakan dua takrifan ini, boleh dipakai.

Kedua ialah, "*Scheduled weapon, mean any offensive weapon specified in the Second Schedule*". Jadi *Second Schedule* ini pula banyak senarai, ada 12 kalau tidak salah saya- ya 12 ya, ia panjang. Jadi, tidak perlulah saya baca, ia ada pada muka surat 11. Undang-undang ini sedikit sahaja sebenarnya, 12 seksyen termasuklah *knife*", *flip knife*, *any* bermacam-macam *knife*, *knuckle duster* yang dikatakan penumbuk tadi, *whip* atau orang Sarawak kata, "cabuk".

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya faham itu Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya faham apa cabuk itu.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: [Ketawa] Faham orang Sarawak. *Any small act, knife like sword*, keris, parang dan sebagainya. Jadi banyak di bawah *schedule* ini. Barang siapa yang hendak membeli, hendak mengimport, membawa, menyimpan, hendak *display* untuk apa sahaja kegunaan yang masuk dalam *schedule* ini, kalau hendak membeli itu perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak Kementerian Dalam Negeri.

Jadi pada masa sekarang kalau Yang Berhormat ada yang berminat, saya *sign* tetapi di proses oleh pegawai-pegawai kementerian dahulu, melihat latar belakang. Kalau Yang Berhormat mungkin tidak bersalah, kalau orang lain, disemak latar belakang dia daripada sudut jenayah dan keselamatan, sama ada dia layak menyimpan satu-satu senjata yang *declassified* di bawah *Schedule* atau di bawah Jadual sebagai senjata berbahaya barulah diberikan permit untuk dia membeli, umpamanya hendak membeli keris di Jakarta, untuk bawa balik. Jadi tidak boleh melainkan ada permit terlebih dahulu, kalau tidak akan ditahan oleh kastam. Kalau dibawa dahulu, ditahan kastam, kena tunjuk permit sebelum ia boleh dibawa keluar. Jadi ini interpretasi itu.

Kedua, dalam Jadual Pertama ialah barang-barang seperti sulfurik asid, nitrik asid, *hydrochloride acid*, *acetic acid*. Ini juga perkara yang di bawah *Schedule* undang-undang ini.

Jadi Yang Berhormat sekalian. dan Tuan Yang di-Pertua, bahawa undang-undang kita mencukupi tetapi ada juga *control* umpamanya bahan-bahan ini, penjualan dan sebagainya, *control* itu di bawah kementerian lain dan bukannya di bawah KDN, Yang Berhormat. Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya berjanji tidak berapa lamalah, sama-samalah kita dapat bersembahyang maghrib sebelum saya menghabiskan ini...

Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya sedikit.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Boleh, sila.

Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tadi Yang Berhormat sebut keris hendak dilesenkan. Saya presiden silat. Anggota silat semua di rumah ada banyak keris. Apakah selepas ini semua silat, anggotanya perlu meminta permit untuk menyimpan keris di rumah masing-masing?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Ini soal mengimport, membawa masuk ke dalam negara ini Yang Berhormat. Kalau keris ada di dalam negara ini mungkin dia tidak perlu lagi permit dan saya memang mengetahui juga, saya pun ada sedikit-sedikit belajar silat dahulu. Jadi tidak sampailah guna keris, kita guna kayu sahaja. Replika kayu pun Yang Berhormat, baru-baru ini ada penggambaran filem yang bakal dibuat penggambaran pada 6 Mei kalau tidak salah saya. Marco Polo di Malaysia, salah satu penggambaran wayang yang besar, mungkin bernilai RM100 juta dan lebih, dia hendak bawa senjata-senjata *artificial* macam replika pedang, keris dan apa-apa sahaja daripada negara luar, dia perlu mendapatkan lesen daripada pihak KDN sebelum dibolehkan membawa ke sini. Apabila dia hendak sampai ke sini pun, dia mesti memberitahu kita di mana hendak simpan, apa akan berlaku selepas habis penggambaran nanti. Jadi, semua perkara ini dilihat supaya tidak keciciran senjata yang merupakan satu yang sebenarnya.

Senjata palsu ini umpamanya senapang, senjata buatan sendiri dan sebagainya ini diletakkan di bawah *Arms Act*. Di bawah *Arms Act* ini saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi, ada yang mencadangkan supaya *Arms Act* ini kita lihat semula. Bahkan saya sudah sebut dalam dua, tiga akhbar yang bertanya kepada saya. Saya akan melihat daripada sudut hukumannya kerana semasa undang-undang ini dibuat, hukumannya tidaklah begitu besar sangat tetapi dari sudut nilai yang ada pada kita sekarang, nilai ini tidak lagi mendatangkan kesan yang menakutkan sesiapa yang menggunakan senjata palsu umpamanya sekarang. Bahkan bukan sahaja *paintball* tetapi banyak lagi senjata-senjata lain yang digunakan, ia menyerupai senjata-senjata sebenar termasuk senapang yang boleh menembak macam zaman komunis dahulu dia menggunakan senapang buatan sendiri. Termasuklah senjata-senjata sedemikian rupa yang di *classified* sebagai senjata palsu dan hukumannya berlainan daripada hukuman-hukuman yang itu.

Jadi kita kenalah, saya bersetuju bahawa undang-undang ini kita lihat semula. Sebenarnya saya sendiri sedang melihat semula oleh kerana banyak sangat undang-undang yang perlu kita lihat, yang sekarang ada 42 undang-undang di KDN yang perlu dilihat termasuklah sekarang yang *the latest* undang-undang yang perlu dilihat ialah undang-undang berhubung daun ketum. Bukan saya hendak sebut tetapi saya sebut juga, menjadikan undang-undang yang kita ada 43. Saya kembalikan dua undang-undang kepada Kementerian Kewangan semasa saya masuk ke kementerian ini, saya hantar kepada Kementerian Kewangan, saya kata ini bukan undang-undang yang sepatutnya di bawah KDN dan telah diserahkan kepada Kementerian Kewangan. Akan tetapi kita masih ditambahkan dengan satu lagi melalui keputusan Kabinet.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu sebagai rumusan kepada jawapan saya. Jawapan yang khusus Tuan Yang di-Pertua ialah begini, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus bertanya soal SOP pegawai keselamatan membawa senjata di tempat awam. Jadi, persoalan ini kita memang mempunyai undang-undang. Satu, undang-undang iaitu Undang-undang Keselamatan Persendirian

1971 yang di bawahnya tidak ada kuasa pihak polis sebenarnya untuk mewujudkan undang-undang kecil. Dengan itu maka...

■1730

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, silakan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak beri penjelasan kenapa saya sentiasa berhenti apabila Tuan Yang di-Pertua berubah. Mengikut sejarahnya dulu pada abad ke-17, apabila Tuan Yang di-Pertua tidak duduk di sana, Ahli Parlimen yang bercakap berhenti dulu. Akan tetapi bila Tuan Yang di-Pertua itu walaupun dia masih berjalan, tidak duduk di sana, memberi arahan, arahan itu diikuti. Jadi, dengan itu kenapa saya berhenti sentiasa, *observing* sebab penulis buku kena ingat...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Jadi, pengawal tidak dibenarkan menaiki kenderaan awam semasa membawa senjata, mestilah menggunakan kenderaan kepunyaan syarikat keselamatan itu sendiri. Ini telah digariskan di dalam peraturan yang dibuat oleh pihak kementerian. Jadi, pada masa sekarang untuk maklumat Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa kementerian masih mengkaji undang-undang ini supaya kita pinda. Oleh kerana undang-undang ini dibuat pada tahun 1971 dahulu. Ia mungkin sesuai untuk tahun 1971 tetapi ia tidak lagi sesuai untuk tahun 2014 ini.

Maka, kita masih berbincang, saya sendiri dengan menteri masih berbincang. Baru dua tiga hari lepas berhubung dengan pindaan yang saya cadangkan hendak dibuat pada undang-undang ini. Semua garis panduan ataupun *directive* yang diberi oleh pihak kementerian sebanyak sebelas *directives* yang diberi oleh kementerian. Merangkumi semua soalan uniform, senjata, soalan menyimpan senjata, soalan menjaga senjata, uniform dan sebagainya, disiplin semua dimasukkan dalam garis panduan. Itu mungkin akan kita tukar supaya menjadi undang-undang kecil yang kita boleh guna sebagai menguatkuasakan kuasa-kuasa kita di bawah undang-undang itu nanti.

Jadi, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus juga bertanya di pasar malam menjual dan membawa senjata-senjata, umpamanya pisau yang dijual merata-rata. Saya memang juga melihat, di kedai-kedai *hardware* kita lihat pisau, parang yang dijual di kedai-kedai ini. Pada masa sekarang ini saya mengetahui bahawa tidak ada lesen yang perlu untuk menjual dan menyimpan senjata-senjata ini. Oleh kerana hakikatnya di bawah peraturan kita, undang-undang kita ini ialah bahawa nawaitu, *intention* kita itu amat penting untuk membawa senjata ini. Kalau kita mempunyai *intention* memegang sesuatu senjata atau membawa sesuatu senjata itu tidak untuk menggunakan senjata ini sebagai alat untuk menyakiti orang lain, untuk melakukan jenayah, bahawa seseorang itu tidak boleh...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Biar saya habis dulu. Dia tidak boleh dituduh di bawah undang-undang ini sebagai melakukan jenayah di bawah undang-undang ini. Jadi, soalan dua

perkara iaitu apa yang dikatakan *actus reus* dan *mens rea* itu, orang membawa dan tujuan untuk membawa itu dua-dua mesti ada wujud pada seseorang itu sebelum dia boleh dituduh di bawah undang-undang ini. Maka, walaupun telah dipinda begitu rupa, ciri-ciri perundangan asal yang kebiasaannya masih diguna pakai di bawah undang-undang ini. Ini telah juga boleh menjawab sebagaimana kalau kita berjumpa orang di ladang, memang kebiasaan orang kampung daripada rumah panjang dan kampung-kampung, orang pergi ke ladang dan sebagainya, kelapa sawit dan pelbagai lagi. Jadi, membawa senjata ini tidak menjadi satu masalah sebab memang tugas dia.

Akan tetapi kalau seorang petani itu juga pergi ke KLCC hendak cari si Ahmad, hendak potong kepala si Ahmad, jadi ia menjadi satu kesalahan. *Intention*nya hendak gunakan senjata itu. Walaupun senjata yang sama, kalau di ladang tadi hendak tebas dan terbang, tidak menjadi kesalahan. Akan tetapi dibawa ke KLCC, dibawa ke *MidValley* untuk cari si Ahmad, cari si Samykah, cari si Kongkah, ia menjadi satu kesalahan. *Intention* itu *determine* sama ada undang-undang ini boleh dipakai ataupun tidak...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Pertanyaan untuk penjelasan. Tadi saya ada hendak tanya dua benda. Oleh sebab tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada bangkitkan tentang soal pembelian cenderamata berbentuk keris dari luar negeri. Ini kerana Yang Berhormat Datuk Megat sering ke luar negeri cari keris. Muka dia pun dah berubah bila Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tidak boleh kan? Persoalan saya di sini, kadang-kadang kita pergi ke luar negeri beli senjata berbentuk cenderamata. Adakah permit itu harus diperoleh sebelum atau selepas? Oleh kerana kadang-kadang kita tidak ada *intention* untuk membeli tetapi dah terjumpa, itu yang pertama tentang soal permit.

Yang kedua tetapi dah dijawab tadi tentang soal bawa parang daripada kebun kerana Yang Berhormat Baharudin sering pergi ke kebun tetapi sudah terjawab tadi. Itu sahaja, yang pertama sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, selepas ini Yang Berhormat jawab sahajalah, tidak payah tanya-tanya lagi, jawab terus [*Ketawa*]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan ini memang relevanlah kepada sesiapa yang ingin hendak beli barang-barang macam ini. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, amalan yang kita buat, barang siapa pergi ke luar negara, selepas itu dia terjumpa benda yang dia suka, memang betul. Macam dia pergi ke Nepal, dia jumpa parang Gurkha, Kukri, lepas itu dia hendak beli. Bila dia hendak beli, dia belilah, dia bawa. Akan tetapi kalau sampai di *airport* kita, Kastam akan *seized* perkara itu. Akan minta dia menunjukkan permit ataupun lesen untuk membawa senjata ini masuk ke dalam. Begitulah juga keris dan sebagainya. Pedang daripada Jepun, pedang Samurai, walaupun untuk *display* sahaja, ia perlu ada permit.

Akan tetapi kalau dia tidak dapat tunjuk permit, senjata itu akan disimpan oleh pihak Kastam. Kastam biasanya, saya berjumpa dengan seorang kawan ada bawa senjata sedemikian rupa, ditahan di Lapangan Terbang Kuching sampai satu bulan lebih hinggalah permit itu diluluskan oleh KDN. Baru dia bawa permit itu kepada Kastam, Kastam *release* senjatanya itu dan semuanya selamat. Akan tetapi kalau tujuan kita hendak pergi ke sana memang hendak cari keris, cari parang, cari pedang, mintalah

permit dahulu, itu yang mudah sekali. Bila sampai sahaja balik nanti, tunjuk permit, tunjuk parang dan pedang itu, *Insyah-Allah* Kastam pun tidak tahan lagi. Kita boleh tunjuklah dengan anak bini bila sampai di rumah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, satu lagi apakah SOP pengawal keselamatan membawa senjata api. Kelihatan mereka membawa senjata menggunakan motosikal tetapi senjata disangkut di bahu. Perkara ini mendedahkan kepada kes ragut. Syarikat kawalan keselamatan adalah tertakluk kepada arahan tetap operasi nombor satu. Jadi, sebenarnya ini salah disiplinlah. Jikalau dijumpai itu sepatutnya diambil tindakan sebab ada arahan-arahan tertentu bagaimana mereka menyimpan, membawa senjata mereka yang telah dibenarkan.

Akan tetapi dahulunya, Yang Berhormat kena tahu satu perkara. Tiap-tiap pengawal keselamatan mesti dulu mendapat lesen daripada pihak polis yang dikatakan *Carry and Use License (C&U License)* barulah dia dibolehkan membawa senjata. Kalau dia tidak ada *carry and use* walaupun syarikat ini dibenarkan menyimpan senjata, menggunakan senjata tetapi kalau anggota ini tidak mempunyai *C&U License*, dia tidak boleh juga. Bermakna, *carry and use license* ini spesifik kepada yang ada lesen, yang lain itu tidak boleh bawa.

Jadi, persoalan yang satu lagi daripada Yang Berhormat Senator Dato' Johari, membangkitkan tindakan membanteras jenayah berat menggunakan senjata api.

■1740

Jadi Tuan Yang di-Pertua, yang pertama kita akan mempertingkatkan kerjasama agensi penguat kuasa di kawasan sempadan seperti tentera, kastam, agensi penguat kuasa maritim untuk membanteras penyeludupan senjata api.

Kedua, memperketat kawalan di sempadan bagi mencegah aktiviti penyeludupan senjata api agar dapat menghalang kemasukan senjata haram secara besar-besaran.

Yang ketiga, memantapkan pengumpulan maklumat berkaitan risikan berkaitan aktiviti jenayah melibatkan senjata api. Soal ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua pakarlah mengenainya. Soal risikan, *information, intelligent* dan sebagainya itu. Jadi *intelligent report* ini- walaupun berlaku kesalahan dan jenayah-jenayah yang kita dengar, tetapi polis sebenarnya mempunyai maklumat. Akan tetapi kadangkalanya maklumat ini tidak menyebut hari, tarikh dan sebagainya- bila perkara itu berlaku.

Walaupun maklumat ada mengatakan- okey, orang ini mungkin ada mempunyai senjata, akan dibawa menyeberang sempadan dan sebagainya.

Menjalankan operasi pencegahan berterusan seperti Ops Cantas yang berjaya melumpuhkan kegiatan kongsi gelap dan gengsterisme hampir di seluruh negara.

Kelima, penubuhan pasukan khas seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang bertujuan untuk membanteras kegiatan jenayah yang melibatkan penggunaan senjata api, lain-lain jenayah terutama senjata bersendirian iaitu *Special Task Force on Organised Crime* ataupun STAFOC dan *Special Tactical Intelligence Narcotics Group or STING* yang telah diwujudkan PDRM. STING baru-baru ini membuat kejayaan yang amat besar di Johor, telah menangkap dan membanteras kegiatan penyeludupan dadah.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat juga bertanya, sikap seseorang itu mempunyai lesen senjata api namun meminjamkan senjata tersebut kepada orang-orang lain. Ia menjadi satu kesalahan di bawah- meminjamkan senjata api tersebut di bawah seksyen 8(B), Akta Senjata Api 1960 yang membawa hukuman tidak melebihi tujuh tahun dan denda RM10,000, atau kedua-duanya sekali.

Yang inilah saya sebutkan tadi bahawa saya masih melihat undang-undang ini untuk kita pinda daripada sudut hukumannya sama ada memadai ataupun tidak oleh sebab undang-undang ini telah digubal pada tahun 1960. Bayangkan hukuman sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Saiful tadi, kalau hukuman itu tujuh tahun diberi *remission* selama satu per tiga, jadi hukuman itu sebenarnya sikit sahaja. Jadi sudah beri *remission*, ada pula sekarang kita perkara-perkara lain, mungkin parol, mungkin *good behaviour* dan sebagainya lagi dan ia akan mengurangkan. Jadi kita masih melihat undang-undang ini sama ada perlu dipinda ataupun tidak untuk mempertingkatkan hukuman Tuan Yang di-Pertua.

Yang keenam, Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit, senjata *paintball* perlu mendapatkan lesen PDRM. Ini saya secara peribadi mengetahui bahawa *paintball* ini juga satu permainan yang amat popular, yang menarik perhatian daripada masyarakat antarabangsa untuk terlibat sama dengan permainan *paintball* di negara ini. Akan tetapi senjata *paintball* sebagaimana Yang Berhormat-Yang Berhormat banyak menyebut tadi, ia juga menyerupai senjata api yang biasa.

Ia juga kalau digunakan dengan barang-barang yang keras seperti besi, batu ataupun bebola-besi, batu dimasukkan ke dalam senjata *paintball* ini, ia boleh mendatangkan kecederaan, sakit- teruk Tuan Yang di-Pertua. Jadi dalam keadaan sedemikian, itulah sebabnya ia juga memerlukan lesen daripada pihak polis sebelum diguna pakai, dan pihak polis sekarang memang berhati-hati untuk membenarkan mereka ini menggunakannya, walaupun kita memahami, walaupun kita mengetahui bahawa permainan *paintball* ini telah mendapat sambutan- *participant* daripada masyarakat antarabangsa untuk datang ke negara kita ini.

Walau bagaimanapun, kementerian bersama dengan pihak polis terus berbincang untuk mencari jalan yang terbaik supaya- dengan pihak *Malaysia Paintball Federation* ini, supaya mencari cara dan kaedah yang terbaik untuk macam mana kita boleh membenarkan, menyimpan senjata ini dan dikembalikan kepada satu tempat yang boleh dianggap selamat oleh pihak PDRM, kerana pandangan kementerian dan juga PDRM ialah, keselamatan awam amatlah penting kalau dibandingkan dengan perkara-perkara lain.

Yang Berhormat Senator Puan Roslin juga bertanya, supaya Kementerian Dalam Negeri mengadakan garis panduan dalam penjualan bahan kakisan seperti asid.

Sebagaimana yang saya telah sebutkan tadi sedikit, kawalan ke atas penjualan bahan kakisan seperti asid bukan berada di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Sebaliknya ia adalah di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan, dan pihak kementerian tersebut sedang dalam proses menyediakan SOP atau *Standing Operating Procedure* berkaitan penjualan asid, dan KDN melalui Polis Diraja Malaysia akan memantau perkara ini Tuan Yang di-Pertua.

Jadi satu lagi Tuan Yang di-Pertua iaitu berhubung dengan soal rampasan senjata api, dan penggunaan senjata api yang berlaku dan tindakan polis semenjak tahun 2009 hingga ke tahun 2014- iaitu Januari hingga ke bulan April tahun ini. Kalau kita lihat secara puratanya Tuan Yang di-Pertua- banyak jawapannya di sini. Biarlah saya baca jumlahnya sahaja.

Jumlah rampasan senjata api ialah 1,113 pelbagai jenis. Jenisnya ada, kita mempunyai maklumat ini. Kalau Yang Berhormat mahu kita boleh bagilah.

Tangkapan penjenayah sebanyak 891 orang. Walaupun pendedahan dalam akhbar ataupun televisyen tidak banyak tetapi penangkapan kita cukup banyak- 891 orang cukup banyak.

Penjenayah ditembak mati sebanyak 155 orang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya baca secara purata sahaja, dan butirannya ada disimpan di sini, bahkan mengikut negeri di mana mereka ini ditangkap, dan di mana senjata ini dirampas.

Yang Berhormat Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamad- penggunaan mercun, bunga api apabila kita mengadakan hari-hari perayaan sama ada hari raya, hari Tahun Baru Cina khususnya, bahkan di Sarawak Musim Gawai pun ada, dan bermacam-macam lagi. Mercun, bunga api adalah di bawah Akta Bahan Letupan 1957 dan *Explosive Rules 1923*.

Arahan Jemaah Menteri bertarikh 15 Februari 1995, 15 Mac 1995, 18 Januari 2012- mengharamkan permainan bunga api dan mercun di musim-musim perayaan dan arahan ini masih dilaksanakan walaupun kita dapati ada juga pihak yang masih tidak mendengar arahan ini, membakar mercun, dan masih menggunakan bunga api. Hakikatnya bahawa undang-undang ini memang agak payah hendak dilaksanakan di seluruh negara khususnya di mana masyarakatnya masih memegangkan peradaban ataupun budaya-budaya lama untuk membakar mercun dan sebagainya. Sekarang sesiapa sahaja hendak membakar mercun ataupun bunga api, dia kena mendapat lesen daripada pihak kementerian, dan pihak kementerian hanya memberi lesen setelah menyelidik latar belakang pemohon-pemohon tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana orang yang berada di luar bandar yang baru balik dari ladang apakah terdapat pengecualian?

Untuk makluman Yang Berhormat, tadi saya telah sentuh sepintas lalu bahawa bukan pengecualian Yang Berhormat, sebabnya berlakunya kesalahan di bawah undang-undang ini berlandaskan apa yang saya sebut tadi iaitu dua perkara. Satu, membawa sahaja dengan tidak ada *intention* untuk menggunakan, untuk menyakiti orang lain tidaklah menjadi satu kesalahan.

■1750

Tujuan orang di ladang dan di kampung, di rumah panjang, di pedalaman sama ada komuniti orang Ulu, Iban, Bidayuh, Melayu, Cina dan sebagainya, mana-mana sahaja di seluruh negara kita ini kalau tujuan membawa itu hanya untuk pergi ke ladang untuk menebang menebas, menjalankan kerja harian mereka yang menggunakan senjata sedemikian, bahawa tidaklah menjadi satu kesalahan. Pihak polis yang berjumpa perkara ini berlaku akan menyelidik secara mendalam apa dikatakan *the circumstance of the case, on the case basis* baru menilai sama ada orang itu melakukan kesalahan ataupun tidak di bawah undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, kalau biasanya peradaban kita ini bila Speaker dah tanya macam itu maknanya dia kata janganlah panjang sangat kerana percakapan itu elok, cantik tapi kita mengetahui jugalah. Jadi Tan Sri, saya...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasihlah faham Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi saya pun berjanji tadi sebelum Maghrib saya akan tamatkan jawapan saya ini. Barang siapa yang belum dijawab itu *insya-Allah* saya akan minta pegawai beri jawapan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon terima kasih kerana kerjasama, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih banyak-banyak. Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[**Fasal-fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Syukur *Alhamdulillah* kepada Allah Subhanahu Taala, selesailah sudah agaknya Majlis kita dan saya pertama sekali ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang masih tetap berada dalam Dewan ini sehingga tamat *[Tepuk]* Ini menunjukkan Yang Berhormat betul-betul sudah komited dan saya harap perkara ini akan dapat kita teruskan bahawa apa yang telah diamanahkan dan dipertimbangkan oleh semua Yang Berhormat tentu sekali mendapat penghargaan semua pihak.

Yang kedua, izinkan saya mengambil kesempatan mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Dewan Negara ini yang telah menjalankan tanggungjawab untuk menyelesaikan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ketiga Belas 2014 Dewan Negara ini mulai 21 April sehingga 6 Mei 2014 pada petang ini. Di sini saya ingin juga mengambil kesempatan mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada dua Timbalan Yang di-Pertua.

Biasanya seorang sahaja tetapi sekali ini kerana Yang Berhormat Datuk Doris Sophia telah tidak begitu sihat dan saya ambil kesempatan mewakili semua mengucapkan ribuan terima kasih

kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus yang telah dapat membantu saya [*Tepuk*] Dan bersama-sama menjayakan majlis ini dengan baik. Begitu juga kita tadi dah mengadakan satu majlis tetapi saya secara rasminya ingin merakamkan dalam Dewan ini, mengucapkan selamat bersara kepada dua orang rakan kita yang telah sampai masanya untuk tamat tempoh perkhidmatannya pada tanggal 29 Mei nanti.

Di atas kehadiran Yang Berhormat dan Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin, kami semua dalam Dewan ini, mewakili semua yang ada ini, selamat bersara. Mudah-mudahan Yang Berhormat semua akan terus maju jaya dan agaknya terus dapat kembali ataupun kalau ada masa-masa lapang, datanglah jenguk-jenguk di sini, kita tidak ada masalah.

Juga saya ingin mengambil kesempatan di sini bahawa saya ingin mendoakan bahawa Yang Berhormat akan terus dilindungi Allah Subhanahu Taala, selamat berjaya dan seterusnya kepada semua ahli yang mewakili dan tolong membantu. Tadi saya rasa Yang Berhormat Doris, Yang Berhormat Datuk Firdaus dan juga Timbalan-timbalan Menteri, Menteri-menteri yang telah bertungkus-lumus dan juga bentara-bentara, staf-staf keselamatan, semua sekalilah- kepada pegawai kementerian, saya mengambil kesempatan mengucapkan berbilang-banyak terima kasihlah di atas segala sumbangan dan perkhidmatan yang diberi.

Akhir sekali, saya mengambil kesempatan mengucapkan selamat kembali ke pangkuan keluarga. Dalam perjalanan balik, berhati-hatilah di jalan raya.

Yang Berhormat semua selalu mengingatkan betapa pentingnya keadaan di jalan raya, jaga-jagalah. Kalau memandu itu, jaga-jaga baik-baik. Tentukan kalau yang ada pemandu, pemandu pun jangan menghisap dadah pula. Ini yang selalu kita dengar, bas sahaja tetapi kita tidak tahu juga. Kadang-kadang itu pemandu kita pun kena diawasi juga. Ini keselamatan kita. Dengan itu akhir sekali saya mengambil kesempatan Yang Berhormat semua, mesyuarat Dewan kita hari ini ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Sekian. *Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.58 petang.]